

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
No. Kew.: 84 Pg
No Perolehan: T0915
Tarikh: 12/84

Faktor Persekitaran Formal dan Amalan Mengasuh
Secara Formal di Tabika : Kajian di Tiga Buah
Tabika di Kuala Lumpur.

Bertulis yang,

Dengan selesaifnya penulisan tesis ini telah selaku sasteri dan pengajuan telah dapat dilaksanakan. Maka pun saya mengucapkan terima kasih dan berterimakasih kepada Profesor Dr. Siti Haji binti Ahmad yang telah memberikan bantuan dan segala kebaikan adalah daripada Alkitab.
No. Matrik 040999

Saya minta kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak berikut yang telah memberikan bantuan kepada saya sehingga selesai penulisan tesis ini.

Dr. Prof. Nadya Dr. Siti Haji yang mengadat penulisan
Latihan Ilmiah
Latihan Untuk Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-syarat
Untuk

Ijazah Sarjana Muda

Hishamah Bokan I., Puan Zaitun serta kahfangan

Majlis Pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Malaya yang
Jabatan Antropologi Dan Sosiologi

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Encl. Hussaini di Jabatan Sosial, Kerajaan Persekutuan

Universiti Malaya yang memberikan gelas mendapatkan ijazah
Sesi 1984/85

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Dengan selesainya penulisan latihan ilmiah ini maka satu lagi tanggungjawab telah dapat dilaksanakan. Walaupun ianya mempunyai banyak kelemahan, setiap kelemahan itu datangnya daripada kekurangan saya sendiri dan segala kebaikan adalah daripada Allah s.w.t.

Saya ambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak berkenaan yang telah memberikan bantuan kepada saya sehingga selesai penulisan latihan ilmiah ini.

- i. - Prof. Madya Dr. Zainal Kling yang mengawas penulisan latihan ilmiah ini.
- ii. - Pihak MARA yang telah membayai perbelanjaan latihan ilmiah.
- iii. - Timbalan Dekan I, Puan Zaiton serta kakitangan Perpustakaan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya yang memberi kesempatan menggunakan bahan-bahan rujukan serta cadangan-cadangan untuk rujukan.
- iv. - Encik Hussein di Bahagian Koleksi Kebangsaan Perpustakaan Universiti Malaya yang membantu dalam mendapatkan rujukan tambahan.

- v. - Kepada kakak yang sudi dan bersusah payah menaipkan latihan ilmiah ini.
- vi. - Kepada guru-guru dan pembantu-pembantu di Tabika-tabika yang dikaji. Tanpa bantuan dari mereka tidak akan terlaksana hasrat untuk penulisan latihan ilmiah ini.
- vii. - Teristimewa untuk rakan-rakan di Jabatan Antropologi Sosiologi tempat saya meluahkan perasaan.
- viii. - Kepada semua, budi kalian tetap di kenang.

Terima kasih daun keladi.

Rekanda Yang ~

No. Matrik 040999

Jabatan Antropologi & Sosiologi

Universiti Malaya

Kuala Lumpur.

DEDIKASI

Pembuka kata

Segala Puji Bagi Mu
Tuhan Sekalian Alam.

Untuk ayahanda -

Sefahaman dan keyakinan
punca kebahagian.

Bonda -

yang bersusah payah tapi

Bondi yang memahami kajian ini amat memahami

Kekanda Yong -

semoga berjaya dalam hidupmu

Kekanda Nyah dan Adinda Yan -

Yang jauh di mata
tapi dekat di hati

Adinda Sham -

bersabar menghadapi dugaan

Jun -

penawar duka penghibur lara

Kepada semua yang tersayang

semoga setiap usaha mendapat
berkat daripada Allah s.w.t.
dimurahkan rezeki selalu
dipanjangkan usia.

Dariku untuk mu.

- Tam -

SINOPSIS

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh manakah faktor persekitaran formal dan amalan mengasuh formal mempengaruhi suasana pembelajaran di Tabika.

Banyak isu telah dibincarakan mengenai Tabika terutama sekali mengenai aspek bermain di dalam pembelajaran kanak-kanak. Tetapi tiada yang memperkatakan bagaimana ianya dapat dicapai jika faktor persekitarannya adalah serba kekurangan dan amalan mengasuh yang jauh daripada memuaskan.

Oleh yang demikian kajian ini sedaya yang termampu cuba menyingkap keadaan sebenar yang terdapat di tiga buah Tabika yang dikaji. Hasil yang diperolehi disimpulkan di dalam Bab 6.

Apa yang tercatat di Bab 2: Pendekatan dan Konsep mungkin satu yang ideal kerana ianya sukar didapati wujud di tempat-tempat kajian. Mungkin ciri-ciri tertentu terdapat di sebuah Tabika tetapi tidak pada dua buah lagi. Kalau digabungkan kebaikan-kebaikan daripada ketigatiganya mungkin wujud sebuah Tabika yang ideal.

Tidak dapat dinafikan Tabika yang dikelolakan oleh pihak swasta mempunyai kemudahan yang lebih baik lagi berbanding dengan yang diusahakan oleh pihak kerajaan. Faktor kewangan merupakan punca utama kepada perbezaan ini. Mungkin dari segi persekitaran dan lokasi tidak dapat dielakkan, tetapi pada pendapat penulis kekurangan pada faktor ini patut ditimpalkan dengan amalan mengasuh yang lebih baik melalui penyediaan

bahan-bahan bacaan yang lebih mudah dan menarik perhatian kanak-kanak.

Kesemua ini terpulang atas initiatif pihak yang terlibat dan tanggungjawab mendidik tidak boleh dibebankan ke atas orang-orang tertentu yakni guru semata-mata.

Dengan itu penulis berharap apa yang terkandung di dalam latihan ilmiah ini akan memberi buah fikiran kepada semua bahawa masih banyak yang perlu dilakukan jika kita benar-benar mahu memberikan head-start yang lebih merangsang kepada kanak-kanak di pra-sekolah.

Sekian terima kasih.

No. Matrik 040999

Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur.

DAFTAR KANDUNGAN

BAB 3 : LATARBELAKANG KAJIAN	59 - 96
3.1 Pengenalan Kepada Bab	Muka Surat
PENGHARGAAN	1.2 Kedudukan dan Persekutuan Negara i - ii
DEDIKASI	1.3 Latarbelakang Informasi iii
SINOPSIS	1.4 Latarbelakang Kursus ed
	1.5 Pandangan Guru-gue Mengenai Kebangsaan iv - v
DAFTAR KANDUNGAN	Persekitaran Berkaitan Dengan Pembelajaran vi - viii
SENARAI JADUAL	Konsep Tabika, Aktiviti Dan Jadual ix
SENARAI GAMBARAJAH	Sebuah x
BAB 1 : PENDAHULUAN	1 - 23
	1.1 Masalah Kajian 1
	1.2 Tumpuan Kajian 10
	1.3 Objektif Kajian 11
	1.4 Kaedah Kajian 12
	1.5 Tempat Kajian 14
	1.6 Kerumitan Kajian 20
	Nota Hujung 22
BAB 2 : PENDEKATAN DAN KONSEP	24 - 58
	2.1 Pengenalan Bab 24
	2.2 Konsep Tabika 24
	2.3 Pendekatan 27
	i Persekutuan Formal 27
	ii Amalan Asuhan Formal 34
	Nota Hujung 57
	Bab 2: Pengenalan Persekutuan Formal 163
	Bab 2: Amalan Asuhan Formal 164

Muka Surat

BAB 3 : LATARBELAKANG KAJIAN	59 - 94
3.1 Pengenalan Kepada Bab	59
3.2 Kedudukan dan Persekutaran Fizikal	59
3.3 Latarbelakang Informan	66
3.4 Latarbelakang Kursus	68
3.5 Pandangan Guru-guru Mengenai Beberapa Perkara Berkaitan Dengan Pembelajaran Di Tabika	73
3.6 Komposisi Kelas, Aktiviti Dan Jadual Waktu	76
3.7 Masalah Guru	89
3.8 Cara Mengatasi Masalah	92
BAB 4 : PENDEKATAN: PERSEKITARAN TABIKA	95 - 134
4.1 Pengenalan Bab	95
4.2 Ringkasan Persekutaran, Ciri-ciri dan Objektif	95
4.3 Persekutaran Fizikal Tabika	97
4.4 Persekutaran Suasana Emosi Tabika	115
4.5 Persekutaran Hubungan Sosial Tabika	122
4.6 i Pengalaman Kanak-kanak	128
ii Perolehan Bahasa	130
BAB 5 : PENDEKATAN: AMALAN MENGASUH SECARA FORMAL TABIKA	135 - 170
5.1 Pengenalan Bab	135
5.2 Ringkasan Amalan Mengasuh Secara Formal, Ciri-ciri Dan Objektif	135
5.3 Amalan Mengasuh Melalui Kurikulum	136
5.4 Amalan Mengasuh Melalui Kawalan	161
5.5 Amalan Mengasuh Melalui Proses Sosialisasi	163
5.6 Amalan Mengasuh Oleh Guru	164

	Muka Surat
BAB 6 : PENUTUP	171 - 185
6.1 Kesimpulan	171
6.2 Cadangan	179
BIBLIOGRAFI	182
LAMPIRAN CONTOH SOALSELIDIK	
1) Peringkat-peringkat Sejalan dan Kepada Kajian	13
2) Bilangan Pelajar Kelas K3 Tabika A	17
3) Jadual Maka Sembanggu Tabika A	29
4) Peralatan Yang Digunakan Dalam Aktiviti	30
5) Bilangan Pelajar DI Kelas Tabika B	31
6) Jadual Maka Sembanggu Tabika B	32
7) Peralatan Yang Digunakan Semasa Aktiviti	34
8) Bilangan Pelajar DI Kelas Tabika C	35
9) Jadual Maka Sembanggu Tabika C	36
10) Peralatan Yang Digunakan Semasa Aktiviti	38

SENARAI JADUAL

Muka Surat

1)	Bilangan Tabika di Malaysia Bagi Sektor Awam dan Swasta	6
2)	Situasi Tadika/Tabika Anjuran Swasta, Kerajaan dan Separa Kerajaan Bagi Tahun 1981 (Malaysia)	...						9
3)	Peringkat-peringkat Kajian dan Kaedah Kajian	...						13
4)	Bilangan Pelajar Kelas K3 Tabika A		77
5)	Jadual Waktu Seminggu Tabika A		78
6)	Peralatan Yang Digunakan Dalam Aktiviti		80
7)	Bilangan Pelajar Di Kelas Tabika B		81
8)	Jadual Waktu Seminggu Tabika B		82
9)	Peralatan Yang Digunakan Semasa Aktiviti		84
10)	Bilangan Pelajar Di Kelas Tabika C		85
11)	Jadual Waktu Seminggu Tabika C		86
12)	Peralatan Yang Digunakan Semasa Aktiviti		88

SENARAI GAMBARAJAH

	Muka Surat
1) Kawasan dan Persekutaran Tabika A 61
2) Kawasan dan Persekutaran Tabika B 63
3) Kawasan dan Persekutaran Tabika C 65
4) Kelas K3 Tabika A 99
5) Kelas Tabika B 105
6) Kelas Tabika C 110

dan kurang mendapat perhatian sama. Secara kesemuanya, mutu pelajaran Tabika di Malaysia masih rendah. Satu-saripada faktor yang mengakibatkan ini telah diungkapkan oleh pihak Kementerian untuk pertama kali dalam kajian keseluruhan pada tahun 1972.³

Bakikat bahawa jumlah kecukiran di kalangan kanak-kanak di peringkat sekolah rendah menengah, telah menarik perhatian Kementerian Pendidikan Malaysia. Ibu telah menggesekkan pihak Kementerian untuk membuat satu kajian keseluruhan pada tahun 1972.³

Ibu Ibu ini mendedahkan bahawa pendapatan keluarga dan tingkat pencapaian pelajaran berkait rapat. Kajian menunjukkan bahawa kadar keseluruhan yang sangat rendah di kalangan pelajaran sekolah. Tetapi faktor sekolah tidak merupakan sebab penting yang mengakibatkan keseluruhan beripada kajian yang dilakukan di apart Bahasa terdapat di kalangan penjaga saripada kebiasaan yang mereka dan aduhanya telah tercipta. Maka faktor saripada mereka berhenti sebagai seorang Lower Certificate

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Masalah Kajian

Di Malaysia, kewujudan Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) yang dianjurkan oleh pihak swasta dan institusi awam adalah fenomena yang telah lama wujud iaitu lebih kurang suku abad.¹ Oleh kerana ianya dianjurkan oleh pihak yang berlainan, maka kematangan dan objektif setiap daripada pusat ini mempunyai sifat yang berlainan dan individualistik.

Tabika tidak terletak di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia dan kurang mendapat perhatian umum. Secara keseluruhannya, mutu pelajaran Tabika di Malaysia adalah rendah. Satu daripada faktor yang mengakibatkan ini ialah guru-gurunya tidak pernah menjalani latihan ikhtisas.²

Hakikat bahawa kejadian keciciran di kalangan kanak-kanak di peringkat sekolah rendah dan menengah, telah menarik perhatian Kementerian Pelajaran Malaysia. Ini telah menggerakkan pihak Kementerian untuk membuat satu kajian keciciran pada tahun 1972.³

Kajian ini mendedahkan bahawa pendapatan keluarga dan tingkat pencapaian pelajaran berkait rapat. Kajian menunjukkan bahawa kadar keciciran yang tinggi terdapat di kalangan golongan miskin. Tetapi faktor miskin tidak merupakan sebab penting yang mengakibatkan keciciran. Daripada kajian yang dijalankan di dapati bahawa terdapat di kalangan remaja daripada keluarga yang berada dan sederhana telah tercicir. Seramai 68% daripada mereka berhenti sekolah selepas Lower Certificate

of Education (L.C.E.). Pada masa yang sama, sejumlah besar daripada golongan miskin kekal di sekolah. Maka kesimpulannya dapat dikatakan bahawa faktor kemiskinan bukan faktor penolak kepada keciciran.

Antara faktor-faktor yang dinyatakan dalam kajian keciciran yang mempunyai kaitan dengan persoalan keciciran termasuklah nilai-nilai yang terdapat dalam sesuatu sub-budaya, sikap masyarakat umumnya terhadap sains dan pelajaran serta sifat sekolah (characteristics of the school). Selain daripada itu sifat rumah dan sikap yang dipelajari semasa di rumah mempunyai kesan ke atas pelajaran seorang kanak-kanak sebelum daripada ia menjakkan kakinya ke alam persekolahan lagi.

Maka kajian keciciran ini menunjukkan bahawa kemajuan kanak-kanak di peringkat Tabika merupakan satu unsur penting bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan yang diakibatkan oleh keadaan sosio-ekonomi dan alam sekitar yang menghalang perkembangan fizikal, sosial dan emosi kanak-kanak.⁴ Ruth Bettelheim menyatakan bahawa pendidikan Tabika di Malaysia khasnya adalah bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan dan memberi peluang pendidikan yang sama kepada semua rakyat.⁵

Dalam tempuh Rancangan Malaysia Ketiga, peluang-peluang bagi kemajuan kanak-kanak di peringkat Tabika diluaskan dengan cara memilih dan menempatkan kemudahan-kemudahan Tabika di kawasan-kawasan di mana terdapat ramai golongan miskin. Usaha-usaha membentuk sukanan pelajaran Tabika dan melatih guru-guru Tabika menjadi usaha bersama Kementerian Pelajaran Malaysia, Institusi kerajaan dan organisasi lain yang mempunyai rancangan dalam pembangunan masyarakat.⁶

Kurikulum pendidikan Tabika yang terhasil kesan daripada seminar kebangsaan mempunyai 4 komponen bagi memenuhi keperluan negara. Amnya keperluan tersebut adalah seperti berikut:-

- i) keperluan kepada warganegara yang cerdik dan mahir,
- ii) keperluan kepada warganegara yang taat setia kepada raja dan negara,
- iii) keperluan kepada warganegara yang mempunyai akhlak dan budi pekerti yang tinggi, dan
- iv) keperluan kepada warganegara yang sihat dan cergas baik dari segi jasmani maupun rohani.⁷

Komponen-komponen ini dimasukkan ke dalam kurikulum Tabika dengan matlamat menjadikan kanak-kanak yang masih muda ini sebagai warganegara yang dapat berfungsi dengan baik dan dapat memberi sumbangan ke arah pembangunan dan keutuhan negara apabila dewasa kelak. Cara bagaimana komponen-komponen ini disisipkan ke dalam kurikulum pendidikan di tiap peringkat adalah mengikut kematangan kanak-kanak di peringkat yang berkenaan. Penekanan kepada ciri-ciri persambungan antara peringkat-peringkat adalah penting kerana proses pembelajaran dan proses perkembangan kanak-kanak adalah berterusan.

Di tiap-tiap peringkat, teknik-teknik yang tertentu yang perlu, disesuaikan dengan kematangan kanak-kanak. Kadang-kadang teknik yang sama boleh digunakan di peringkat yang berlainan. Misalnya kaedah belajar sambil bermain digunakan di Tabika bagi memupuk perkembangan intelektual kanak-kanak. Kanak-kanak diberi bahan-bahan manipulasi bagi menggalakkan

mereka berfikir, berusaha, berikhtiar, mencipta dan menghasilkan sesuatu bentuk bawaan. Di peringkat sekolah rendah kaedah belajar sambil bermain digunakan bagi tujuan spesifik, iaitu menguasai kemahiran-kemahiran tertentu seperti membaca, menulis dan mengira. Secara umumnya matlamat akhir pembelajaran ialah untuk menjadikan kanak-kanak itu berpengetahuan dan berkemahiran. Melalui proses dan peringkat pembelajaran yang tertentu, kanak-kanak akan dapat menguasai daripada semudah-mudah pengetahuan dan kemahiran kepada sesuatu yang lebih kompleks.⁸

Daripada komponen-komponen tadi dapat dihalusi mengenai kedudukan Tabika. Tabika bertindak sebagai perantaraan antara rumah, sekolah dan masyarakat sekeliling. Tabika anjuran Lembaga Perpaduan Negara ialah satu daripada aktiviti pendidikan Rancangan Perhubungan Malaysia. Rancangan ini bertujuan untuk merapatkan perhubungan tidak sahaja antara kerajaan dengan rakyat tetapi juga antara rakyat dengan rakyat melalui aktiviti-aktiviti sosial, kebudayaan, ekonomi, pelajaran dan kegiatan-kegiatan masyarakat.⁹

Pusat Perkembangan Kurikulum juga telah mengambil langkah menganjurkan Projek Pendidikan Imbuhan yang mempunyai 3 komponen iaitu:-

- i) komponen pra-sekolah
- ii) komponen pendidikan pemulihan di peringkat Sekolah Rendah Bawah
- iii) komponen Rancangan Penglibatan Masyarakat.

Penekanan kepada Rancangan Penglibatan Masyarakat wujud kepada kesedaran bahawa di luar organisasi sekolah terdapat faktor-faktor yang mempunyai pengaruh atas pembelajaran kanak-kanak seperti keadaan dan suasana di rumah serta peranan masyarakat.¹⁰

Kesimpulan daripada kenyataan-kenyataan tadi, maka pendidikan kanak-kanak tidak seharusnya dipertanggungjawabkan kepada Tabika semata-mata. Alam pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak sangat luas. Kanak-kanak sentiasa mendapat berbagai pengalaman pembelajaran di mana sahaja ia berada. Maka dalam keadaan apa sekalipun ibubapalah merupakan pendidik yang sebenar dan mempunyai pengaruh yang besar ke atas keseluruhan pendidikan anak-anak mereka.

Tabika di Malaysia sudah lebih daripada 40 tahun berkembang. Pada awalnya iaitu antara tahun-tahun 1950 - 1960 kesan daripada penjajahan Inggeris, ia mula-mula diusahakan oleh badan-badan agama Kristian sebagai satu daripada aktiviti gereja. Maka ia bersifat eksklusif dan hanya dapat memberikan perkhidmatannya kepada golongan yang berkemampuan sahaja di bandar-bandar. Ada juga orang perseorangan yang mengadakan khidmat ini tetapi hanya di bandar.

Selepas daripada kemerdekaan terutama sekali pada tahun-tahun 1970an, Tabika begitu pesat sekali berkembang terutamanya yang dianjurkan oleh institusi awam. Kesedaran bahawa faktor kemiskinan sama ada kemiskinan jiwa, kemiskinan kemudahan untuk hidup sempurna seperti kekurangan makanan, tempat tinggal dan kekurangan pengalaman menjelaskan tidak sahaja penyesuaian kanak-kanak tetapi juga kemajuan

di sekolah. Kepesatan ini juga digalakkan oleh dua faktor penting iaitu Dasar Ekonomi Baru dan Kajian Keciciran.

Di dalam Dasar Ekonomi Baru, usaha kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan adalah dengan memberikan peluang pendidikan yang saksama kepada kanak-kanak berasas baik dan juga kurang berasas baik. Juga daripada Kajian Keciciran, kesimpulan di buat bahawa pendidikan Tabika adalah satu langkah untuk menjayakan matlamat Dasar tersebut.

Secara perbandingan, jadual 1 di bawah menunjukkan pertambahan dari segi jumlah bilangan Tabika di Malaysia.

Jadual 1

Bilangan Tabika di Malaysia Bagi Sektor Awam dan Swasta

Sektor	1973	1981
Kerajaan	352	2,925
Swasta	510	925

Rujukan:- Thesis Hasnah Bte. Udin: Satu kajian mengenai Program Latihan Guru-guru Pra-sekolah anjuran Persatuan Tadika Malaysia, 1982.

Daripada jadual di atas di dapati bahawa menjelang tahun 1981 jumlah Tabika anjuran kerajaan telah bertambah sebanyak lapan kali ganda. Ini berbanding dengan sektor swasta yang hanya berganda sebanyak dua kali sahaja sejak 1973.

Keadaan ini wujud kerana kesedaran bahawa pendidikan Tabika amat penting dalam membantu kanak-kanak menghadapi pendidikan yang bercorak lebih formal.

Daripada kajian-kajian yang dibuat terdapat beberapa kesan hasil daripada pendidikan Tabika ke atas kanak-kanak. Kesan-kesan tersebut adalah:-

- i) Dapatan kajian Abraham (1978) menunjukkan bahawa kanak-kanak lebih senang menyesuaikan diri di sekolah formal setelah melalui Tabika. Ia juga dapat prestasi akademik mereka lebih tinggi daripada kanak-kanak yang tidak menghadiri Tabika.¹¹
- ii) Kajian Ling dan Tan (1975) juga menyokong dapatan kajian Abraham.¹²
- iii) Kajian Atan Long (1973) menyatakan bahawa kemahiran yang dipelajari semasa di Tabika banyak membantu kanak-kanak semasa di sekolah formal.¹³

Kewujudan Tabika-tabika sukarela, kerajaan dan separa kerajaan bertujuan memberi peluang pendidikan dan sosial kepada kanak-kanak yang kurang berasib baik. Pada 1970, Lembaga Kemajuan Masyarakat KEMAS di bawah Kementerian Pertanian telah mengadakan 10 buah Tabika di luar bandar sebagai tahap percubaan. Ia adalah sebahagian daripada Program Perkembangan Keluarga bertujuan untuk memperbaiki mutu kehidupan keluarga dan masyarakat. Pada 1971 setelah dinilai oleh pegawai-pegawai berkenaan, ianya diperluaskan. Pada 1981, statistiks menunjukkan:-

Bilangan Tabika KEMAS - 1694 buah.

Bilangan guru - 1700 orang.

Bilangan kanak-kanak - 44790 orang.

Oleh kerana sambutan yang begitu menggalakkan, ianya telah dibawa ke bandar untuk memberikan khidmatnya di kawasan-kawasan seperti setinggan dan rumah pangsa.¹⁴

Berikut daripada itu, maka banyak lagi institusi awam, separa awam serta swasta menambahkan khidmat mereka dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Jadual 2 menunjukkan kedudukan secara perbandingan bagi tahun 1981.

Kesemua pihak yang terlibat dalam Tabika menekankan kepada pendidikan awal tetapi pengendalian, keutamaan dan orientasi adalah berbeza sama ada dari segi pembayaran, pakaian, pengangkutan, kurikulum dan sebagainya.

Satu daripada kesan buruk akibat daripada perkembangan yang menggalakkan ini ialah bila wujudnya sikap mementingkan keuntungan.

Jadual 2

Situasi Tadika/Tabika Anjuran Swasta,

Kerajaan dan Separa Kerajaan Bagi Tahun 1981 (Malaysia)

Agensi	Bilangan Sekolah/ Pusat	Bilangan Kelas	Bilangan Guru	Bilangan Kanak-kanak
a. Persendirian /Swasta	925 (24.0%)	3046 (50.6%)	3187 (51.3%)	105681 (54%)
b. Kerajaan & Separa Kerajaan	2925 (76.0%)	2970 (49.4%)	3030 (48.7%)	90065 (46.0%)
Jumlah (a) + (b)	3850 (100%)	6016 (100%)	6217 (100%)	195746 (100%)

Rujukan:- Laporan Situasi mengenai Pendidikan Pra-Sekolah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia, Disember 1981.

Hasil kajian oleh Dr. Khairuddin Yusof mendedahkan bahawa 48% daripada Tabika di Malaysia mempunyai kemudahan asas yang memuaskan. Tetapi di tempat-tempat tertentu iaitu 52% lagi, bangunan yang digunakan serta kemudahan asas yang terdapat adalah menyalahi pada Akta Perumahan bagi Standard Minima Pekerja 1966. Punca daripada kekurangan-kekurangan ini disebabkan pihak pengangur menganggap Tabika sebagai 'business enterprise' di sertai oleh sikap jahil ibubapa mengenai keperluan dan

hak mereka serta anak-anak mereka.¹⁵

Maka daripada beribu-ribu Tabika yang terdapat di Malaysia, penulis akan mengkaji hanya 3 buah sahaja yang terdapat di Kuala Lumpur.

1.2 Tumpuan Kajian

Kajian ini akan memberi perhatian kepada dua faktor penting iaitu faktor persekitaran dan faktor amalan mengasuh kanak-kanak.

Penulis akan membuat dua pembahagian seperti di bawah dan juga ciri-ciri yang akan dilihat dalam tumpuan kajian tersebut.

<u>Tumpuan Kajian</u>	<u>Pembahagian</u>	<u>Ciri-ciri</u>
i) Faktor persekitaran	Formal	1. Fizikal 2. Sosial 3. Emosional 4. dan lain-lain.
ii) Faktor amalan mengasuh kanak-kanak	Formal	1. Kawalan 2. Proses Sosialisasi 3. Kurikulum 4. Guru.

Dalam penghuraian data, penulis akan memberi contoh-contoh sama ada faktor-faktor yang tersebut di atas wujud atau tidak dalam keadaan sebenarnya dengan membuat perbandingan antara ketiga-tiga Tabika yang dikaji. Penulis akan cuba menunjukkan daripada data serta faktor yang digunakan mengenai:-

- i) hubungan guru dan kanak-kanak
- ii) hubungan faktor persekitaran formal dengan kanak-kanak
- iii) hubungan amalan mengasuh formal dengan kanak-kanak

1.3 Objektif Kajian

Di dalam kajian ini, penulis melihat kepada dua aspek utama yang mempunyai peranan dan kesan ke atas pertumbuhan kanak-kanak.

A) Aspek persekitaran formal dan tidak formal adalah dua corak persekitaran yang akan ditemui, dilalui oleh setiap manusia. Ianya sentiasa mempengaruhi manusia dan begitu juga manusia sentiasa mempengaruhi persekitarannya. Persekitaran tidak terhad kepada ciri-ciri fizikal sahaja seperti bangunan tetapi ia juga meliputi perkara-perkara seperti emosi manusia, alam semulajadinya juga proses-proses sosialisasi yang sentiasa bergerak dan berubah. Di dalam kajian ini, penulis cuba melihat bagaimana aspek persekitaran ini mempengaruhi kanak-kanak dan apakah kesannya terhadap perhubungan kanak-kanak dengan gurunya, ibubapanya juga rakan sebayanya.

B) Aspek amalan mengasuh anak-anak bergantung kepada budaya seseorang itu. Antara satu budaya dengan yang lain, masing-masing mempunyai nilai yang berbeza. Adakalanya amalan persekitarannya di mana beberapa nilai tradisi diketepikan dan diambil nilai-nilai yang baru. Di dalam kajian ini penulis akan melihat nilai-nilai yang wujud dalam sahsiah kanak-kanak ini apabila mereka berinteraksi dengan guru, ibubapa dan rakan-rakan.

1.4 Kaedah Kajian

Kajian dijalankan pada 23hb. April, 1984 hingga 11hb. Mei, 1984. Penulis menghabiskan masa seminggu bermula daripada hari Isnin sehingga Jumaat ditiap-tiap Tabika yang dikaji.

Kajian awal selama dua hari diadakan di Tabika A. Penulis telah berkesempatan berbual dengan Guru Besar pada hari pertama di mana identiti penulis telah diperkenalkan. Pada hari yang sama juga, penulis telah berpeluang masuk ke kelas yang akan dikaji. Penulis diperkenalkan sebagai pembantu guru di kelas tersebut.

Penulis mengambil kesempatan berkenalan dengan murid-murid dan membuat pemerhatian akan perjalanan kelas. Pada hari kedua barulah penulis dapat satu gambaran yang lebih jelas akan perjalanan kelas dan sekolah serta aktiviti yang dijalankan. Daripada perbualan dengan guru juga, penulis berupaya untuk membentuk soalselidik yang bersifat 'open-ended' untuk guru-guru yang akan ditemui nanti.

Secara lebih jelas, penulis membuat satu jadual akan peringkat-peringkat kajian serta kaedah-kaedah yang digunakan.

Jadual 3 Peringkat-peringkat Kajian dan Kaedah Kajian

Tahap	Tempuh Masa	Tempat	Kaedah Kajian	Tujuan
Awal	2 hari	Tabika A	i. Temubual	<ul style="list-style-type: none"> i. Perbualan dengan guru besar dan guru membantu penulis untuk mendapatkan gambaran tentang perjalanan kelas, sekolah serta matlamat yang ingin dicapai melalui kajian mengenai Tabika ini. ii. Daripada temubual dan pemerhatian maka penulis mendapat 'ilham' untuk membuat soalselidik serta meneliti semula tumpuan kajian untuk diperkemaskan lagi. Juga penulis mendapat beberapa idea mengenai perkara-perkara yang perlu dititikberatkan semasa menjalankan kajian. iii. Pemerhatian penyertaan ini juga membantu pengkaji untuk meneliti semula fakta-fakta yang telah dikumpul melalui pembacaan sama ada ianya bersetujuan dengan Tabika Malaysia.
Akhir	3 hari 5 hari 5 hari	a) Tabika A b) Tabika B c) Tabika C	<ul style="list-style-type: none"> i. Temubual ii. Pemerhatian penyertaan iii. Pengumpulan data daripada rekod guru, lampiran-lampiran yang diberikan mengenai tujuan matlamat serta perancangan Tabika dan lain-lain maklumat. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Temubual dengan guru-guru di ketiga-tiga Tabika menjelaskan lagi mengenai perjalanan serta penekanan dalam kelas. ii. Penjelasan perlu kepada pemerhatian dan ini diperolehi semasa temubual. iii. Pemerhatian-penyertaan dilakukan supaya penulis dapat merasakan sendiri masalah-masalah guru serta memahami sikap kanak-kanak dan juga guru.

1.5 A) Tempat Kajian

Oleh kerana di Kuala Lumpur banyak terdapat Tabika-tabika maka penulis tidak begitu susah untuk membuat pilihan.

Kriteria yang digunakan oleh penulis ialah sama ada Tabika tersebut diusahakan oleh pihak persendirian atau awam. Oleh kerana hanya dua pilihan sahaja maka penulis telah memilih untuk mengkaji sebuah daripada persendirian dan dua daripada awam dengan melihat kepada kedudukan fizikal Tabika tersebut. Ini kerana dalam keadaan yang biasa, kedudukan fizikal juga menentukan latarbelakang kanak-kanak yang menghadiri kelas-kelas Tabika tersebut. Tetapi, perlu juga diingati bahawa ada juga kes-kes (tetapi minoriti sahaja) di mana segelintir daripada kanak-kanak ini yang memberikan keadaan sebaliknya.

Penulis memilih keadaan persekitaran yang berbeza iaitu di kawasan rumah panjang, di rumah pangsa dan di kawasan komersial untuk melihat sama ada perjalanan serta penekanan adakah sama ataupun berbeza seperti yang telah diterangkan dalam tumpuan kajian tadi.

Persekitaran dan amalan mengasuh banyak mempengaruhi sahsiahan kanak-kanak. Ia juga menentukan sama ada mereka bersedia untuk menghadapi sekolah atau tidak serta bagaimana reaksi apabila bergaul dengan rakan-rakan sebaya.

Ringkasnya tiga persekitaran formal yang berbeza ini akan menjelaskan lagi tumpuan kajian sama ada apa yang dicari dan apa yang tercatat dalam data kajian menyokong satu sama lain.

1.5 B) Informan

Oleh kerana penulis hanya mengkaji 3 buah Tabika sahaja maka bilangan informan adalah tidak ramai, mereka terdiri daripada:-

Jenis pekerjaan	Bilangan
Guru Besar	1
Guru	3
Pembantu Guru	3
Jumlah	7

Hanya seorang sahaja Guru Besar yang ditemui oleh penulis. Beliau adalah Guru Besar di Tabika A yang merupakan sebuah Tabika persendirian di bawah sebuah badan agama Kristian.

Di dua buah Tabika lagi tiada Guru Besar kerana kedua-duanya terletak di bawah pengawasan Jabatan tertentu. Pada masa-masa tertentu, seorang Penyelia akan datang membuat lawatan untuk melihat perjalanan kelas.

Di tiap-tiap Tabika, setiap kelas mempunyai 2 orang petugas iaitu seorang guru dan seorang lagi pembantunya. Maka daripada ketiga-tiga kelas yang dikaji, penulis telah berbual dan berbincang serta memerhatikan 3 orang guru - seorang daripada sebuah kelas yang dikaji dan juga pembantu masing-masing, semasa menjalankan tugas mereka.

1.5 C) Pengumpulan Data

1) Pemerhatian penyertaan

Kaedah ini merupakan yang paling utama sekali kerana ia banyak membantu penulis memahami tentang perjalanan kelas, masalah guru, ragam murid-murid serta hubungan yang wujud antara guru dengan muridnya dan juga antara murid-murid ini sendiri.

Di peringkat awal kajian, kaedah ini telah memberikan kepada penulis insight mengenai Tabika secara amnya. Ia membolehkan penulis buat pertama kalinya berada di dalam sebuah kelas Tabika dan berupaya mewujudkan hubungan antara penulis dengan informan juga dengan anak murid informan.

Pada peringkat selanjutnya, kaedah ini membolehkan penulis untuk membandingkan ketiga-tiga buah Tabika ini serta membuat beberapa kesimpulan mengenai perbezaan ataupun persamaan yang terdapat.

Pemerhatian penyertaan ini juga memerlukan kepada perbualan-perbualan tidak formal dengan guru-guru bagi beberapa penjelasan tentang penekanan matapelajaran atau aktiviti yang dijalankan. Yang penting sekali kaedah ini membolehkan penulis untuk hadir di dalam suasana kelas serta sekolah

yang dikaji;

".... allow for a more detailed and comprehensive picture"¹⁶

dan ia juga membolehkan penulis berhubung terus dengan informan;

"A critical feature of participant observation is the degree of contact and involvement with the participants".¹⁷

Tetapi satu daripada keburukan kaedah ini ialah;

".... is subject to the problems of the observer's getting emotionally involved and hence losing objectivity".¹⁸

Namun begitu, penulis bersikap subjektif terhadap kajian.

2) Temubual

Temubual adalah penting kepada penulis kerana ia memberikan maklumat-maklumat yang tidak dapat diperhatikan daripada kaedah pertama.

"In an interview, since the interviewer and the person interviewed are both present as the questions are asked and answered, there is opportunity for greater care in communicating questions and in eliciting information, in addition, the interviewer has the opportunity to observe both the subject and the total situation to which he or she is responding".¹⁹

Pada awal kajian, penulis telah sempat berjumpa dengan Guru Besar Tabika A. Daripada perbualan dengannya, penulis mendapat gambaran tentang perjalanan kelas, tanggungjawab guru juga masalah-masalah yang dihadapi.

Pada setiap kali penulis pergi ke Tabika yang baru, perkara pertama yang penulis lakukan ialah untuk berbual dengan guru kelas. Tujuannya ialah supaya kedua-dua pihak saling memahami tujuan kajian dan cuba mencari penyesuaian masa untuk berosal-jawab supaya tidak menganggu perjalanan kelas. Juga penulis merasakan inilah langkah yang sewajarnya untuk merapatkan hubungan penulis dengan informan pada peringkat awal.

Di peringkat selanjutnya, temubual lebih menumpukan kepada persoalan-persoalan mengenai aktiviti Tabika, tentang soalselidik juga beberapa perbincangan yang kadang-kadang terkeluar daripada tajuk. Tetapi penulis tidak menghentikannya kerana daripada perbualan seperti ini kadang-kadang bila dihalusi adalah merupakan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru ini di dalam kelas mereka, sama ada terhadap pembantu ataupun hubungan dengan guru-guru lain dan sebagainya. Bila dilihat jawaban daripada soalselidik, masalah seperti ini tidak dituliskan.

Masa yang sesuai untuk temubual ialah selepas waktu sekolah. Penulis dan guru akan duduk di dalam kelas (seperti di Tabika B dan C) dan berbincang mengenai perkara-perkara berbangkit daripada pemerhatian, pembacaan serta pandangan penulis dan guru. Kecuali di Tabika A, tempat temubual adalah di sebuah kelas yang kosong kerana kelas yang dikaji digunakan oleh kelas petang.

3) Rujukan Kepada Bahan Terkumpul

- i) Buku-buku banyak digunakan terutama sekali untuk bahagian konsep dan pendekatan.
- ii) Jurnal yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia digunakan bagi mendapatkan maklumat-maklumat mengenai kajian ini.
- iii) Encyclopedia dirujuk bagi pengetahuan penulis tentang latarbelakang Tabika, iaitu sejarah penubuhannya dan teori-teori yang timbul berikutan dengan kesedaran perihal pentingnya pendidikan awal kanak-kanak bagi perkembangan kognitifnya.
- iv) Thesis daripada kajian-kajian yang berkaitan dengan Tabika juga nilai anak di dalam keluarga dirujuk. Thesis Masters oleh Hasnah Bte. Udin banyak membantu penulis dalam penyusunan data-data serta beberapa maklumat tambahan.
- v) Kertaskerja daripada Seminar dan Bengkel paling penting sekali bagi penulis kerana ia banyak membincarakan tentang permulaan Tabika di Malaysia, jenis kurikulumnya dan berbagai lagi. Tidak banyak buku yang diterbitkan mengenai Tabika di Malaysia, kerana itu penulis lebih banyak mendapat maklumat daripada seminar dan bengkel.
- vi) Rencana daripada akhbar juga penting bagi penulis kerana ia banyak memberi maklumat terbaru tentang perkembangan Tabika di Malaysia.

1.6 Kerumitan Kajian

Dalam kajian ini, penulis menghadapi beberapa masalah:-

i) Masalah Dari Segi Bahan Rujukan

Ini perkara utama sekali bagi penulis. Daripada apa yang penulis dapati, amat sedikit terbitan-terbitan mengenai Tabika di Malaysia. Ini amat berbeza dengan di Barat kerana rujukan banyak mengambil contoh daripada Barat. Nilai di Barat dengan nilai di Malaysia adalah berbeza. Kebanyakan buku-buku adalah mengenai pendidikan di sekolah rendah. Jurnal Kementerian Pelajaran Malaysia juga tidak banyak mengeluarkan artikel-artikel mengenai Tabika. Di perpustakaan, amat sukar untuk mendapatkan rujukan jurnal di mana mereka tidak mempunyai simpanan yang lengkap. Juga Jurnal Kementerian Pertanian yang mempunyai artikel mengenai Tabika tiada dapat diperolehi.

ii) Masalah Penulis Sebagai Pembantu Guru

Walaupun cara ini baik bagi mendapatkan kerjasama dengan kanak-kanak di dalam kelas tetapi wujud kerumitan-kerumitan. Misalnya penulis merasa serbasalah untuk melakukan sesuatu seperti memberi kebenaran kepada kanak-kanak untuk pergi ke tandas atau memberikan permainan yang lain kerana mereka enggan bermain dengan barang yang diberikan oleh guru. Penulis selalu menyuruh mereka untuk bertanya kepada guru dan ada masanya guru memarahi mereka. Ini mengakibatkan penulis merasa

'kecil' kerana tidak mampu untuk melakukan apa-apa.

- iii) Lanjutan daripada masalah di atas ialah wujudnya pertentangan nilai antara guru dengan penulis. Mungkin kepada penulis tindakan guru memukul anak muridnya untuk kawalan tidak sepatutnya, mengakibatkan penulis membuat satu tanggapan yang buruk terhadap guru. Ini kerana penulis percaya ada banyak cara lagi untuk mengawal kelas selain daripada mengambil langkah yang 'keras' ini.
- iv) Masalah Pengangkutan

Penulis tidak mempunyai pengangkutan sendiri kerana itu terpaksa bergantung kepada bas. Yang menjadi masalahnya, bas mengikut jadual yang tertentu di mana jika pengkaji menaiki bas yang pertama akan tiba terlalu awal iaitu hampir sejam dan jika bas kedua akan lewat hampir 10 minit daripada waktu kelas dimulakan. Oleh kerana itu penulis selalu tiba awal hanya sekali sahaja terlewat kerana traffic jam.

NOTA HUJUNG

1. Pusat Perkembangan Kurikulum (1979). Pendidikan Pra-Sekolah di Malaysia: Beberapa isu dan masalah, Seminar Pendidikan Pra-Sekolah Sempena Hari Kanak-kanak Antarabangsa, anjuran Persatuan Tadika Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia 1979.
2. Ibid
3. Kajian Keciciran ini telah dilakukan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 1972 dan hasil daripada kajian tersebut diterbitkan pada 1973.
4. Kelemahan-kelemahan yang diakibatkan oleh keadaan sosio-ekonomi dan alam sekitar tidak langsung memperkatakan bahawa kedua faktor ini mengalami kerendahan tahap sosio-ekonomi dan alam sekitarnya. Ini kerana daripada kajian keciciran telah dinyatakan bahawa terdapat di kalangan yang tercicir adalah daripada golongan berada dan sederhana. Oleh kerana itu penulis berpendapat kenyataan ini harus dibiarkan sebagai satu kenyataan umum seperti yang terdapat dalam Rancangan Malaysia Ketiga kerana jika tidak ianya akan memberikan gambaran yang tidak benar.
5. Betilleheim, Ruth et al (1976), Malaysia. Early Schooling in Asia, Chapter 6 muka surat 101, 1976.
6. Rancangan Malaysia Ketiga (1976). Pelajaran dan Latihan muka surat 466 dan
Pusat Perkembangan Kurikulum (1979). Pendidikan Pra-Sekolah di Malaysia: Beberapa isu dan masalah, Seminar Pendidikan Pra-Sekolah 1979.
7. Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengadakan Seminar Kebangsaan untuk menyediakan satu garispanduan kurikulum pendidikan pra-sekolah yang sesuai. Kenyataan ini diperolehi daripada bahagian Pendahuluan, Kurikulum Pra-Sekolah oleh Cawangan Pendidikan, Jabatan Perpaduan Negara.
8. Cawangan Pendidikan Jabatan Perpaduan Negara, 'Apakah Keperluan Negara', Kurikulum Pra-Sekolah, Jabatan Perdana Menteri. m.s. 4-5.
9. Cawangan Pendidikan Lembaga Perpaduan Negara, Pendahuluan, Rancangan Tabika, Jabatan Perdana Menteri. m.s. 2. (1979)

10. Projek Pendidikan Imbuhan Pusat Perkembangan Kurikulum (1979). Penglibatan komuniti dalam kesempurnaan pendidikan kanak-kanak. Satu Pendekatan, Laporan Seminar Penglibatan Masyarakat Dalam Pendidikan Kanak-kanak, Kementerian Pelajaran Malaysia.
11 - 13 Disember, 1979.
11. Abraham, S. J. : The Influence of Pre-school Education on School Attainment and Adjustment: A Study of Children in Selected Primary School in Kuala Lumpur, M.Ed. Thesis Faculty of Education, Universiti Malaya, 1978.
12. Ling, Chu Poh dan Tan, L.K.: Siri Kanak-kanak Darjah Awal. Projek I. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia-1975.
13. Atan Bin Long; Pre-school Curiculum and Its Implication for Early Childhood Education. Kertas kerja tambahan di Seminar Pendidikan Kanak-kanak Awal anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia dan yayasan Bernard Van Leer Foundation 10 - 15 September, 1973.
14. Abdul Halim Ahmad: Pre-school Children's Centre a Community Development Programme of the Ministry of National and Rural Development, Malaysia, di Bengkel Kebangsaan Pertama Pendidikan Pra-Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia dan UNICEF, Kuala Lumpur 7-9 Disember, 1981.
15. Kenyataan tersebut diambil daripada temubual Dr. Khairuddin Yusof dengan seorang pemberita yang disiarkan di talivisyen semasa rancangan Berita Perdana pada tahun 1983.
16. Sellitz, C. Research Methods in Social Relation, Revised One Volume Edition, New York 1959. m.s. 270
17. Ibid.
18. Ibid.
19. Ibid.

BAB 2

PENDEKATAN DAN KONSEP

2.1 Pengenalan Bab

Di dalam bab ini, penulis akan membentangkan 'Pendekatan dan Konsep' yang digunakan di dalam kajian termasuk konsep Tabika.

Penulis akan membincangkan juga mengenai 'Pendekatan dan Konsep' dengan membuat beberapa pembahagian kecil seperti:-

Aspek persekitaran formal

Aspek amalan asuhan formal.

Di dalam tiap-tiap pembahagian kecil terdapat ciri-ciri tertentu yang menjadi tumpuan kepada kajian ini. Secara keseluruhan, ciri-ciri tersebut adalah ciri fizikal, emosi, sosial, sosio-ekonomi, kawalan, proses sosialisasi, budaya, guru, kurikulum, peralatan, pendapat serta tujuan.

2.2 Konsep Tabika

Terdapat dua definisi mengenai Taman Bimbingan Kanak-kanak. Definisi pertama mengatakan bahawa Taman Bimbingan Kanak-kanak atau ringkasnya, Tabika adalah satu institusi di mana ibubapa menghantar anak-anak mereka sebagai tempat persediaan untuk menempuh pelajaran yang formal kelak.¹

Definisi kedua mengatakan bahawa Tabika adalah tempat kanak-kanak yang berumur tiga hingga enam tahun berkumpul dan belajar sambil bermain bersama-sama.²

Tabika ditubuhkan dengan tujuan awalnya ialah untuk memajukan perkembangan kanak-kanak yang berumur 4-6 tahun dari segi perkembangan sosial, emosi, jasmani, moral dan mental dengan menggalakkan penyertaan dan tindakan masyarakat sendiri atau penubuhan dan pengurusan Tabika itu sendiri.

Ramai yang menganggap Tabika sebagai pengganti sekolah di mana ibubapa mengharapkan ia akan menyediakan anak-anak mereka memperolehi kemahiran asas seperti membaca, menulis dan mengira. Ada juga yang beranggapan bahawa Tabika adalah satu tempat di mana kanak-kanak dijaga (nursery for the care of infants) dan satu institusi kebajikan di mana kanak-kanak miskin di tempatkan.

Tanggapan-tanggapan seperti demikian adalah tidak tepat. Pada amnya, Tabika adalah gabungan antara teori pra-sekolah dengan kaedah amali. Hakikatnya, Tabika menyediakan tempat bagi kanak-kanak belajar sambil bermain dengan cara yang tidak formal bersama dengan rakan sebaya. Melalui kurikulum yang memberi penekanan kepada belajar sambil bermain, Tabika membantu dalam perkembangan emosi, sosial, fizikal, intelek dan moral kanak-kanak. Hasil daripada perkembangan ini membolehkan kanak-kanak tersebut untuk menguasai bahasa, belajar berdikari melalui rangsangan penggunaan deria secara menyeluruh terhadap alam sekitar. Cara ini dapat mengimbuhkan kekurangan pengalaman dan

menggalakkan perhubungan yang baik dengan masyarakat sekeliling. Selain daripada itu, Tabika juga cuba untuk menerapkan amalan-amalan ke arah kehidupan yang sihat melalui amalan kesihatan dan kebiasaan-kebiasaan yang baik.

Pada peringkat permulaan, pusat asuhan kanak-kanak banyak terdapat di kawasan luar bandar. Ia ditubuhkan dengan tujuan untuk memberi pengetahuan kepada para ibubapa dan orang-orang dewasa mengenai cara-cara penjagaan kanak-kanak, menggalakkan kepada sikap serta tabiat yang sihat dalam pemakanan dan kesihatan dan menganjurkan semangat gotong-royong di kalangan masyarakat setempat. Hanya sedikit sahaja pembelajaran formal diperkenalkan. Tetapi apabila ibubapa mula membandingkan kelebihan-kelebihan Tabika dan pusat asuhan ini dari segi kebolehan anak-anak untuk membaca dan menulis, maka bentuk pelajaran formal yang asas telah digunakan sebagai kurikulum pendidikan awal kanak-kanak.³

Sehingga kepadah hari ini baru terdapat usaha daripada pihak Kementerian Pelajaran untuk menyatukan kesemua Tabika baik anjuran swasta atau kerajaan atau separa kerajaan di bawah sebuah pengawasan badan yang tertentu dengan menggunakan kurikulum pra-sekolah yang sama. Langkah ini adalah sewajarnya supaya tidak wujud perbezaan-perbezaan yang amat ketara dalam pendidikan kanak-kanak.

2.3 Pendekatan

Pendekatan yang digunakan meliputi dua aspek iaitu aspek persekitaran formal serta aspek amalan mengasuh formal.

2.3 i) Persekutaran Formal

Persekutaran atau environment mempunyai pengaruh dalam menentukan sahsiah serta amalan kehidupan individu. Sejak manusia dilahirkan sehingga ia meninggal dunia, ia sentiasa berinteraksi dengan persekitaran sama ada persekitaran itu bercorak formal ataupun tidak formal. Bukan sahaja individu dipengaruhi oleh persekitarannya, malahan ia berupaya untuk mempengaruhi persekitarannya juga.

Misalnya seorang bayi dilahirkan dalam sebuah keluarga, maka nilai-nilai dan amalan kehidupan keluarga tersebut diterapkan kepada bayi melalui tingkahlaku, pertuturan dan bahasa. Bayi tersebut juga berupaya mengubah kehidupan manusia sekelilingnya. Anggota keluarga tersebut sedaya upaya memberikan kemudahan seperti ruang untuknya bergerak bebas di dalam rumah juga memberi peluang kepadanya untuk mempunyai hubungan dengan dunia luar seperti mengenali jiran-jirannya, saudara-mara juga kepada alam semulajadinya.

Menurut Dewey,

"environment consists of those conditions that promote or hinder, stimulate or inhibit the characteristic activities of a living being".⁴

Beliau menambah lagi,

"environment denote something more than surroundings which encompassed an individual. They denote the specific continuity of the surroundings with his own active tendencies".⁵

Apa yang dimaksudkan oleh Dewey ialah persekitaran meliputi pengalaman kanak-kanak tersebut, sifat sekolah, keadaan bilik darjah dan sekolah dalam penggunaannya semasa pembelajaran, sifat-sifat fizikal dan sosial di rumah kanak-kanak, kawasan perjiranan dan dunia luar serta keadaan-keadaan di kawasan perjiranan dan persekitaran semulajadi yang digunakan dalam pengajaran.

Kenyataan di atas mempunyai persamaan dengan pendapat Huey yang mengatakan bahawa semasa membuat rangka perancangan aktiviti sesebuah Tabika, beberapa faktor perlu diberi perhatian. Antaranya persekitaran fizikal, hubungan sosial, suasana emotional perlu dititikberatkan.⁶

Yang dimaksudkan dengan persekitaran formal ialah sekolah serta kelas. Pembahagian yang dibuat seperti berikut:

A) Ciri Fizikal

Perancangan fizikal sesebuah Tabika membantu kanak-kanak untuk memulakan kehidupan yang baik dan memberi peluang kepada mereka untuk belajar bersama. Sesebuah Tabika perlu kepada ruang untuk pergerakan bebas sama ada aktiviti di luar atau di dalam kelas. Yang pentingnya, ia mesti selamat daripada bahaya.

Persekutaran fizikal kelas yang sempit menghalang peluang kanak-kanak untuk belajar dan bermain mengakibatkan ketegangan dan menggalakkan kepada sifat-sifat agresif. Kelas seharusnya dihiasi dengan lukisan-lukisan, gambar-gambar yang menarik sama ada hasil kerja kanak-kanak itu sendiri ataupun tidak. Ia mesti tersusun rapi di mana kelas yang mempunyai sudut-sudut tertentu seperti sudut membaca, sudut pra-nombor, sudut pondok akan membantu kanak-kanak untuk bermain tanpa menganggu atau diganggu oleh rakan-rakannya. Sebelum kelas bermula, barang-barang permainan, buku-buku dan alat-alat lain yang digunakan seperti bongkah-bongkah, alat-alat muzik dan genderang disusun di tempat masing-masing bagi memudahkan kanak-kanak untuk mendapatkannya. Susunan fizikal kelas yang teratur amat membantu dalam menggalakkan suasana emotional yang baik bagi kanak-kanak ini untuk belajar dan bermain bersama-sama.

Kedudukan sekolah Tabika juga amat penting dalam menentukan keselamatan dan keselesaan kanak-kanak. Sebaiknya, sesebuah sekolah itu mempunyai padangnya sendiri di mana iaanya boleh digunakan semasa aktiviti senaman atau luar kelas juga padang permainan dengan peralatan-peralatan yang dapat membolehkan kanak-kanak ini bermain di perkarian sekolahnya. Kawasan sekolah perlu dipasangkan pagar agar kanak-kanak ini tidak akan pergi jauh atau berjalan ke luar daripada kawasan sekolah. Ini bagi mencegah kemungkinan kemalangan yang akan berlaku terutama sekali jika Tabika mempunyai kedudukan yang berhampiran dengan jalan yang sentiasa sibuk dengan kenderaan seperti di kawasan Bukit Nanas. Bunyi kenderaan ini juga menganggu perjalanan kelas.

Satu perkara lagi, kelas sesebuah Tabika haruslah merupakan sebuah bilik darjah yang sempurna. Maksudnya bukan sebuah Dewan yang dibahagi-bahagikan kepada beberapa kelas mengakibatkan suasana bising sesuatu kelas itu boleh menganggu perjalanan sesebuah kelas yang lain.

B) Ciri Suasana Emosi

Suasana emosi di kelas dan sekolah di mana kanak-kanak dapat bermain dan belajar bersama-sama membolehkan mereka belajar melalui pengalaman-pengalaman di kelas atau luar kelas dengan lebih baik lagi daripada hanya melalui pembelajaran-pembelajaran secara lisan.

"Words are important in the development of all these learnings (sharing, playing together, discovering new ways of doing things, to make mistakes etc.) but they must be accompanied by concrete experiences. Some of the learnings themselves may never be verbalized by the child, or by the teacher for the child, but will remain on the feeling level".⁷

Tabika memberi peluang kepada kanak-kanak untuk melakukan sesuatu kerja dengan sendiri, bermain dengan rakan-rakan, belajar berkongsi alat-alat permainan, belajar menghargai barang-barang dalam persekitarannya sama ada barang tersebut adalah hak sendiri atau tidak, belajar melalui kesilapan-kesilapan yang dibuat semasa bermain ataupun semasa aktiviti-aktiviti khas seperti pra-nombor. Yang pentingnya melalui peluang-peluang ini kanak-kanak dapat meluahkan perasaan sama ada gembira ataupun sedih di mana ianya tidak dapat mereka nyatakan melalui pertuturan. Aktiviti-aktiviti seperti menyanyi, bermain alat-alat muzik merupakan cara bagi kanak-kanak untuk melepaskan perasaan emosi. Melalui cerita-cerita, lagu-lagu dan pantun-pantun memperkenalkan

kepada kanak-kanak ini dengan perasaan orang lain.

Bagi seorang kanak-kanak yang dibebani dengan harapan-harapan yang baginya adalah terlalu besar, tidak akan berpeluang untuk belajar dan bermain dengan rakan-rakannya. Oleh kerana itu,

"A friendly, relaxed, accepting environment is inviting to growth. The setting should encourage him to indulge his inclinations as long as he is interested and should provide him the appropriate answers to his questions".⁸

c) Ciri Hubungan Sosial

Satu daripada faktor penting bagi Tabika ialah ia menggalakkan kepada perkembangan hubungan sosial. Kanak-kanak berpeluang untuk bermain dengan rakan-rakan sebaya dan daripada berbagai latarbelakang. Dalam suasana di mana setiap kanak-kanak mempunyai kelebihan-kelebihan dan kekurangan-kekurangan tersendiri, maka mereka terdedah kepada pelbagai ragam dan nilai yang dianuti oleh rakan-rakan mereka dan ini adalah berbeza daripada apa yang diamalkannya di rumah.

Selain daripada hubungan dengan rakan-rakan sebaya, kanak-kanak ini juga berpeluang untuk mengadakan hubungan-hubungan dengan orang-orang dewasa selain daripada guru mereka seperti Guru Besar dan pemandu bas sekolah. Guru berperanan membantu kanak-kanak ini dalam hubungan interpersonal dan group membership.

Antara nilai-nilai yang dapat diperolehi oleh kanak-kanak melalui hubungan sosial ialah mempunyai perasaan tanggungjawab terhadap dirinya, rakannya juga masyarakatnya. Misalnya ia akan lebih berhati-hati apabila menggunakan barang-barang sama ada kepunyaannya ataupun tidak, memahami peraturan-peraturan seperti menunggu gilirannya di mana daripada nilai-nilai ini akan membentuk pemahamannya mengenai konsep hak bersama dan konsep masa.

Hubungan-hubungan sosial juga boleh mewujudkan tabiat-tabiat yang baik seperti mengucapkan 'selamat pagi' atau memberi salam kepada guru-guru, rakan-rakan maupun kepada ahli keluarga dan orang perseorangan yang lain. Apabila ia memerlukan sesuatu ia akan menggunakan perkataan-perkataan yang sesuai dan sopan misalnya,

"Please teacher, may I go to toilet?".

Yang pentingnya, melalui hubungan ini, kanak-kanak mula belajar untuk mempercayai orang lain dan menerima pertolongan daripada mereka seperti pemandu bas sekolah tadi. Orang-orang dewasa seperti ibubapa, guru dan pemandu bas sekolah perlu memahami bahawa bagi setiap seseorang kanak-kanak memerlukan tempoh masa yang berlainan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan yang berlaku dalam kehidupan mereka. Yang perlu dilakukan oleh orang-orang dewasa ini ialah membantunya supaya lebih bersifat berdikari dan yakin terhadap dirinya sendiri.

D) Ciri-ciri Lain

Guru seharusnya memberi peluang kepada kanak-kanak ini untuk mengalami pengalaman-pengalaman dalam hubungan mereka dengan manusia dan benda-benda. Kanak-kanak memerlukan hubungan mawjud untuk menjadi asas kepada pembelajaran mereka. Lawatan-lawatan ke tempat-tempat seperti Zoo, Lapangan Terbang dan ke Taman Bunga meluaskan pengalaman kanak-kanak tidak hanya kepada buku-buku dan simbol-simbol yang terdapat di dalam kelas sahaja. Ini adalah kerana pada peringkat umur 3-5 tahun kanak-kanak belajar melalui simbol-simbol yang mempunyai makna dalam hidupnya. Misalnya ia faham akan perkataan dan simbol seperti Zoo, keretapi, kawan dan bermain. Apabila ia mengalami sendiri melalui lawatan dan pergaulan misalnya maka ia meluaskan lagi pengalaman dan pengertiannya terhadap simbol-simbol ini.

Program Tabika juga seharusnya berupaya meluaskan lagi perolehan bahasa kanak-kanak. Kanak-kanak seharusnya diberi peluang untuk mendengar perbualan-perbualan yang menggunakan bahasa yang standard. Ini secara langsung dan beransur-ansur menggalakkan kepada minat terhadap gambar-gambar, tulisan-tulisan (written words) dan buku-buku. Bahan-bahan seperti ini membantu kanak-kanak memperolehi jawaban kepada persoalan-persoalan yang tidak difahaminya, dan kemudiannya kefahaman terhadap perjalanan benda-benda (the working of things) serta kesan daripada tingkah laku sosial. Kanak-kanak mempunyai banyak peluang untuk menggambarkan fikiran mereka melalui perkataan-perkataan, gambar-gambar dan sebagainya. Setiap pengalaman dan peluang ini membantunya

untuk memperkembangkan kebolehannya untuk mengumpulkan maklumat dan

menerangkan pendapatnya.

9

2.3 ii) Amalan Asuhan Formal

Amalan mengasuh anak-anak juga adalah penting sebagai sebahagian daripada proses sosialisasi dan amalan-amalan ini berbeza daripada satu masyarakat dengan yang lain. Sedangkan di dalam masyarakat atau budaya yang sama wujud perbezaan dalam amalan mendidik anak-anak kesan daripada perbezaan nilai-nilai dan sub-budaya yang berkaitan dengan agama, tahap sosio-ekonomi atau bangsa.

Perbezaan-perbezaan ini mewujudkan perbezaan-perbezaan dalam perkembangan kognitif, perolehan bahasa, pembentukan konsep dan pertumbuhan emosi. Faktor-faktor seperti bilangan anak di dalam keluarga juga kelas, kawasan lapang yang berhampiran, keselamatan di kawasan perjiranan dan sekolah juga mempengaruhi amalan ini.

Bagi tujuan kajian ini, amalan tersebut ditumpukan kepada amalan mengasuh secara formal. Yang dimaksudkan dengan formal ialah sekolah ataupun kelas. Terdapat beberapa ciri, antaranya:-

A) Mengasuh Kanak-kanak Melalui Kurikulum di Sekolah

Berdasarkan kepada aspirasi Rukun Negara untuk melahirkan warganegara yang taat setia kepada Raja dan Negara, warganegara yang mempunyai akhlak dan budi pekerti yang tinggi, sihat dan cergas dari segi jasmani dan rohani serta mempunyai akal fikiran yang waras, maka kurikulum Tabika diseimbangkan untuk menitikberatkan kepada nilai-nilai

keagamaan dan moral dalam kehidupan seharian. Ia juga bertujuan membentuk keyakinan diri mengikut keupayaan fizikalnya dan mempraktikkan amalan-amalan kesihatan dan keselamatan yang positif serta membentuk konsep diri yang positif, bergaul dan menghargai hak dan kebolehan orang lain. Ini diharapkan dapat melahirkan warganegara yang berperibadi dan perwatakan yang sempurna untuk menjadi ahli keluarga dan masyarakat yang baik dan berguna.

Maka di dalam perancangan kurikulum, dimasukkan pendidikan tertentu dan objektifnya:-

1) Pendidikan Agama Islam/Perkembangan Moral

1.1 Pendidikan agama Islam di Tabika hendaklah memberi pendedahan dan kebiasaan yang membawa kepada pembentukan disiplin cara hidup Islam. Kanak-kanak didedahkan kepada persekitaran yang boleh memberi kepada mereka pengalaman-pengalaman yang luas tentang alam sekitar, supaya dapat mengembangkan kognitif mereka.

Objektif pendidikan agama Islam:-

- i) Menyedari bahawa Allah adalah pencipta dan pengatur alam semesta. Aktiviti yang dilakukan ialah perbualan dan lawatan.
- ii) Menunjukkan sikap taat dan cinta kepada Allah dan Rasul melalui berpantun dan bernasyid.
- iii) Melafazkan ucapan-ucapan yang sesuai dalam Islam seperti Allah, Assalamu 'Alaikum-Wa'alai Kummusalam.

- iv) Mengetahui Rukun Iman dengan mendengar dan menyebutnya.
- v) Mengetahui Rukun Islam juga dengan mendengar dan menyebutnya.
- vi) Mendengar cerita-cerita Nabi.
- vii) Mengetahui surah-surah yang terpilih seperti Al-Fatihah.
- viii) Mengamalkan ajaran Islam sebagai cara hidup dalam bidang akhlak dan bidang-bidang lain dengan cara memberi salam kepada guru, rakan-rakan dan orang-orang Islam semasa dan sebelum berpisah, duduk dengan tertib dan sebagainya.

1.2 Perkembangan Moral

Kanak-kanak mempunyai sifat-sifat keperibadian semulajadi dan sifat-sifat yang diperolehi melalui tindakbalas dengan alam sekitar. Oleh yang demikian perhatian berat diberikan kepada pendidikan moral di peringkat Tabika supaya perkembangannya sehaluan dengan matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan. Nilai-nilai yang baik diterapkan melalui tauladan dan bimbingan guru.

Objektif perkembangan moral:-

- i) Sikap bersih dari segi fizikal seperti kebersihan diri, pakaian, rumah dan sebagainya. Aktiviti yang menegaskan sikap ini adalah melalui bercerita perkara-perkara berhubung dengan kebersihan diri, rumah dan sebagainya.

- ii) Sikap bersih dari segi mental seperti tidak iri hati, cemburu atau prasangka. Aktiviti melibatkan perbualan dan membiasakan diri dengan pelakuan yang baik seperti menunggu giliran, menolong kawan dan sebagainya.
- iii) Sikap belas kasihan dan bertimbang rasa seperti bersimpati kepada mereka yang kesusahan, tidak menganiaya binatang, tolong menolong dan lain-lain. Antara aktiviti ialah melalui perbualan dan melihat gambar-gambar orang bergotong-royong, pemeliharaan binatang kesayangan dan lain-lain.
- iv) Sikap sederhana seperti berjimat cermat, bertolak ansur, bersabar dan lain-lain. Antara aktiviti ialah meminta maaf apabila melakukan kesilapan, membuang sampah ke dalam tong sampah dan lain-lain.
- v) Sikap keadilan seperti berkongsi barang permainan.
- vi) Sikap kerajinan seperti menolong antara satu sama lain.
- vii) Sikap berterima kasih seperti menghargai pemberian orang.
- viii) Sikap berbudi bahasa dan bersopan santun seperti meminta izin, merendahkan suara apabila bercakap.
- ix) Sikap amanah seperti jujur, bertanggungjawab.
- x) Sikap hormat menghormati seperti bertegur sapa, menggunakan panggilan yang sesuai (cikgu, abang, kakak dan lain-lain).
- xi) Sikap kasih sayang seperti bermesra, bertimbang rasa dan lain-lain.

2) Perkembangan Pendidikan Ketatanegaraan

Bertujuan untuk memberikan pendidikan menyeluruh dan bukannya memberatkan satu-satu aspek sahaja. Ianya dirancang untuk memberikan peluang kepada kanak-kanak mendapat pendidikan asas yang sesuai untuk pembentukan peribadi dan perwatakan yang sempurna.

Objektif pendidikan ketatanegaraan:-

- i) Mencintai tanah air. Aktiviti melibatkan menyanyi lagu-lagu tanah air, melawat tempat-tempat seperti zoo, pelabuhan dan sebagainya.
- ii) Menghormati 'Negaraku' dan Lagu Kebesaran Negeri. Aktiviti terdiri dengan menyebut senikata-senikata lagu Negaraku atau Lagu Negeri dengan berdiri tegak.
- iii) Menghormati bendera Malaysia dan bendera Negeri. Aktiviti melibatkan melukis dan mewarnakan bendera dan membuat bendera dengan kertas dan sebagainya.
- iv) Setia kepada Raja, mengenali Yang di Pertuan Agong melalui gambar atau peristiwa, menggunting, mengumpul dan menampal gambar Raja di dalam buku dan sebagainya.
- v) Mematuhi peraturan/undang-undang dengan mengetahui dan mengamalkan peraturan jalanraya, beratur, mengikut giliran, kesedaran kesalahan membuang sampah merata-rata dan sebagainya.
- vi) Menghormati bahasa kebangsaan melalui penggunaan di dalam perbualan harian, semasa nyanyian dan sebagainya.

- vii) Mempunyai semangat perpaduan kaum dengan bermain secara kumpulan, melawat rakan-rakan dari kaum lain dan lain-lain.
- viii) Mengamalkan semangat kemasyarakatan seperti berbual dan bercerita dan sebagainya.
- ix) Menghormati kebudayaan dan adat resam kaum-kaum di Malaysia dengan melawat rakan-rakan dan sebagainya.
- x) Menghormati pemimpin/ketua seperti mengenal pemimpin, mengikut arahan dan sebagainya.

3) Perkembangan Fizikal

Koordinasi motor kasar melibatkan pergerakan empat bahagian tubuh iaitu kepala, badan, tangan dan kaki. Koordinasi motor halus melibatkan pergerakan otot-otot jari serta koordinasi mata dan anggota badan. Pertumbuhan fizikal mempunyai hubungan rapat dengan lain-lain aspek perkembangan kanak-kanak. Badan yang sihat asas kepada perkembangan yang sempurna. Oleh kerana itu kanak-kanak hendaklah dibiasakan dengan tabiat kesihatan yang baik.

Objektif perkembangan fizikal:-

3.1) Perkembangan Psikomotor kasar dan halus:-

- i) Membina otot-otot kaki dengan berlari atau berjalan dengan mengikut muzik dan sebagainya.
- ii) Membina otot tangan dengan membaling dan menangkap pundi kacang, melompat seperti katak, bergerak seperti pokok ditiup dan lain-lain.

- iii) Membina koordinasi mata-kaki seperti berjalan di atas papan penimbang, melompat dari satu gelong rotan ke gelong rotan lain dan sebagainya.
- iv) Membina koordinasi mata-tangan seperti memotong dan menampal gambar, mengeratkan tali kasut atau butang, membaling bola dan sebagainya.
- v) Membina koordinasi tangan-kaki seperti memanjat rangka besi dan turun semula, mengelunsur di atas papan gelunsur dan sebagainya.
- vi) Membina otot leher dan kepala dengan menggeleng kepala ke kiri dan kanan dan sebagainya.
- vii) Membina koordinasi otot-otot anggota badan seperti berjalan seperti itik, berlari di dalam guni dan sebagainya.

3.2) Perkembangan Kesihatan

- i) Menjaga kebersihan diri sendiri dan pakaian seperti menggosok gigi, menyikat rambut, tabiat membasuh tangan pada masa-masa tertentu dan sebagainya.
- ii) Memahami kepentingan menjaga kebersihan badan dan pakaian seperti berbual mengenai makanan yang dimakan di Tabika, baju sentiasa dibutang dan tucked in bagi kanak-kanak lelaki dan sebagainya.

- iii) Memahami pentingnya makanan yang seimbang, bersih dan halal dengan perbualan dan mengumpul gambar-gambar mengenai makanan dan minuman.
- iv) Mengamalkan tabiat makan sempurna seperti membasuh tangan sebelum dan selepas makan, membaca doa dan bismillahirrahmanirahim dan sebagainya.
- v) Menyedari pentingnya berehat pada masa yang sesuai.
- vi) Melatih diri dalam menggunakan tandas dengan betul.
- vii) Menyedari dan mengamalkan posisi tubuh yang betul seperti cara duduk, cara makan dan sebagainya.
- viii) Menjaga kebersihan bilik, alat-alat dan kawasan Tabika dengan membantu guru menjaga kebersihan, mendengar cerita yang berkaitan dan sebagainya.
- ix) Menolong menjaga kebersihan rumah dan persekitaran dengan tidak membuang sampah merata-rata, menyusun buku dan lain-lain.
- x) Membiasakan diri dengan klinik supaya ada kesedaran tentang pentingnya rawatan untuk menyembuhkan penyakit.

3.3) Perkembangan Keselamatan

- i) Menyedari dan mengenal keadaan-keadaan yang menyebabkan kemalangan melalui cerita tentang bahaya mancis, bermain dengan benda-benda tajam dan sebagainya.
- ii) Mengetahui tempat-tempat yang merbahaya seperti jalanraya, landasan keretapi dan sebagainya.

- iii) Menolong menjaga keselamatan alat-alat, bangunan dan kawasan Tabika seperti membuang kaca, paku dan sebagainya dalam tong sampah.
 - iv) Mengetahui cara-cara mencegah bahaya atau kemalangan seperti melakonkan cara-cara melintas jalan, menggunakan jejantas dan memahami warna-warna yang terdapat pada lampu trafik dan arahan-arahannya.
 - v) Memberitahu guru apabila berlaku kemalangan atau bahaya.
- 4) Perkembangan Sosio-psikologi

Kanak-kanak selalu menganggap dirinya penting dan inginkan perhatian tertumpu pada mereka. Ini bertentangan dengan keadaan hidup bermasyarakat. Mereka perlu tahu akan adanya batasan dalam hidup seperti adanya undang-undang dan adat resam. Tidak boleh melakukan sesuatu tanpa memikirkan kesannya kepada orang lain. Oleh itu kanak-kanak perlu tahu tentang pentingnya berhubung dengan orang lain.

Dalam proses penyesuaian dengan persekitaran, ia akan alami berbagai emosi, maka ia perlu bimbingan untuk memahami bahawa perlakuannya berkait dengan perasaannya dan perasaan orang lain. Ia mesti terima hakikat bahawa dirinya boleh berjaya dan boleh gagal. Oleh itu amat mustahak Tabika menyediakan suasana yang menggalakkan pertumbuhan imej diri yang positif dan perkembangan sosio-psikologi yang sihat.

Objektif-objektif perkembangan sosio-psikologi

- i) Berhubung dengan ibubapa dan keluarga seperti menyayangi ahli keluarga; mempercayai dan menghormati ibubapa; menghormati, bekerjasama dan bermesra dengan adik-beradik dan lain-lain. Antara aktiviti-aktiviti yang dilakukan bagi meneguhkan perhubungan ialah dengan mendengar cerita dan bercerita mengenai keluarga, menyanyi lagu-lagu seperti 'Adik Ku', 'O Ibu' dan lain-lain.
- ii) Berhubung dengan orang dewasa seperti mempercayai dan menghormati guru dan orang dewasa lain; mahu bercakap dan meminta pertolongan; mematuhi peraturan dan arahan dan lain-lain. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah perbualan-perbualan dengan orang-orang dewasa, mendengar cerita yang mengandungi nasihat dan lain-lain.
- iii) Berhubung dengan rakan sebaya seperti bermain bersama-sama; berkongsi alat permainan; menyertai aktiviti-aktiviti kumpulan; mahu berhubung secara spontan; bersedia menjadi ketua atau pengikut dalam aktiviti kumpulan; sedia mendengar percakapan rakan sebaya dan lain-lain.
- iv) Berhubung dengan persekitarannya seperti menyayangi binatang-binatang, tumbuh-tumbuhan dan objek yang lain; menyedari kejadian-kejadian alam; mempunyai sikap ingin tahu mengenai alam sekeliling dan lain-lain. Antara aktiviti yang berkaitan ialah dengan mengadakan akuarium, kebun bunga, melukis apa

yang dilihat di persekitaran dan sebagainya.

- v) Membentuk konsep sendiri yang positif seperti mempercayai bahawa mereka disukai, disayangi dan dihargai, menyedari dan menerima kelebihan dan kekurangan diri sendiri, berkeyakinan diri, berkemahanan membaiki prestasi dan mempunyai sikap berdikari. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan bagi meneguhkan pembentukan ini ialah dengan bercerita atau menyanyi solo di hadapan kelas.
- vi) Membentuk disiplin diri seperti mengawal perasaan, mematuhi peraturan tanpa diawasi, melahirkan gerakbalas emosi yang sesuai dengan keadaan. Aktiviti yang dilakukan seperti bermain genderang mengikut arahan dan giliran, bermain permainan yang mempunyai peraturan-peraturan tertentu, melakukan pergerakan mengikut irama dan rentak.
- vii) Menyedari tanggungjawab sosial dan moral seperti menyedari apa yang baik dan apa yang tidak baik, meminta maaf apabila melakukan kesilapan, menghormati kepunyaan orang lain, mempunyai perasaan tanggungjawab terhadap kebersihan dan kekemasan persekitarannya serta juga bersedia menolong mereka yang memerlukan bantuan.
- viii) Membina sikap yang positif terhadap pembelajaran seperti tekun membuat sesuatu kerja dan berusaha menyiapkannya, menunjukkan minat terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan lain-lain.

5) Perkembangan Kognitif

Perkembangan kognitif melibatkan proses penanggapan, pembentukan konsep, penaakulan dan penyelesaian masalah. Sifat ingin tahu merupakan penggerak yang penting dalam perkembangan kognitif. Alam sekeliling mempunyai rancangan yang berbagai jenis bagi mendorong kanak-kanak untuk menyoal, mencuba dan meneroka. Ia menggunakan segala derianya untuk memahami perkara-perkara yang berlaku hasil daripada interaksinya dengan persekitarannya.

Objektif perkembangan kognitif:-

- i) Mengetahui persekitaran fizikal seperti boleh menamakan objek yang biasa dilihat di persekitaran; boleh menggunakan deria untuk menyentuh, melihat, merasa, mendengar, menghidu supaya dapat membezakan objek, tumbuh-tumbuhan dan haiwan, menyedari kesan tindakannya terhadap objek, tumbuh-tumbuhan dan haiwan; berkebolehan dan berkeinginan bertanya dan berbincang mengenai persekitaran fizikal; boleh merekod aktiviti dan hasil pemerhatian dalam bentuk yang mudah; mengetahui pekerjaan orang-orang di persekitaran dan lain-lain.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah menjaga akuarium, berkebun, melawat zoo, bermain permainan menamakan objek, haiwan dan tumbuh-tumbuhan di persekitarannya, bermain air untuk mengetahui objek boleh tenggelam atau terapung, air boleh diwarnakan dan berbagai lagi.

ii) Menyedari dan memperolehi konsep pra-nombor. Kanak-kanak boleh mengasingkan objek mengikut jenis, bentuk, warna, saiz; mengumpulkan objek mengikut jenis dan bentuk; memadankan objek dengan pasangannya; membanding objek mengikut saiz, kuantiti dan ukuran yang berbeza, boleh menyusun mengikut urutan menaik dan menurun; mengetahui nilai kuantiti tidak berubah walaupun bentuknya berubah atau bekas yang digunakan berlainan; boleh memahami konsep ruang dan boleh memahami konsep masa.

Antara aktiviti-aktiviti yang dilakukan ialah bermain dengan bongkah-bongkah yang berlainan bentuk, saiz dan warna seperti mengasing, mengumpul, memadanan dan lain-lain; bermain permainan mengukur dengan menggunakan bahagian-bahagian anggota badan seperti jari, tali, pensil dan mencari barang atau benda tersembunyi mengikut arahan secara lisan yang mengandungi konsep di dalam/di luar, di atas/di bawah, di hadapan/di belakang, jauh/dekat dan berbagai lagi.

iii) Mengenal nombor 1-10. Kanak-kanak akan mengetahui bahawa bilangan objek tidak berubah walaupun susunannya berubah; boleh menyatakan nilai nombor dengan betul apabila bilangan objek ditunjukkan; boleh menamakan nombor dengan betul apabila simbolnya ditunjukkan; boleh menyatakan dan menunjuk bilangan objek yang betul apabila nombor itu disebutkan; boleh mengambil dan menyatakan bilangan objek yang betul

apabila simbol nombor yang berkenaan ditunjukkan; boleh mengambil simbol nombor yang betul apabila nombor itu disebutkan; boleh mengatakan kedudukan objek dalam suatu siri yang disusun sebaris seperti pertama, kedua dan lain-lain; boleh membilang dalam kumpulan satu-satu, dua-dua dan seterusnya; boleh menambah dan mengurangkan objek yang diberikan; mengambil simbol dan menamakan nombor berkenaan; boleh mengecam dan meniru bentuk-bentuk nombor.

Antara aktivitinya ialah menyusun himpunan objek yang sama dalam berbagai bentuk susunan penggunaan objek mawjud ketika membilang dalam kumpulan satu-satu, menyanyi lagu-lagu seperti 'Satu-satu Saya Sayang Ibu' atau 'Sepuluh Budak Hitam', bermain permainan menambah dan mengurangkan bilangan dalam kumpulan dengan melakonkan lagu seperti 'Anak Ayam Turun Sepuluh' atau 'Sepuluh Budak Hitam' dan berbagai aktiviti lagi.

6) Perkembangan Bahasa

Bahasa merupakan satu saluran yang membolehkan kanak-kanak menyusun dan menyatakan idea atau pengalamannya. Perkembangan bahasa yang baik memerlukan suasana sosial-emosi yang selamat kerana apabila bahasa dikaitkan dengan pengalaman yang menggembirakan, kanak-kanak akan lebih berminat menggunakaninya. Kanak-kanak memperolehi kemahiran menggunakan bahasa secara berperingkat-peringkat. Kemahiran bahasa merangkumi kemahiran mendengar, melihat, bertutur, membaca dan menulis

yang melibatkan aspek-aspek mekanis, penggunaan dan penaakulan.

Kesediaan belajar dan keupayaan menerima pelajaran berbeza antara seorang kanak-kanak dengan yang lain.

Objektif-objektif perkembangan bahasa:-

i) Memperolehi Kemahiran Lisan

- a) Mendapatkan pengalaman bahasa melalui pendengaran yang membolehkan kanak-kanak mengecam dan membezakan bunyi-bunyian dalam sesuatu persekitaran; boleh mengecam perbezaan tinggi/rendah, kuat/perlahan bunyi atau suara, panjang/pendek bunyi atau not muzik; boleh mendengar dan memberi gerakbalas terhadap sesuatu cerita, perbualan, rima, nyanyian dan lain-lain.

Antara aktiviti yang dilakukan ialah mendengar, meneka dan mengajuk bunyi seperti bunyi burung, kereta, loceng, kucing; menggerakkan anggota badan seperti bertepuk tangan, menghentak kaki; melihat gerakbalas semasa guru bercerita.

- b) Mendapatkan pengalaman bahasa melalui pertuturan dengan penggunaan bahasa yang mudah; boleh berkomunikasi dengan diri sendiri semasa bermain; boleh berkomunikasi dengan orang lain; boleh bertutur dan berbincang semasa membuat aktiviti-aktiviti. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti bermain pondok-pondok, bermain permainan soaljawab seperti 'Siapa Saya?', bermain dengan puppet dan berbagai lagi.

ii) Memperolehi Kemahiran Pra-baca dan Awal Bacaan

- a) Memperolehi kemahiran pra-baca dengan melihat persamaan dan perbezaan bentuk-bentuk objek maujud, gambar dan lambang-lambang; boleh mendengar dan mengajuk persamaan dan perbezaan berbagai bunyi; boleh mengajuk dan menamakan bunyi yang didengar.

Antara aktiviti yang dilakukan seperti melihat dan menyebut nama objek-objek di dalam dan di luar bilik Tabika; bermain dengan bongkah-bongkah yang berbeza dari segi bentuk, saiz dan warna; membuat bunyi daripada objek-objek yang berbagai seperti mengetuk tempurung dengan tempurung, bertepuk tangan, bermain meneka bunyi yang telah dirakamkan dan seterusnya.

- b) Memperolehi kemahiran awal bacaan dengan melihat persamaan dan perbezaan bentuk-bentuk huruf; boleh mendengar dan mengajuk persamaan dan perbezaan bunyi-bunyi huruf; boleh membina suukata; boleh membina perkataan; boleh mengenal perkaitan di antara gambar dengan perkataan; boleh memperkayakan pertbaharaan kata.

Antara aktiviti seperti bermain dengan kad-kad huruf-huruf membezakan bentuk. Contohnya mencari bentuk yang tidak sama dalam satu kumpulan:-

k k k a

Permainan ini boleh dipelbagaikan seperti mencari bentuk yang sama ataupun memadankan bentuk yang sama. Selain daripada itu bermain dengan bunyi huruf seperti menyebut nama-nama objek/gambar yang bermula dengan vokal. Permainan seperti ini dituruti kemudiannya dengan huruf vokal dan konsonan seperti mencantumkan vokal dengan suku kata seperti:-

a + bu = abu.

ataupun mencantumkan suku kata dengan suku kata seperti:-

ma + ta = mata.

Selain daripada itu, ialah bermain dengan perkataan seperti mensuai-padangkan gambar dengan perkataan ataupun mensuai-pasang suku kata menjadi perkataan.

iii) Memperolehi Kemahiran Pra-tulis dan Awal Tulisan

a) Memperolehi kemahiran pra-tulis dengan melakukan latihan-latihan pergerakan tangan dan jari; boleh melakukan latihan-latihan pergerakan mata; boleh melakukan latihan-latihan koordinasi mata-tangan.

Aktiviti yang melibatkan pergerakan tangan dan jari adalah seperti bermain dengan plastisin, membuat corak di udara, merasa dengan jari permukaan bentuk huruf yang telah dipotong daripada kertas pasir. Aktiviti yang menggunakan pergerakan mata seperti menyusun gambar bersiri dari kiri ke kanan, membuat garisan di udara dari berbagai arah dan

aktiviti yang melibatkan koordinasi mata-tangan seperti mengoyak kertas secara bebas, mengoyak kertas mengikut arahan, menguntai manik, membuat origami dan berbagai lagi.

b) Memperolehi kemahiran awal tulisan dengan mengecam bentuk-bentuk huruf di dalam perkataan yang bermakna; boleh meniru bentuk-bentuk huruf di dalam perkataan yang bermakna; boleh membuat bentuk-bentuk huruf.

Antara aktiviti yang dilakukan ialah seperti menyurih bentuk-bentuk huruf dengan menggunakan jari, alat tulis dan lain-lain. Selain daripada itu dengan mengecam dan meniru bentuk-bentuk huruf di dalam perkataan yang bermakna, mewarnakan bentuk-bentuk huruf di dalam perkataan yang bermakna dan seterusnya.

iv) Memperolehi minat membaca dan membina sikap yang sihat terhadap bacaan seperti dengan melihat buku-buku di Sudut Bacaan, mendengar cerita daripada buku, 'membaca' sendiri buku-buku dan lain-lain lagi.

7) Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif

Asasnya kanak-kanak adalah kreatif. Bimbingan dan didikan yang sesuai akan menyuburkan sifat semulajadi ini. Pada peringkat ini, kanak-kanak dapat menyatakan fikirannya atau melahirkan perasaannya dengan cara yang berkesan melalui bahasa, tetapi perasaan gembira, marah, sedih, takut dan keciwa yang mereka alami dapat juga dinyatakan melalui

lukisan, kerjatangan, muzik dan pergerakan. Keupayaan kanak-kanak menikmati sesuatu ciptaan bergantung kepada peringkat perkembangannya.

Objektif perkembangan estetika dan daya kreatif:-

- i) Melahirkan perasaan dalam bentuk lukisan, kerjatangan, muzik dan pergerakan seperti menconteng dengan bebas, mengecap simbol atau bentuk yang mudah, menggunakan bahan-bahan yang berbagai bentuk, tekster dan warna, mendengar dan menunjukkan gerakbalas spontan terhadap muzik dan nyanyian dan seterusnya.
Aktiviti-aktiviti yang dilakukan adalah seperti menyanyi dengan irungan muzik atau pergerakan anggota badan dengan irama, penggunaan warna-warna yang berbeza secara bebas di atas kertas lukisan dan lain-lain.
- ii) Membuat percubaan dengan menggunakan berbagai bahan untuk menghasilkan sesuatu ciptaan seperti mengenal bahan-bahan yang berbagai bentuk, tekster dan warna; boleh memilih bahan-bahan yang sesuai untuk menghasilkan sesuatu ciptaan.
Aktiviti yang dilakukan seperti membuat kolaj dari bahan-bahan terbuang seperti kain perca, kotak, ranting, tutup botol, padi, kulit kacang, rumput, membuat anyaman yang mudah dengan berbagai bahan seperti benang bulu, tali rafia, membuat model daripada tanah liat, kulit telur dan berbagai lagi.

- iii) Mendengar dan menikmati muzik dan menyertai aktiviti-aktiviti muzik dan pergerakan seperti mendengar muzik dan lagu; membeza dan meniru bunyi, nada; boleh memainkan alat-alat genderang dan lain-lain lagi.

Aktiviti meliputi mendengar dan meniru bunyi-bunyian seperti bunyi haiwan atau kenderaan, memainkan alat-alat muzik supaya dapat dibezakan pic tinggi atau rendah, membuat lakonan semasa kanak-kanak lain menyanyi juga bermain alat genderang sambil menyanyi.

- iv) Menyuburkan daya kreatif melalui aktiviti lukisan, kerjatangan dan pergerakan seperti bercerita atau berbual dengan guru atau rakan-rakan mengenai hasil kerja, berlakon dengan puppet atau alat permainan yang dibuat sendiri, membuat latihan dan persiapan untuk mengadakan sesuatu pertunjukan pentas dan sebagainya.
- v) Menyanyi dan menikmati lagu-lagu yang mudah seperti lagu kanak-kanak, nasyid, lagu patriotik dan sebagainya.
- vi) Mengenal dan menghargai kebudayaan kaum-kaum di Malaysia melalui pakaian traditional, mendengar lagu-lagu kaum yang sesuai dan sebagainya.¹⁰

B) Amalan Mengasuh Kanak-kanak Melalui Kawalan

Guru berperanan dalam menjaga kanak-kanak di bawah asuhannya. Melalui kurikulum, guru menerapkan nilai-nilai seperti mematuhi undang-undang/peraturan-peraturan di mana mereka diajarkan mengenai amalan kesihatan, keselamatan di jalanraya, di rumah ataupun di sekolah, belajar untuk bermain bersama-sama serta juga mengamalkan sikap bertolak ansur. Apabila kanak-kanak faham akan tuntutan-tuntutan sosial ke atas mereka, maka kawalan guru dapat diminimakan.

C) Proses Sosialisasi

Di sekolah, kanak-kanak berpeluang untuk berinteraksi dengan rakan sebayanya, bagaimana untuk mengatasi sikap mementingkan diri, belajar untuk bekerja dengan 'ketua' dan menjadi 'ketua' kepada rakan-rakannya. Melalui perbualan dengan rakan-rakan, kanak-kanak akan mendapati bahawa mereka juga mempunyai masalah yang sama atau perasaan rendah diri. Keadaan-keadaan ini membantunya memahami bahawa ia tidak 'berseorangan' dalam masalah atau perasaannya. Mereka menyedari bahawa adanya batasan dalam hidup bermasyarakat dan tidak boleh melakukan apa saja mengikut kemahuannya tanpa memikirkan kesan atau akibat ke atas orang lain atau persekitarannya.¹¹

D) Guru: Peranannya Dalam Mengasuh Kanak-kanak

Guru mempunyai pengaruh besar ke atas anak muridnya. Ia bertindak tidak sahaja sebagai pengganti ibubapa tetapi ia merupakan agen sosialisasi yang amat berkesan dalam mengubah tingkah laku dan menerapkan nilai-nilai kepada kanak-kanak.¹² Guru perlu kepada sifat-sifat positif seperti sabar, sihat, gembira dan boleh mengawal suara. Suara penting kerana ia boleh mengawal dan mempengaruhi kanak-kanak.¹³

Selain daripada itu guru mesti bersifat fleksibel dan matang dalam pemikiran kerana ini juga penting dalam mendidik kanak-kanak.¹⁴ Ini menurut Cass adalah kerana guru yang matang dapat membimbing dengan bijaksana dan memuaskan.

Sifat periang, aktif dan tidak cerewet juga penting. Aktif menurut Cass penting sebab guru sentiasa bergerak, bergaul dan berinteraksi dengan kanak-kanak yang pada peringkat umur Tabika mempunyai banyak tenaga dan aktif.¹⁵

Guru adalah pengganti kasih sayang di sekolah. Maka kasih sayang dan kekuatan atau kestabilan emosi guru perlu bagi kanak-kanak.¹⁶ Ini menggalakkan hubungan yang mesra dan rapat dengan kanak-kanak. Dengan itu guru yang bersifat peramah dan yakin mudah mendapat kepercayaan daripada kanak-kanak.¹⁷ Hubungan baik ini akan menentukan corak personaliti kanak-kanak.¹⁸

Tidak sahaja sifat-sifat guru yang positif perlu kepada kanak-kanak bahkan sifat-sifat seperti tingkahlaku, budipekerti dan perasaan kasih sayang juga diutamakan oleh ibubapa.¹⁹

Mengikut Bandura et al²⁰ kanak-kanak suka mengikut dan meniru tingkahlaku gurunya kerana guru antara orang-orang yang berpengaruh atas dirinya. Maka guru perlu bertingkahlaku baik supaya ia boleh menjadi model bagi kanak-kanak.

Kesimpulannya, guru adalah penting di peringkat awal pertumbuhan kanak-kanak di Tabika.

NOTA HUJUNG

1. Hajjah Habsah Bte Abdul Rauf, Penglibatan Masyarakat dalam Pendidikan Kanak-kanak di Seminar Penglibatan Masyarakat dalam Pendidikan Kanak-kanak anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran, Malaysia. 11-13 Disember 1979.
2. Thesis Hasnah Bte Udin: Satu kajian mengenai program latihan guru-guru pra-sekolah anjuran Persatuan Tadika Malaysia, 1982.
3. Fatimah Hamid Don et al. Pre-School Education. A case study of Mohd Sukheri Hanafi: Observations and Recommendations, Masalah Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Vol 5 April 1975.
4. Watts, D.G. - Environmental Studies, Routledge and Kegan Paul, New York, Humanities Press 1969.
5. Ibid.
6. Huey, J. Francis, The Kindergarten Program, Nursery-Kindergarten Education edited by Jerome E. Leavitt, McGraw-Hill Book Co. Inc. 1958. Chapter 6 Pg. 95
7. Ibid. m.s. 97.
8. Atan Bin Long. Pre-School Curiculum and Its Implications for early Childhood Education in Seminar Pendidikan Kanak-kanak Awal anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia dan Yayasan Bernard Van Leer Foundation, 10-15 September, 1973.
9. Ibid.
10. Kesemua kandungan kurikulum diperolehi daripada Jabatan Perpaduan Negara, Kurikulum Pra-Sekolah, Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur. m.s. 10-49.
11. Mussen. Conger. Kagan (1968): Child and Development, Harper and Row Publishers 1968. m.s. 379.
12. Mussen. Conger. Kagan (1979). m.s. 401.
13. Foster et al 1966: Education in the Kindergarten (revised edition) 1966.

14. Read 1971: The Nursery School, A Human Relationships Laboratory (5th edition) 1971.
15. Cass, T. E: The Role of the Teacher in The Nursery School. Pengamon Press Oxford 1975.
16. Hippie, M.L. : Early Childhood Education: Problems and Methods, Goodyear Publishing Co, California 1975 dan Spodek, B. Constructing a model for a Teacher Program in Early Childhood Education in Little and Bingham (ed) Emerging Strategies in Early Childhood Education, MSS Information Corporation, New York 1973. dan Danoff, T. dan Breitbart, O. Open for Children: For those interested in Early Childhood Education, McGraw Hill Book Co., New York 1977.
17. Grant, Dr. B. Early Childhood Education - Case Study, Caribbean, paper presented at The Early Childhood Education Seminar, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur. 10-15 September 1973.
18. Erikson, E. Childhood and Society, Norton New York 1963.
19. Noriah Shaharuddin, Kajian Mengenai Penghargaan Ibubapa daripada Program Pra-Sekolah, kertas projek untuk Ijazah Bachelor Sains, Universiti Pertanian Malaysia, 1981.
20. Bandura, A and Hutson, A : Identification as a Process of Incident Learning. Journal of Abnormal Social Psychology Vol. 63 No. 3 March 1967 and Mischel, W and Grusee, T. Determinants of The Rehearsal and Transmission of Neutral and Adversive Behaviours, Journal of Personality and Social Psychology, Vol. 3 No. 1 1966.

BAB 3

LATARBELAKANG KAJIAN

3.1 Pengenalan Kepada Bab

Bab ini akan cuba menjelaskan latarbelakang kajian di mana pembahagian kepada bahagian-bahagian kecil telah dibuat.

Penulis juga akan membincangkan mengenai kedudukan serta persekitaran fizikal luar kelas-kelas yang dikaji. Ini bertujuan supaya gambaran yang jelas dapat diperolehi apabila perbincangan dibuat seterusnya.

Selain daripada itu, penulis akan memberikan latarbelakang informan yang terlibat dengan menyentuh beberapa perkara seperti latihan atau kursus yang diikuti serta mendapatkan pandangan mengenai beberapa perkara berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran di Tabika.

Akhir sekali, penulis akan bentangkan mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam menghadapi tugas mereka. Bagaimana masalah ini diatasi mengakhiri perbincangan bab ini.

3.2 Kedudukan Dan Persekutaran Fizikal

Seperti yang dinyatakan di bahagian Pengenalan, bahagian ini bertujuan memerikan mengenai keadaan sebenar yang terdapat di tempat-tempat kajian. Gambarajah yang berkenaan akan diberikan untuk menunjukkan persekitaran Tabika. Bahagian ini dibahagikan kepada 3 mengikut kepada tempat kajian iaitu:-

- i) Tabika A di Jalan Bukit Nanas
- ii) Tabika B di Flat Jalan Loke Yew
- iii) Tabika C di Pantai Halt.

i) Tabika A

Tabika A ini terletak di Jalan Bukit Nanas iaitu di kawasan komersial dan juga berhampiran dengan empat buah sekolah iaitu dua buah sekolah rendah dan dua buah sekolah menengah. Di hadapannya ialah Bangunan Ming dan tidak jauh daripadanya ialah Bangunan AIA. Oleh kerana itu, jalan yang terdapat di situ sentiasa sibuk dengan kenderaan-kenderaan seperti bas sekolah, lori, truck dan juga kereta-kereta persendirian juga awam.

Di dalam kawasan Tabika A juga mempunyai jalan persendirian. Kereta-kereta yang tidak mempunyai urusan berkenaan tidak dibenarkan masuk ke kawasan ini. Kawasannya juga dipagari dan pada waktu-waktu kelas bermula hingga selesai, pintu pagar akan dikunci oleh seorang penjaga. Hanya pada waktu sebelum dan selepas kelas sahaja ia dibuka. Pada masa-masa ini, jalan di dalam kawasan Tabika tersebut akan sibuk dengan kereta dan bas sekolah yang menghantar kanak-kanak ini.

(ii) Di bawah ini ialah gambarajah I bagi kawasan dan persekitaran


Tabika A.

Tabika A terletak di Kawasan Pusat-pangsa di Jalan Kolej Tew.

ia berimpitan dengan Jalan Sultan Selatan. Di kawasan ini

terdapat banyak rumah-pangsapuri yang besar juga menyediakan pelbagai kelas-kelas

Kawasan dan Persekitaran Tabika A



ii) Tabika B

Tabika B terletak di kawasan rumah pangsa di Jalan Loke Yew. Ia berhampiran dengan lebuhraya menuju ke Selatan. Di kawasan ini terdapat banyak rumah pangsa yang lain yang juga mempunyai kelas-kelas Tabika oleh MPM dan KEMAS. Tapi penulis memilih untuk mengkaji Tabika di rumah pangsa ini. Harus diingatkan pilihan ini adalah secara random sahaja tanpa dipengaruhi oleh sesiapa.

Tabika B ini dihubungkan dengan flat-flat lain dengan jalan-jalan. Walaupun begitu ia tidak begitu sibuk seperti di Tabika A. Keadaan ini pula adalah atas sebab bahawa kanak-kanak Tabika B ini tinggal di bangunan rumah pangsa yang berkenaan kecuali seorang kanak-kanak berbangsa Cina yang tinggal di Flat San Peng. Ini mengurangkan kesesakan di jalan berhampiran.

Tidak jauh daripada Tabika ini juga ialah sebuah Balai Bomba, sebuah sekolah, Dewan Bahasa dan Pustaka dan sebuah padang permainan.


Tabika B terletak di tingkat bawah daripada bangunan rumah pangsa ini. Ia merupakan sebuah Dewan Orang Ramai yang digunakan untuk berbagai-bagai projek juga sebagai bilik gerakan. Bersebelahan dan di hadapan Tabika adalah kediaman penghuni di rumah pangsa berkenaan. Terdapat satu ruangan kosong yang tidak beratap di bahagian tengah yang bertujuan sebagai ruang udara. Melalui ruang ini juga, cahaya matahari dapat masuk tetapi ianya terhad kepada beberapa tingkat di atas sahaja. Bangunan rumah pangsa ini adalah setinggi 20 tingkat. Oleh kerana itu keadaan di bahagian bawah adalah sentiasa sejuk dan agak gelap juga.

Setiap pagi orang-orang daripada Dewan Bandaraya akan membersihkan bahagian ruangan ini kerana ada juga antara penghuni di tingkat atas yang membuang sampah ke bawah. Mereka akan memuci parit-parit, tandas awam juga bahagian tempat sampah. Tandas awam ini digunakan oleh kanak-kanak daripada Tabika B ini.

Di bawah adalah gambarajah II bagi menunjukkan persekitaran dan kedudukan Tabika B.

Gambarajah II

Kawasan dan Persekutaran Tabika B



iii) Tabika C

Tabika C terletak di Jalan Pantai Halt. Ia merupakan kawasan setinggan sementara mendapatkan rumah-rumah. Ia berhampiran dengan Kampung Kerinci iaitu kawasan Bukit Putera 'C'. Terdapat juga projek pembinaan Rumah Pangsa oleh pihak awam bagi menempatkan penghuni-penghuni ini.

Kawasan ini mempunyai kemudahan jalanraya yang baik tetapi dari segi pengangkutan awam, penghuni terpaksa berjalan ke luar daripada kawasan ini. Tidak terdapat bangunan-bangunan komersial di kawasan ini. Hanya sebuah sekolah agama terdapat berhadapan dengan Tabika C.

Satu kawasan tanah kosong telah digunakan oleh pihak kontraktor untuk meletakkan barang-barang pembinaan di situ. Kadang-kadang jalan di kawasan ini dilalui oleh traktor dan lori untuk mengangkut barang-barang berkenaan.

Berikut adalah gambarajah menunjukkan persekitaran Tabika C.

Gambarajah III

Kawasan dan Persekutaran Tabika C

Informasi di dalam kajian ini penulis telah berzuri dan
berbincang dengan 7 orang warganya. Mereka terdiri daripada seorang
buruh besar, 3 orang guru dan seorang tabikah guru.

J A L A N

BUKIT PUTERA 'C'.	J A L A N	RUMAH	KAWASAN RUMAH PANJANG
		PANJANG I	
		RUMAH	
		PANJANG II	
	J A L A N	RUMAH	KAWASAN
		PANJANG III C	TANAH KOSONG
	J A L A N	RUMAH SEKOLAH AGAMA	
		PANJANG IV	
	KAWASAN	RUMAH	PETUNJUK:
	PANJANG		C - TABIKAH
	PROJEK PEMBINAAN RUMAH PANGSA		C

3.3 Latarbelakang Informan

Seperti yang dinyatakan dalam Bab 1 bahagian 1.5B mengenai pemilihan informan di dalam kajian ini penulis telah bertemu dan berbual dengan 7 orang kesemuanya. Mereka terdiri daripada seorang Guru Besar, 3 orang guru dan 3 orang pembantu guru.

Bahagian ini akan dibahagikan mengikut kepada pekerjaan informan.

i) Untuk jawatan Guru Besar, penulis tidak memperolehi latarbelakangnya. Penulis menumpukan perhatian yang lebih kepada guru-guru dan pembantu sahaja. Tetapi penulis telah mengadakan beberapa temubual dengan Guru Besarnya untuk mendapatkan pandangannya mengenai Tabika pada keseluruhannya.

ii) Guru-guru Tabika

A) Tabika A

Gurunya seorang wanita berusia 25 tahun, ia telah mendirikan rumah tangga dan baru lebih kurang 9 bulan bertugas di sini. Sebelum ini ia bertugas di Methodist Kindergarten di Seremban selama setahun enam bulan. Kelulusan tertinggi diperolehi adalah di peringkat M.C.E.

B) Tabika B

Gurunya juga seorang wanita berusia 28 tahun, ia telah lama mendirikan rumah tangga dan telah 8 tahun bekerja di Tabika B, Flat Loke Yew ini. Sebelum ini, ia bertugas sebagai guru Tabika MPM juga di Flat Sri Pahang Bangsar. Kelulusan tertinggi diperolehi adalah Sijil

Pelajaran Malaysia.

c) Tabika C

Gurunya seorang wanita berusia 21 tahun. Ia belum lagi mendirikan rumah tangga dan telah 3 tahun bekerja di Tabika C ini. Ini merupakan pekerjaannya yang pertama. Peringkat kelulusan tertinggi diperolehi ialah Sijil Pelajaran Malaysia.

iii) Pembantu Guru Tabika

A) Tabika A

Pembantunya baru bekerja dengan Tabika A iaitu lebih kurang 3 bulan. Ia berusia 18 tahun dan belum mendirikan rumah tangga serta belum berpeluang lagi untuk menghadiri sebarang kursus. Kelulusan tertinggi diperolehi ialah Sijil Rendah Pelajaran.

B) Tabika B

Pembantunya seorang wanita berusia 30 tahun. Ia belum mendirikan rumah tangga dan telah lapan tahun bekerja dengan Tabika B. Kelulusan tertinggi yang diperolehinya ialah Sijil Rendah Pelajaran.

C) Tabika C

Pembantunya seorang wanita berusia 20 tahun. Ia belum mendirikan rumah tangga dan telah setahun bekerja dengan Tabika ini. Kelulusan tertinggi yang diperolehi ialah Sijil Pelajaran Malaysia.

3.4 Latarbelakang Kursus

Di dalam bahagian ini hanya 2 pembahagian dibuat berdasarkan kepada pekerjaan informan.

i) : Guru-guru Tabika

A) Tabika A

Semasa penulis membuat kajian, guru ini belum lagi menjalankan kursus yang dianjurkan oleh Persatuan Tadika Malaysia. Tetapi ia akan hanya menghadiri kursus tersebut pada masa cuti penggal yang diadakan di Kolej Damansara Utama. Namun begitu, semasa ia bertugas di Methodist Kindergarten, Seremban ia pernah menghadiri kursus yang dianjurkan oleh Trinity College Singapura.

Kursus tersebut dijalankan secara kuliah dengan pembentangan kertaskerja diikuti oleh bengkel bagi membincangkan kertaskerja. Ia juga menjalankan kerja amali dengan kanak-kanak yang berada di peringkat usia Tabika.

Penekanan yang diberikan di dalam kursus meliputi kegunaan alat-alat seperti alat muzik contohnya percussion, kebersihan diri, kerjatangan dan melukis, mengenai pembacaan, menulis, senaman dan lain-lain lagi.

B) Tabika B

Guru ini telah 5 kali menghadiri kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara. Ianya diadakan setiap cuti penggal persekolahan. Jumlah tempoh latihan yang dilaluinya adalah selama 10 minggu.

Pada peringkat permulaannya, latihan pendedahan yang merupakan kursus Suaikenal diadakan selama 10 hari untuk guru-guru anjuran Jabatan berkenaan. Ini bagi memenuhi keperluan mereka yang khusus. Seterusnya latihan lanjutan selama 10 minggu dianjurkan oleh Kementerian Pertanian bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia. Kursus ini dijalankan secara berperingkat-peringkat iaitu peringkat pendedahan, peringkat menengah dan peringkat tinggi. Di akhir kursus, guru diberikan Sijil Penyertaan.

Penekanan yang diberikan adalah dalam penggunaan peralatan seperti alat-alat muzik, kad-kad atau gambar-gambar yang berkaitan dengan pelajaran, mengenai kebersihan diri, kerjatangan, membaca dan menulis. Kursus dijalankan secara pembentangan kertaskerja, perbincangan dan latihan amali.

C) Tabika C

Guru ini telah 3 kali mengikuti kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bahagian Kemajuan Masyarakat. Ianya diadakan setiap cuti penggal dan dijalankan secara berperingkat-peringkat. Pada peringkat permulaannya, guru ini telah mengikuti kursus asas Kemajuan Masyarakat.

Tetapi yang menarik perhatian di sini ialah guru ini dahulunya seorang pembantu Tabika. Ia pernah mengikuti kursus pembantu Tabika selama seminggu. Kemudian ia diterima sebagai guru Tabika dan telah dua kali menjalani kursus. Kursus asas dihadiri selama 4 hari diikuti oleh kursus pembangunan keluarga bahagian Tabika untuk selama tiga bulan. Di akhir kursus guru diberikan Sijil-sijil Pembantu Tabika, Kursus Asas KEMAS dan Kursus Pembangunan Keluarga (Tabika).

Antara penekanan semasa kursus dijalankan ialah penggunaan alat-alat seperti alat genderang, kerincing dan ketulan kayu, mengenai kebersihan diri, kerjatangan seperti melukis gambar, kolaj, origami, percikan dan tampalan, mengenai membaca, menulis, senaman dan lain-lain. Kursus dijalankan secara pembentangan kertaskerja, perbincangan dan amali.

Selain daripada itu, KEMAS menganjurkan bengkel-bengkel setiap minggu pada hari Rabu untuk sehari. Ia dijalankan selepas waktu kelas iaitu 2.30 petang. Antara tujuannya ialah untuk membuat perancangan bagi tempoh tiga bulan dengan memberikan penekanan pada aspek-aspek tertentu.

Tabika-tabika KEMAS dibahagikan kepada zon-zon tertentu. Setiap minggu untuk selama 3 bulan guru-guru Tabika KEMAS dengan penyelia berkenaan akan membincangkan mengenai 'meninggikan prestasi sudut permainan dalam memupukkan disiplin, kebersihan dan keberanian' misalnya. Guru-guru akan aplikasikan hasil kerjatangan dan perbincangan dalam perjalanan kelas mereka.

ii) Pembantu-pembantu Tabika

A) Tabika A

Pada masa penulis berada di sana, ia belum lagi menghadiri kursus pembantu Tabika. Tetapi pada keseluruhannya, ia dikehendaki membantu guru dalam menyediakan peralatan-peralatan seperti kad-kad bergambar, lukisan-lukisan juga mengawal kanak-kanak ketika kelas sedang berjalan supaya tidak menganggu perjalanan kelas. Ia juga bertanggungjawab memastikan kelas tersusun dengan rapi dan bersih serta menentukan buku-buku kanak-kanak diberikan kepada mereka.

B) Tabika B

Pembantu Tabika B telah dua kali mengikuti kursus anjuran Jabatan Perpaduan Negara. Pada peringkat awal, ia mengikuti Latihan Khas selama 3 hari dan kemudian kursus selama seminggu di asrama Toh Puan Noor Ashikin Kuala Lumpur. Di akhir kursus ia diberikan Sijil Pembantu Tabika.

Antara penekanan yang diberikan ialah mengenai tugas-tugas pembantu seperti menyediakan dan mengemasakan bilik darjah sebelum dan selepas kelas tamat iaitu menyapu, mengunci kelas dan menjaga kebersihan bilik darjah. Ia juga menolong murid ke tandas kalau perlu dan memerhatikan mereka sentiasa bersih. Ia juga bertanggungjawab menyediakan minuman dan makanan untuk murid-murid, menjaga keselamatan dan kebersihan tempat dan barang di dapur seperti cawan, cerek, sudu dan sebagainya. Ia membantu guru dalam pengelolaan Hari Terbuka, majlis perjumpaan ibubapa dan seumpamanya. Pada masa ketiadaan guru, pembantu mengambil alih +

tugas.

c) Tabika C

Pembantu di Tabika C baru sekali menghadiri kursus pembantu Tabika selama seminggu di Dewan Buluh Perindu, Morib Selangor. Di akhir kursus ini ia diberikan Sijil Pembantu Tabika.

Di dalam kursus ini, pembentangan kertaskerja, perbincangan serta latihan amali diadakan. Ia juga telah mengikuti latihan kerjatangan dengan membuat barang-barang daripada strawboard, manila card dan lain-lain.

Ia diberikan penerangan mengenai penyediaan makanan tambahan yang berkhasiat untuk kanak-kanak Tabika dengan mengikut menu yang disediakan. Ia juga bertanggungjawab bersama dengan Pemaju Masyarakat Tabika (guru Tabika) dalam perancangan menu tersebut. Ia bertanggungjawab terhadap kebersihan dan keselamatan di dapur, dalam kelas dan luar kelas. Ia membantu mengawasi kanak-kanak semasa aktiviti dalam dan luar kelas juga dalam penyediaan alatan mengajar.

Selain daripada itu ia bersama-sama dengan guru Tabika akan membuat susulan ke rumah kanak-kanak dari masa ke semasa. Ia perlu bekerjasama dengan ibubapa, belia-belia tempatan atau lain-lain badan sukarela untuk menjaga Tabika. Semasa ketiadaan guru, ia mengambil alih tugas guru.

3.5 Pandangan Guru-guru Mengenai Beberapa Perkara Berkaitan Dengan Pembelajaran di Tabika

i) Fahaman Guru Mengenai Pertumbuhan Kanak-kanak (Child Development)

A) Tabika A

Guru ini berpendapat bahawa pertumbuhan kanak-kanak bermula sejak ia berada di dalam kandungan ibunya. Apabila ia dilahirkan, ia memerhati dan mengamati bunyi-bunyian (sounds) yang terdapat di sekitarnya. Pada peringkat awal lagi, keperluan psikologi, mental dan spiritualnya perlu dipenuhi oleh orang-orang dewasa dengan memberikan berbagai rangsangan kepada kanak-kanak tersebut.

B) Tabika B

Pertumbuhan kanak-kanak diajarkan kepada guru untuk membantunya memahami personaliti kanak-kanak di samping membantu mereka di dalam sesuatu aktiviti yang dijalankan.

C) Tabika C

Pertumbuhan kanak-kanak diajarkan supaya dapat membantu guru dalam menyelaras tugasnya yang memerlukan fahaman dan psikologi kanak-kanak dari mula ia dilahirkan.

ii) Fungsi Bermain Dalam Pertumbuhan Kanak-kanak

A) Tabika A

Melalui bermain, dapat memberikan kepuasan kepadanya melalui penggunaan plastisin, silinder yang diisikan dengan berbagai bentuk dan barang seperti batu, biji saga juga bermain dengan bongkah-bongkah yang beraneka jenis. Kesemua ini mempunyai kaitan dengan persekitarannya.

B) Tabika B

Bermain membantu kanak-kanak memahami sesuatu benda yang diajar atau diperkenalkan dan menghilangkan rasa bosan.

C) Tabika C

Fungs i bermain di dalam perkembangan diri, mental, fizikal kanak-kanak ialah permainan itu biarlah berpadanan dengan tahap umur kanak-kanak, yang selamat untuk kanak-kanak dan tidak membahayakan.

iii) Perkara-perkara Yang Dianggap Kreatif

A) Tabika A

Keupayaan menggunakan bahan-bahan seperti manila kad, bulu ayam, kertas warna-warni dan sebagainya. Antara hasilnya seperti puppet, bentuk-bentuk binatang seperti burung. Selain daripada itu perkara-perkara yang dikatakan sebagai kreatif meliputi membaca, menulis, melukis dan sebagainya.

B) Tabika B

Membuat kerjatangan seperti mencantumkan gambar, membuat model seperti (kapal terbang), mengguntingkan gambar dari majalah dan lain-lain.

C) Tabika C

Perkara yang boleh menghasilkan daya kreatif dari kanak-kanak ialah perkara-perkara yang ia gemar dan menarik minat kanak-kanak itu untuk melakukannya berulangkali dan mencubanya sekiranya ia gagal pada mulanya.

iv) Adakah Membaca Dan Menulis Kreatif. Kenapa?

A) Tabika A

Membaca dan menulis adalah kreatif.

B) Tabika B

Membaca dan menulis tidak kreatif kerana di peringkat pra-sekolah ianya tidak ditekankan.

C) Tabika C

Membaca dan menulis membolehkan kanak-kanak melahirkan dan menyebut perkataan-perkataan yang tertulis di mana-mana saja yang ia nampak.

- v) Pengalaman Kanak-kanak Membantu Menghasilkan Kerja Yang Kreatif Dan Produktif. Bagaimana?

A) Tabika A

Pengalaman membantu meluaskan lagi kefahaman kanak-kanak mengenai persekitarannya.

B) Tabika B

Kanak-kanak dapat memahami sesuatu dengan lebih mendalam.

C) Tabika C

Hasil dari pengalaman kanak-kanak ialah kanak-kanak ini dapat menghasilkan karya yang lebih baik dan sempurna umpamanya melalui gambar-gambar yang dilihat dan diteliti yang mana akhirnya mereka boleh melukis gambar-gambar itu dengan lebih baik.

3.6 Komposisi Kelas, Aktiviti Dan Jadual Waktu

Untuk bahagian ini penulis akan perihalkan mengikut kepada kelas yang dikaji di Tabika berkenaan.

i) Tabika A

A) Kelas yang dikaji terdiri daripada kanak-kanak yang berusia 6 tahun dan pada tahun berikutnya akan mengikuti Sekolah Rendah. Di dalam kelas ada 39 orang kanak-kanak, di mana tiga orang baru pertama kali memasuki Tabika. Yang lain berada di tahun kedua Tabika A. Di dalam kelas terdapat seorang guru dan seorang membantu.

Komposisi pelajar bagi kelas ini ialah:-

Jadual 4

Bilangan Pelajar Kelas K3 Tabika A

Bangsa	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Cina	17	10	27
Melayu	8	-	8
India	1	2	3
Lain-lain	1	-	1
Jumlah	27	12	39

B) Aktiviti Kelas K3

Aktiviti yang ditekankan atau diberi keutamaan ialah pra-nombor dan pra-sains. Ia ditekankan kerana ia penting bagi kanak-kanak ini untuk menghadapi pelajaran formal nanti.

Jadual 5

Jadual Waktu Seminggu

Hari Masa	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat
8.40- 9.00					General Science/Moral Studies
9.00- 9.35					Number Work
9.35-10.00	Music/ Movement	Rhymes	Music/ Movment	Music/ Movment	Writing
10.00-10.15	Library/ Story	Field	Reading	Story/ Drama	Field/ Playing
10.15-10.40	B	R	E	A	K
10.40-11.10	Reading	Art	Writing	Hand Work	Reading
11.10-11.30	Writing		Indoor Activities		Hygiene/ Ethics

'D I S M I S S A L'

Daripada jadual 5, didapati aktiviti-aktiviti untuk seminggu bagi kelas K3 telah disusun untuk merangkumi setiap matapelajaran yang dirasakan penting.

Di sebelah pagi ialah Moral Studies/General Science diadakan selama 20 minit. Ia dikendalikan secara perbualan dan setiap hari topik-topiknya berubah mengikut kepada rekod guru. Dalam masa seminggu, ia mengambil masa 1 jam 40 minit.

Aktiviti lain yang diberikan tumpuan juga ialah Reading, Writing dan kelas Music. Ketiga-tiganya diadakan sebanyak tiga kali dalam seminggu, maka setiap satu mengambil masa 25 minit untuk satu matapelajaran dan 75 minit untuk 3 hari. Ia ditekankan kerana melalui Reading dapat memperkenalkan huruf-huruf, gambar-gambar, struktur-struktur ayat yang betul dan lain-lain lagi. Aktiviti muzik adalah untuk menghilangkan perasaan bosan dan ianya amat diminati oleh kanak-kanak ini.

Senaman dilakukan dua kali seminggu. Ia mengambil masa 15 minit untuk satu kelas. Pada waktu ini permainan mereka dipandu oleh guru untuk melakukan gerakan-gerakan yang dapat mengimbangkan pertumbuhan otot dengan pancaindera mereka.

Melukis juga diberikan masa selama 50 minit. Ia dapat dibahagikan kepada dua iaitu untuk kelas Art dan Hand Work. Dalam seminggu diadakan dua kelas yang berasingan di mana gurunya meletakkan kelas Art di bawah kategori aktiviti luar kelas.

Selain daripada itu, Lawatan juga dikendalikan tetapi tidak kerap diadakan. Jika ada lawatan ke tempat-tempat tertentu maka ia mengambil masa satu hari iaitu mengikut kepada waktu kelas bermula hingga akhir.

Jadual 6

Peralatan Yang Digunakan Dalam Aktiviti

Alat bantuan mengajar Alat-alat yang digunakan oleh kanak-kanak

(ii) Jadual 6

Hash cards	Manila-manila
Carta	Alat-alat permainan
Bongkah	Bongkah
Papan Hitam	Krayon
Krayon	Pensil
Kapur	Buku-buku cerita
Pensil	
Slates	

Dalam jadual 6 pula ialah peralatan yang digunakan oleh guru dan kanak-kanak ini semasa aktiviti. Alat yang selalu digunakan oleh guru ialah kapur dan papan hitam. Jarang ia menggunakan alat-alat lain semasa penulis membuat kajian. Sementara kanak-kanak ini pula menggunakan alat-alat permainan lebih daripada yang lain terutamanya plasticine. Krayon digunakan hanya semasa aktiviti Hard-Work atau Art dan tidak pada masa lain.

i) ~~nasihat~~ Semasa kanak-kanak sedang membuat kerja, guru dan pembantu membantu mereka jika timbul kesulitan. Antara yang dilakukan oleh guru ialah mengasah pensil, mengajar kanak-kanak secara individu bagaimana melakukan kerjanya dan berbagai lagi.

ii) Tabika B

A) Kelas ini terdiri daripada kanak-kanak yang berusia 5 dan 6 tahun. Di dalam kelas ini ada 41 orang kanak-kanak, di mana 5 orang berusia 5 tahun dan 36 lagi berusia 6 tahun. Di dalam kelas ini terdapat seorang guru dan seorang pembantu.

Jadual 7

Bilangan Pelajar Di Kelas Tabika B

Bangsa	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Cina	1	2	3
Melayu	11	14	25
India	6	5	11
Lain-lain	1	1	2
Jumlah	19	22	41

B) Aktiviti Kelas Tabika

Tabika 8. Aktiviti yang diberi keutamaan ialah Sudut Bacaan, Sudut Binaan dan Sudut Pra-Hisab dan Sains. Ini kerana aktiviti-aktiviti ini memperkembangkan bahasa kanak-kanak di samping membentuk peribadi kanak-kanak itu sendiri.

Jadual 8

Jadual Waktu Seminggu Kelas Tabika B

(sekitar 300 minit)

Masa	Hari	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat
9.00- 9.10			Mencatatkan kedatangan			
9.10- 9.30			Perbualan Pagi			
9.30-10.30			Aktiviti Bebas			
10.30-11.10		R	E	H	A	T
11.10-11.45	Nyanyi/ Bercerita	Pra-Hisab	Lanjutan Pra-Hisab	Pra-Sains	Lanjutan Pra-Sains	

'N E G A R A - K U'

Jadual 8 pula menunjukkan aktiviti yang dilakukan oleh Tabika B. Didapati bahawa ianya adalah amat umum sekali di mana aktiviti kanak-kanak ini dibahagi kepada dua iaitu aktiviti bebas dan aktiviti khas.

Semasa aktiviti bebas, kanak-kanak berpeluang untuk bermain dan melakukan kegiatan mereka sendiri. Ia mengambil masa 60 minit dalam sehari maka untuk satu minggu jumlah waktu untuk aktiviti bebas ialah 300 minit.

Aktiviti khas pula merupakan pelajaran yang dipandu oleh guru. Ia meliputi pelajaran Pra-Hisab, Pra-Sains dan Nyanyi atau Bercerita. Menulis merupakan sebahagian daripada pelajaran Pra-Hisab dan Pra-Sains.

Pada waktu pagi setiap hari untuk selama 20 minit diadakan Perbualan pagi. Pada masa ini, guru akan bercerita mengenai persekitaran dan perayaan seperti hari-hari kebesaran, tugas-tugas Polis Trafik dan sebagainya.

- (i) ia boleh memastikan bahaya Negara bersentuh dengan ketidaktalianan.
- (ii) bersosyal dengan pengaruh orang-orang lain di lingkungan keluarga.

Jadual 9

Peralatan Yang Digunakan Semasa Aktiviti

Alat bantuan mengajar	Alat-alat yang digunakan oleh kanak-kanak
Bongkah-bongkah	Gambar
Buku/gambar	Nombor/borang
Benda sekeliling (bunga, bola dan lain-lain)	Benda sekeliling
Carta nombor	

Jadual 9 memberikan jenis-jenis peralatan yang digunakan semasa aktiviti di kelas. Pengalaman penulis menunjukkan bahawa guru lebih banyak menggunakan buku latihan yang khas bagi kelas ini untuk memberikan penerangan mengenai pelajaran yang berkenaan. Benda sekeliling digunakan semasa pra-sains iaitu sewaktu guru membawa kanak-kanak ini keluar daripada kelas untuk memberikan penjelasan mengenai matapelajaran tersebut.

Aktiviti di luar kelas tidak dapat dijalankan atas sebab-sebab:-

- i) ia boleh mendatangkan bahaya kepada kanak-kanak kerana ketiadaan padang.
- ii) bercampur dengan penghuni-penghuni lain di flat-flat berhampiran.

iii) Semasa kanak-kanak melakukan kerja mereka guru memerhati di samping membantu mereka jika ada kedapatan kanak-kanak yang kurang memahaminya.

iii) Tabika C

A) Kelas ini terdiri daripada kanak-kanak yang berusia 4, 5 dan 6 tahun. Di dalam kelas ada seramai 39 orang kanak-kanak di mana 2 orang berusia 4 tahun, 10 orang berusia 5 tahun dan 27 orang berusia 6 tahun. Kelas mempunyai seorang guru dan seorang pembantu. Jadual berikut memperlihatkan komposisi murid di dalam kelas tersebut.

Jadual 10

Bilangan Pelajar Di Kelas Tabika C

Bangsa	Lelaki	Perempuan	Jumlah
China	-	-	-
Melayu	14	24	38
India	-	-	-
Lain-lain	-	1	1
Jumlah	14	25	39

B) Aktiviti Tabika B

Aktiviti yang diberi keutamaan ialah Awal Nombor, Sains, Bahasa/agama. Ini kerana ia merupakan subjek yang wajib di sekolah.

Jadual 11

Jadual Waktu Seminggu Tabika C

Masa	Hari	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat
------	------	-------	--------	------	--------	--------

8.30- 9.00					Persediaan dan Perbualan Pagi	
------------	--	--	--	--	-------------------------------	--

9.00- 9.30					Aktiviti seperti Awal Nombor	
------------	--	--	--	--	------------------------------	--

9.30-10.00					Aktiviti Bebas	
------------	--	--	--	--	----------------	--

10.00-10.30	R	E	H	A	T	
-------------	---	---	---	---	---	--

10.30-11.00					Aktiviti seperti Bercerita	
-------------	--	--	--	--	----------------------------	--

11.00-11.30					Aktiviti Menyanyi	
-------------	--	--	--	--	-------------------	--

					Persediaan pulang dan 'N E G A R A - K U'	
--	--	--	--	--	---	--

Jadual 11 pula menunjukkan jadual waktu di Tabika C. Seperti Tabika B, aktivitinya lebih fleksibel di mana tidak ditetapkan aktiviti apa akan dilakukan pada waktu yang tertentu.

Tetapi dapat diperkatakan bahawa aktiviti Tabika C ini diselang-selikan antara aktiviti khas dengan aktiviti bebas. Maksudnya di sebelah pagi selepas Perbualan Pagi akan diadakan Aktiviti Khas seperti Awal Nombor. Ia akan diikuti pula dengan Aktiviti Bebas di mana kanak-kanak yang telah selesai akan kerja mereka boleh bermain dengan alat-alat permainan yang disediakan. Kanak-kanak yang belum lagi selesai akan meneruskan dengan Aktiviti Khas mereka. Keadaan yang sama juga terdapat bagi aktiviti-aktiviti selepas waktu Rehat.

Daripada keterangan guru didapati bahawa pelajaran Bahasa mendapat penekanan kerana ia dirasakan penting bagi membolehkan kanak-kanak berkomunikasi. Untuk seminggu kelas diadakan sebanyak tiga kali di mana untuk satu kelas mengambil masa selama 30 minit.

Selain daripada aktiviti seperti Perbualan Pagi, Awal Nombor, Sains dan Sivik masing-masing diperuntukkan masa selama 60 minit dalam seminggu kecuali Perbualan Pagi yang mengambil masa 75 minit untuk seminggu.

Perbualan Pagi diadakan setiap hari selama 15 minit, sementara aktiviti khas lain diadakan dua kali seminggu untuk selama 30 minit bagi satu waktu.

Jadual 12

Peralatan Yang Digunakan Semasa Aktiviti

Alat bantuan mengajar	Alat yang digunakan oleh kanak-kanak
Carta Huruf	Carta Huruf
Carta Nombor	Carta Nombor
Carta Bergambar	-
Buku-buku Cerita	-
Alat-alat muzik seperti gendang, tempurung, kerincing, tamborin	Alat muzik

Sementara jadual 12 pula memberikan beberapa contoh mengenai alat bantuan mengajar guru serta alat-alat yang digunakan oleh kanak-kanak.

Hampir kesemua peralatan digunakan oleh guru semasa mengajar. Misalnya untuk mengeja 'Isnin' ia akan mengalihkan perhatian kanak-kanak ini kepada Carta Huruf yang terdapat di dalam kelas begitu juga ketika waktu aktiviti Awal Nombor. Alat-alat muzik digunakan semasa senaman dan aktiviti menyanyi. Sementara kanak-kanak ini pula menggunakan juga kesemua alat-alat yang terdapat di dalam kelas - apa yang digunakan oleh guru itu jugalah yang digunakan oleh mereka.

Semasa kanak-kanak sedang melakukan kerja mereka, guru berada berhampiran memerhati akan pekerjaan yang dibuat dan menegur serta membetulkan kesalahan yang dilakukan dengan baik tidak melalui kata-kata hinaan kepada kanak-kanak kerana khuatir akan emosi kanak-kanak yang sensitif.

3.7 Masalah Guru

Untuk bahagian ini, dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut kepada pemasalahan yang dikemukakan.

i) Peribadi Kanak-kanak

A) Tabika A

Guru menghadapi masalah untuk mengawal beberapa orang kanak-kanak di dalam kelas. Mereka mempunyai sifat-sifat yang sukar bagi guru untuk taakul dengan mereka misalnya seorang daripada mereka gemar memberi 'hadiyah' seperti pensil atau buah kepada guru. Walaupun telah guru cuba taakul dengannya, ia masih tetap dengan pendiriannya untuk beri 'hadiyah-hadiyah' ini.

B) Tabika B

Guru menyatakan yang ia tiada menghadapi masalah peribadi dengan kanak-kanak.

C) Tabika C

A) Tabika A Guru mendapati agak sukar untuk memahami peribadi kanak-kanak kerana karektor mereka di rumah dan di sekolah ada yang sama dan ada yang berbeza.

ii) Masalah Mengenai Kelengkapan Sekolah

A) Tabika A

Guru hadapi masalah mengenai dengan keadaan kelas. Dinding yang memisahkan antara kelas yang dikaji dengan kelas sebelah dipisahkan oleh papan hitam dan almari-almari yang disusun rapat-rapat supaya tidak nampak kelas bersebelahan. Guru dapat bahawa keadaan bising ini menganggu perjalanan kelas, tidak sahaja untuk kelasnya tetapi oleh kesemua kelas-kelas lain.

B) Tabika B

Guru tidak menghadapi sebarang masalah mengenai kelengkapan kelasnya.

C) Tabika C

Guru menyatakan mengenai kekurangan alat kelengkapan seperti permainan luar juga merupakan masalah kerana cepat jemu jika kerap dengan buku dan permainan yang biasa ia main.

iii) Masalah Mengenai Ibubapa Kanak-kanak

A) Tabika A

Walaupun pada keseluruhannya, ibubapa tidak mendatangkan masalah tetapi terdapat seorang dua yang enggan bekerjasama dengan guru untuk mengatasi masalah anaknya.

B) Tabika B

Guru tiada mendapat sebarang masalah dalam perhubungan dengan ibubapa kanak-kanak.

C) Tabika C

Masalah yang utama ialah terdapatnya setengah ibubapa yang sengaja tidak faham akan (sistem) peraliran pembelajaran di Tabika. Selalunya ibubapa lepas tangan dan menaruh penuh kepercayaan kepada guru. Di rumah kanak-kanak tidak mendapat dorongan dan tunjuk ajar dari ibubapa.

iv) Masalah Lain

A) Tabika A

Guru tiada mempunyai masalah-masalah lain.

B) Tabika B

Guru mengatakan bahawa kelas berkongsi atau digunakan oleh badan atau persatuan lain.

c) Tabika C

Guru menghadapi masalah apabila setengah ibubapa terlalu percaya kata kanak-kanak sehingga tidak mahu langsung bertoleransi dengan pihak guru. Selalunya guru menjadi kecaman apabila kanak-kanak lebih menghafal nyanyian dari pelajaran lain.

3.8 Cara Mengatasi Masalah

i) Peribadi Kanak-kanak

A) Tabika A

Guru akan menghantar surat kepada ibubapa untuk mengadakan pertemuan bagi membincangkan mengenai anak-anak mereka (ibubapa). Guru juga cuba menyelesaikan masalah dengan 'berbual' dengan kanak-kanak sambil menaakul dengannya.

B) Tabika B

Oleh kerana guru tiada hadapi masalah maka guru tidak perlu untuk mencari jalan mengatasi masalah yang tidak wujud.

C) Tabika C

Guru akan mengadakan susulan ke rumah bagi melihat sendiri sebab-sebab kanak-kanak itu bersikap demikian.

ii) Mengatasi Masalah Kelengkapan Sekolah

A) Tabika A

Guru telah berpaktat dengan guru daripada kelas sebelah mengenai jadual waktu mereka. Ini bermakna apabila guru di kelas yang dikaji sedang mengadakan kerja tulis atau aktiviti-aktiviti kraft, guru di kelas sebelah akan mengajar dan begitulah sebaliknya.

B) Tabika B

Guru tidak menghadapi sebarang masalah.

C) Tabika C

Guru-guru terpaksa menyediakan sendiri barang-barang kelengkapan walaupun ianya tidak sebaik mana.

iii) Mengatasi Masalah Mengenai Ibubapa Kanak-kanak

A) Tabika A

Guru mengadakan perjumpaan dengan ibubapa bagi menjelaskan sebarang kekeliruan atau pemasalahan yang wujud.

B) Tabika B

Tiada masalah.

C) Tabika C

Guru-guru sendiri pergi ke rumah kanak-kanak dan menerangkan sistem pelajaran pra-sekolah.

iv) Mengatasi Masalah Lain Yang Dihadapi

A) Tabika A

Guru tiada menghadapi masalah lain.

B) Tabika B

Guru terpaksa bekerjasama dengan mereka.

C) Tabika C

Guru mengadakan perjumpaan dengan ibubapa untuk menjelaskan

mengenai pembelajaran di Tabika.

Pada keseluruhannya, tugas dan tanggungjawab seorang guru

Tabika amatlah berat. Ia perlu menghadapi cabaran dengan sabar kerana kalau tidak ini akan menganggu perjalanan kelas dan meninggalkan kesan ke atas kanak-kanak.

BAB 4

PENDEKATAN: PERSEKITARAN TABIKA

4.1 Pengenalan Bab

Di dalam bab ini, penulis akan memberikan data-data mengenai persekitaran sekolah dan Tabika yang dikaji.

Bahagian 4.2 penulis akan berikan penjelasan ringkas mengenai persekitaran dan ciri-cirinya seperti yang dibincangkan di dalam bab 2 serta objektif menggunakan faktor ini.

Bahagian 4.3 memberikan data mengenai ciri fizikal persekitaran.

Bahagian 4.4 mengenai suasana emosi persekitaran Tabika.

Bahagian 4.5 membincangkan mengenai hubungan sosial persekitaran.

Bahagian 4.6 dipecahkan kepada dua iaitu 4.6 (i) mengenai pengalaman kanak-kanak dan 4.6 (ii) mengenai peluang perolehan bahasa kanak-kanak diperluaskan.

4.2 Ringkasan Persekitaran, Ciri-ciri Dan Objektif

Persekitaran mempunyai kesan ke atas pertumbuhan kanak-kanak.

Persekitaran yang kekurangan dari segi emosi apabila perasaan kasih sayang jarang 'ditunjukkan' di rumah, kekurangan dari segi mengkonsepsikan sesuatu apabila kanak-kanak tidak dibenarkan bermain dengan air, kekurangan dari segi perolehan bahasa apabila bahasa yang digunakan di rumah tidak membantu dalam membolehkan individu menyatakan pendapat atau perasaannya, kekurangan dari segi budaya apabila individu tidak

berpeluang untuk membaca buku-buku kerana ketiadaan buku atau akhbar di rumah dan kekurangan dari segi sosial apabila individu hanya mengenali orang-orang tertentu sahaja seperti ahli keluarganya.

Kekurangan-kekurangan ini dapat di atasi melalui persekitaran yang terdapat di sekolah. Di sana, kanak-kanak bertemu dengan guru-guru dan berbagai ragam rakan sebayanya, mereka berpeluang untuk memerhatikan dan juga merasakan kasih sayang daripada guru-guru dan rakan-rakan, berupaya mendengar mereka bercakap mengenai apa yang mereka lakukan misalnya.

Mengajar juga satu cara mengatasi kekurangan yang terdapat pada kanak-kanak, ia diberi berbagai jenis peralatan untuk bermain, buku-buku untuk 'dibaca' yang bukan sahaja menggalakkan kepada tabiat membaca tetapi juga memperkenalkan mereka kepada berbagai ragam manusia dan perasaan.

Ciri-ciri persekitaran seperti di dalam bab 2 ialah ciri fizikal, ciri emosi, ciri hubungan sosial dan ciri-ciri lain seperti pengalaman kanak-kanak dan perolehan bahasa kanak-kanak diperluaskan.

Objektif menggunakan faktor persekitaran:-

- i) Penulis dapat i bahawa faktor ini mempunyai kesan tidak sahaja kepada kanak-kanak tetapi juga kepada perjalanan kelas seperti keadaan fizikal sekolah yang ketiadaan padang mempunyai kesan kepada proses pembelajaran kanak-kanak.

- ii) Persekutaran di dalam kelas juga mempengaruhi hubungan antara kanak-kanak dan juga dengan guru. Penyusunan kelas yang teratur membantu proses pembelajaran kanak-kanak dengan lebih licin lagi.
- iii) Persekutaran yang berbeza memberikan kesan yang berbeza di mana ia banyak mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak di Tabika.

4.3 Persekutaran Fizikal Tabika

Ciri fizikal ini dilihat dari dua segi iaitu fizikal sekolah dan fizikal kelas. Di dalam bahagian ini penulis akan membincangkannya mengikut Tabika-tabika yang dikaji.

a) Tabika A

Tabika ini terletak di sebuah kawasan komersial juga kawasan persekolahan. Dari segi perhubungan dan pengangkutan ia tidak mendatangkan masalah kepada pelajar-pelajar maupun pekerja-pekerja di kawasan ini. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas, sila lihat gambarajah I di bab 3 (m.s. 61).

Persekutaran fizikal sekolah atau Tabika ini boleh dianggap sebagai selamat. Ini dibuktikan dengan terdapatnya pagar yang mengelilingi kawasan Tabika ini. Pada waktu kelas berlangsung, pintu pagar akan dikunci. Ertinya, kereta-kereta atau orang perseorangan yang tidak mempunyai urusan dengan pihak Tabika tidak akan dapat masuk atau keluar daripada kawasan ini.

Pada masa sebelum dan selepas kelas, padang permainan menjadi tumpaan utama kanak-kanak. Oleh kerana itu keselamatan mereka diberikan keutamaan. Kanak-kanak akan 'dipandu' oleh guru-guru yang bertugas untuk melintas jalan di dalam perkarangan sekolah untuk pergi ke padang permainan. Kadang-kadang penjaganya (Tabika) akan menghentikan kereta-kereta untuk membolehkan kanak-kanak ini melintas.


Guru memerhatikan kanak-kanak semasa bermain dan jika pada pandangan guru cara permainan mereka adalah kasar dan boleh mendatangkan bahaya, maka menjadi tanggungjawabnya untuk menghentikan permainan tersebut. Pagar di kawasan padang permainan ini menghalang kanak-kanak daripada bermain di jalan (Jalan Bukit Nanas). Ini kerana dari pengalaman penulis, waktu kelas berakhir iaitu 11.30 pagi. Pada masa ini jalan akan sibuk dengan kenderaan-kenderaan seperti bas-bas sekolah, kereta-kereta juga truck dan lori. Ini membahayakan kepada keselamatan kanak-kanak.

Dari segi susunan kelas yang dikaji, dapat dibahagikan kepada dua iaitu bahagian hadapan dibiarkan lapang. Ini untuk membolehkan kanak-kanak bermain semasa aktiviti di dalam kelas juga digunakan semasa guru mengajar. Kanak-kanak ini akan duduk menghadap papan hitam beramai-ramai di atas carpet kecil yang dibentang.

Dalam rajah 4 ditunjukkan gambarajah kelas Tabika A.

Gambarajah 4

Kelas K3 Tabika A yang DiKaji



Daripada gambarajah ini, dapat dilihat susunan kelas yang dikaji. Di tiap-tiap sebuah meja, 4 orang kanak-kanak ditempatkan. Kecuali untuk meja A ada 5 orang kanak-kanak dan meja B ada 6 orang kanak-kanak.

Peralatan di dalam kelas seperti papan kenyataan dan almari-almari di dalam kelas dibahagi dua, iaitu untuk kelas pagi dan kelas petang. Almari yang berhadapan dengan meja guru dan almari berlaci bertanda C adalah kepunyaan kelas K3.

Di dalam almari-almari di simpan barang-barang permainan, peralatan-peralatan seperti gunting, manila kad, gam dan berbagai lagi. Almari berlaci pula mempunyai beberapa buah laci di mana sebuah laci dikongsi oleh dua orang kanak-kanak. Pada setiap laci terdapat nama-nama mereka dan di dalamnya disimpan pensil warna mereka. Buku-buku latihan kanak-kanak ini disusun di atas almari laci tadi.

Papan kenyataan II dan sebuah lagi yang terletak di bahagian atas almari berlaci C adalah kepunyaan kelas K3. Papan kenyataan II adalah hak bersama kelas pagi dan petang.

Di papan kenyataan II, dipinkan carta-carta mengenai tarikh dan hari untuk hari yang berkenaan. Ia juga mempunyai carta cuaca seperti hari panas, hari hujan, atau hari mendung. Juga di papan kenyataan ini dipinkan carta mengenai bulan-bulan yang terdapat di dalam kalendar.

Papan kenyataan III mempunyai carta-carta bergambar. Ia mempunyai perkataan-perkataan dan diikuti dengan gambar-gambar sebagai penjelasan seperti gambar bola dengan perkataan bola, gambar kapal dengan perkataan kapal dan seterusnya. Sementara papan kenyataan di atas almari berlaci C pula mempunyai Nursery Rhymes dengan hiasan gambar yang besar. Carta-carta ini akan ditukar dengan yang lain apabila guru merasakan perlu.

Nature's Table adalah kepunyaan kelas petang tetapi ia hanya mempunyai sebiji pisang plastik dan sebiji epal plastik sahaja.

Papan hijau digunakan oleh guru ketika mengajar. Guru menggunakan kapur-kapur yang berwarna-warni ketika mengajar. Kanak-kanak tidak dibenarkan untuk bermain dengan papan hijau ini. Kerusi yang berhampiran dengan papan hijau adalah untuk kegunaan guru yang digunakan semasa mengajar seperti mengenai pelajaran etika atau perbualan pagi ataupun semasa aktiviti menyanyi.

Kawasan lapang di hadapan kelas digunakan oleh kanak-kanak ketika aktiviti di dalam kelas. Mereka akan bermain dengan barang-barang permainan di situ. Ada juga beberapa orang yang duduk di tempat sendiri sambil bermain. Dalam banyak hal, kawasan lapang ini lebih banyak digunakan semasa belajar dengan guru.

Aktiviti senaman diadakan di padang sekolah. Kawasan ini juga dipagari supaya kanak-kanak ini tidak akan merayau ke sekolah yang berhampiran. Pembantu akan membantu guru mengawasi kanak-kanak ini.

Tabika A mempunyai bangunannya sendiri yang mempunyai 2 buah bilik darjah, sebuah pejabat, sebuah Dewan Besar dan sebuah kantin. Dewan Besar ini dibahagikan kepada 4 buah kelas dan dipisahkan antara satu sama lain oleh papan hijau dan papan kenyataan. Maka dari segi kedudukan fizikal, keadaan ini tidak bersesuaian kerana apa yang berlaku di kelas-kelas lain dapat didengari oleh kelas-kelas bersebelahan seperti di kelas K3.

Kantin digunakan semasa waktu rehat. Sebelum itu kanak-kanak dilatih untuk ke tandas dan mencuci tangan masing-masing. Di kantin mereka akan duduk di tempat masing-masing di mana pada perhatian penulis kanak-kanak perempuan duduk semeja kecuali beberapa orang yang bercampur dengan yang lain. Kanak-kanak ini membawa bekal makanan dan minuman dari rumah.

Pada keseluruhannya, Tabika A mempunyai kemudahan fizikal yang diperlukan oleh kanak-kanak di peringkat Tabika ini. Dengan adanya padang permainan dengan peralatan-peralatan ini membantu kanak-kanak untuk 'melepaskan' tenaga yang berlebihan supaya apabila kelas bermula mereka akan lebih bersedia untuk mengikuti pelajaran.

b) Tabika B

Tabika ini terletak di kawasan perumahan rumah pangsa. kedudukannya yang berhampiran dengan jalanraya utama tidak mewujudkan masalah pengangkutan bahkan ia juga tidak menjadi masalah utama bagi kanak-kanak Tabika B ini kerana mereka tinggal di rumah pangsa yang berkenaan kecuali seorang sahaja. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas sila rujuk kepada gambarajah II bab 3 (m.s. 63).

Berbeza dengan Tabika A, Tabika B tidak mempunyai kawasannya sendiri. Ia terletak di tingkat bawah rumah pangsa ini. Keadaannya tidak boleh menjamin keselamatan kanak-kanak kerana kemungkinan adanya orang-orang yang tidak bertanggungjawab membuang sampah ke bawah dan mengenai kanak-kanak ini. Keselamatan kanak-kanak ini perlu dititikberatkan kerana mereka tinggal di tingkat-tingkat atas dan kemungkinan terjatuh dari tangga ataupun lubang sampah adalah satu yang tidak dapat dipandang ringan. Amnya keadaan fizikal Tabika ini perlu diberikan perhatian oleh guru dan pihak-pihak berkenaan.

Daripada gambarajah di bab 3 didapati bahawa padang permainan terletak berjauhan daripada Tabika. Oleh kerana faktor-faktor keselamatan maka kanak-kanak ini tidak lagi menggunakan padang tersebut semasa waktu kelas. Penjelasan daripada guru menyatakan bahawa pada peringkat awal, ia pernah membawa kanak-kanak ini bermain di padang tetapi tidak lagi atas sebab-sebab:-

- i) Ia mengambil masa untuk memastikan kanak-kanak ini beratur dan mengikut arahan semasa hendak ke padang.
- ii) Pernah satu ketika penghuni di tingkat atas membuang sampah dan hampir mengenai kanak-kanak ini.
- iii) Apabila di padang permainan, mereka akan bercampur dengan kanak-kanak lain. Maka apabila abang-abang atau adik-adik kanak-kanak ini bermain di padang pada waktu yang sama, kanak-kanak ini tidak lagi bercampur dengan rakan-rakan mereka sebaliknya bermain dengan abang atau adik mereka. Bahkan adakalanya, kanak-kanak ini akan ikut balik dan enggan untuk kembali ke kelas.

Atas alasan-alasan ini maka guru tidak lagi membawa mereka ke padang permainan. Sebaliknya guru mengadakan senaman di dalam kelas dengan mengatur permainan-permainan yang tidak memerlukan ruang yang banyak dan pergerakan yang berlebihan seperti permainan menjunjung buku atau Rumah Terbakar.

Dari segi susunan kelas, dibahagikan kepada sudut-sudut yang tertentu seperti Sudut Membaca, Sudut Pondok, Sudut Pra-hisab dan sebagainya. Ini dijelaskan di dalam gambarajah berikut.

Dari pada gambarajah 5, rangkaian kelas dapat dianggap.

Berlainan dengan Tabik A, Tabik B tidak mempunyai kerusi meja yang cukup untuk anak suriahan. Soori aktiviti paling banyak

		PAPAN KENYATAAN I			
		K E R U S I			
K	T E M A P A T	S U B U T	S P O N D O K		
A	T	S U D U T		ALMARI	III
K	P I N T U				
I		A K T I V I T I			
L	S M / U E M D M U B T C A S P I N T U		S P / M E E R E N D U M A L I N A N		
I	M E N U			MEJA	
T	N U U L			GURU	
		PAPAN KENYATAAN II			
		MEJA		MEJA	
A	T B E E M G P A T			P A B L E	
	K E R U S I	I	ALMARI		TENNIS
		II			

Daripada gambarajah, gambaran mengenai kelas dapat ditanggap. Berlainan dengan Tabika A, Tabika B tidak mempunyai kerusi meja yang cukup untuk anak muridnya. Sudut Aktiviti paling banyak sekali digunakan kerana ia merupakan satu ruang yang lapang. Semasa guru mengajar atau mengadakan kelas menyanyi kanak-kanak ini akan duduk di atas lantai yang beralaskan tikar. Di situ jugalah mereka menulis atau melukis dan di situ jugalah mereka bermain semasa Aktiviti Bebas atau semasa senaman. Di atas lantai itu jugalah mereka menjamu selera semasa waktu rehat.

Walaupun kelas Tabika B tidak mempunyai kelas petang (hanya kelas pagi sahaja) tetapi ia tetap berkongsi kelas tersebut kerana kelas Tabika B merupakan Dewan Orang Ramai yang mempunyai berbagai fungsi. Maka barang-barang di dalam kelas tersebut juga dibahagikan antara hak kelas Tabika dan hak Dewan Orang Ramai. Almari I dan III digunakan oleh Tabika B.

Almari I untuk mengisi barang-barang dapur seperti pinggan serta cawan-cawan plastik. Ada juga beberapa alat permainan disimpan di situ kerana almari II tidak mencukupi. Meja di bilik kecil itu digunakan oleh pembantu untuk menyediakan makanan kanak-kanak seperti ia menyusun pinggan-pinggan yang diisikan dengan bungkusan nasi lemak atau roti disapu jam supaya kanak-kanak ini akan dapat mengambilnya satu seorang dengan mudah. Di atas meja juga disusunkan bekas-bekas air minuman yang dibawa oleh kanak-kanak daripada rumah.

Kerusi dan meja table-tennis bukan kepunyaan Tabika ini. Ruang kecil digunakan untuk meletak beg-beg kanak-kanak ini.

Di papan kenyataan I merupakan Sudut Pra-sains dan Pra-hisab. Terdapat carta-carta tertentu bagi menjelaskan sudut-sudut berkenaan. Misalnya di Sudut Pra-hisab, terdapat nombor-nombor dari satu hingga 10 dan diikuti dengan gambar-gambar buah-buahan. Misalnya nombor 5 diikuti dengan gambar buah jambu sebanyak lima biji dan perkataan '5' dieja dibawahnya. Sudut Pra-sains pula diletakkan gambar-gambar haiwan dan tumbuh-tumbuhan disertakan dengan nama haiwan atau tumbuhan berkenaan.

Di papan kenyataan II adalah carta-carta mengenai pra-huruf iaitu dari A hingga Z. Di atas Sudut Membaca juga terdapat sebuah lagi papan kenyataan yang dipinkan dengan gambar Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri serta bendera Malaysia.

Carta-carta ini jarang sekali ditukar kerana daripada perbualan dengan guru, banyak carta yang telah hilang terutama sekali selepas pilihanraya. Bahkan gambar Perdana Menteri dan bendera Malaysia juga hilang dan ditukar beberapa kali. Maka kerana itu guru terpaksa mencari alternatif lain ketika mengajar.

Sudut Membaca juga diminati oleh kanak-kanak ini. Terdapat buku-buku kanak-kanak, buku-buku pra-sains mengenai binatang seperti gagak, burung, gajah juga tumbuh-tumbuhan dan buku-buku cerita yang mempunyai unsur-unsur moral di dalamnya.

Sudut Permainan digunakan untuk meletakkan permainan set seperti kawada set dan patong-patong kecil seperti patong askar. Di dalam almari III disimpan alat-alat permainan lain seperti piano, alat-alat memasak dan seterusnya.

Sudut Pondok menjadi tumpuan kanak-kanak. Ia digunakan oleh kanak-kanak dan dijadikan sebagai satu 'bahan' penting dalam permainan mereka. Bagi kanak-kanak lelaki, Sudut Pondok menjadi bas, kereta bomba dan berbagai lagi sementara bagi kanak-kanak perempuan ia menjadi rumah, bilik tidur dan dapur di dalam permainan mereka. Sudut Pondok ini merupakan sebuah kotak daripada kayu. Bahagian atasnya tidak bertutup dan kotak ini dibaringkan di atas bahagian tepinya supaya bahagian atas menjadi bahagian tepi. Ia dicatkan putih dan menjadi 'rebutan' kanak-kanak.

Sudut Membaca dan sudut permainan juga berfungsi sebagai Sudut Menulis. Pada Aktiviti Khas hanya lebih kurang 12 orang sahaja yang dapat duduk di Sudut Menulis untuk membuat kerja mereka. Sementara yang lain akan membuat kerja di atas lantai. Pada masa ini barang-barang permainan dan buku-buku akan disimpan di dalam almari.

Di kelas Tabika B, kanak-kanak ini dikehendaki menanggalkan kasut mereka. Kasut-kasut diletakkan oleh mereka sendiri di tempat yang telah dikhaskan. Terdapat juga selipar-selipar getah untuk kegunaan mereka ke tandas.

Semasa waktu rehat, kanak-kanak ini akan berbaris atau membuat bulatan yang besar dan duduk makan bersama-sama. Sebelum makan, mereka akan ke tandas dan begitu juga selepas makan.

Pada keseluruhannya, walaupun terdapat kekurangan dari segi persekitaran fizikal Tabika dan kelas tetapi Tabika B telah dapat menyesuaikan aktiviti dengan persekitarannya. Tidak dapat dinafikan bahawa ketiadaan padang permainan ataupun padang berhampiran dengan Tabika merugikan kanak-kanak kerana ini akan membataskan aktiviti yang lebih berfaedah.

c) Tabika C

Tabika ini terletak di kawasan perumahan rumah panjang. Ia terletak berhampiran dengan Bukit Putera Kampung Kerinci tetapi jauh daripada jalan utama. Ini mewujudkan masalah pengangkutan kepada guru-guru tetapi tidak kepada kanak-kanak. Ini disebabkan kanak-kanak ini tinggal di kawasan perumahan rumah panjang ini.

Sila rujuk gambarajah III di Bab 3 (m.s. 65) untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas.

Seperti juga Tabika B, Tabika C tidak mempunyai tempat sendiri. Kawasan yang ia duduki merupakan dua buah rumah panjang yang disewakan kepada mereka. Kawasan halamannya dipagari dengan pancang-pancang kayu yang dirintangi dengan kayu yang lebih panjang. Walaupun ia mempunyai pagar tetapi ia tidak dapat menjamin keselamatan kanak-kanak.

Disebabkan Tabika C tiada padang dan halaman tidak sampai 5 kaki (1.5 m), kanak-kanak ini tidak mempunyai tempat untuk bermain. Mereka tiba lebih awal daripada guru-guru. Pintu pagar dikunci dan mereka tidak dapat masuk ke kelas. Oleh itu mereka akan bermain di atas jalan di hadapan sekolah Tabika dan sekolah agama. Bagi yang lebih berani, mereka akan memanjat pagar kayu tadi untuk masuk ke halaman. Situasi seperti ini amat membahayakan kepada keselamatan kanak-kanak. Pernah pagar kayu patah kerana dipanjang oleh kanak-kanak ini, pertolongan daripada pihak-pihak berkenaan bagi kawasan perumahan ini amat sukar untuk diperolehi. Di hadapan Tabika terdapat sebuah longkang besar. Kemungkinan mereka jatuh ke dalam longkang semasa memanjat pagar tidak dapat diendahkan.


Kanak-kanak yang bermain di jalan ini kerap bermain di atas jalan besar di mana kadang-kadang kereta agak laju dipandu terutama oleh kontraktor-kontraktor di projek rumah pangsa. Walaupun guru telah meminta kerjasama penduduk-penduduk di kawasan tersebut supaya berhati-hati dan menggelakkan menggunakan jalan yang di hadapan kelas Tabika dan sekolah agama, tetapi masih ada juga yang tidak memberikan kerjasama.

Ringkasnya persekitaran fizikal Tabika ini tidak bersesuaian dengan kehendak kanak-kanak. Ia perlu diberi perhatian yang lebih untuk menjamin keselamatan kanak-kanak.

Dari segi susunan kelas yang dikaji, ia juga dibahagikan kepada beberapa sudut. Gambarajah berikut dapat menjelaskan gambaran kelas yang dikaji.

Gambarajah 6

Kelas Tabika C



Bahagian dapur Tabika 'dijaga' oleh pembantu guru. Ia akan pastikan bahawa bilik air dan tandas serta dapur adalah sentiasa bersih. Almari yang terdapat di dapur adalah untuk menyimpan barang-barang dapur seperti gula, garam, mee-hoon kering dan sebagainya. Segala pinggan, cawan, sudu, garpu dan periuk kuali diatur di rak pinggan mangkuk. Meja-meja yang terdapat digunakan untuk menyediakan barang-barang yang akan dimasak juga untuk menyusun pinggan-pinggan yang telah diisi dengan makanan supaya mudah diambil oleh kanak-kanak ini. Air minum juga disediakan oleh pembantu untuk kanak-kanak ini.

Tabika C tidak mempunyai kerusi meja untuk kanak-kanak ini. Setiap aktiviti yang dijalankan semuanya bertumpu di Sudut Aktiviti yang merupakan ruang kosong di tengah-tengah kelas. Walaupun terdapat sudut-sudut tertentu seperti di dalam gambarajah tetapi kanak-kanak ini lebih suka membawa permainan mereka ke bahagian lain. Sudut Aktiviti inilah paling kerap digunakan kerana di situ lah tempat bermain, belajar, makan juga berehat. Kelebihan Tabika C daripada kedua-dua buah Tabika yang dikaji ialah ia tidak berkongsi dengan mana-mana pertubuhan atau persatuan akan rumah sekolah tersebut. Kelas hanya dijalankan sebelah pagi sahaja.

Papan kenyataan yang terdapat dipinkan carta-carta tertentu. Papan kenyataan I mempunyai carta pra-nombor di mana gambar-gambar dipadankan dengan pantun dua rangkap misalnya gambar sebiji buah epal diikuti dengan angka 1, dua biji buah epal diikuti dengan

angka 2 seterusnya sehingga angka 4. Di bawahnya dituliskan pantun '1, 2, 3, 4; siapa cepat dia dapat'. Selain daripada itu terdapat carta bulan-bulan yang terdapat dalam setahun, carta tulisan jawi iaitu daripada 'I' hingga 'S' dan juga carta mengenai menjaga kesihatan diri.

Pada papan kenyataan II menunjukkan hari-hari dalam seminggu yang dieja dalam rumi dan jawi. Juga di sini dipinkan jadual waktu kelas untuk seminggu. Di papan kenyataan III terdapat tiga carta. Carta pertama menunjukkan gambar telefon, carta kedua menunjukkan perbezaan konsep-konsep seperti panjang/pendek, gemuk/kurus dan tinggi/rendah. Bagi carta-carta ini dilukiskan gambar-gambar berkenaan bagi menunjukkan perbezaan bagi meneguhkan tanggapan kanak-kanak. Pada carta ketiga dikhaskan untuk prahuruf di mana dituliskan abjad-abjad 'A' hingga 'Z'. Bahagian papan kenyataan III dikatakan sebagai Sudut Bahasa.

Di bahagian Sudut Kreatif/Bermain terdapat satu papan kenyataan dan sebuah kotak daripada kayu dicat hitam yang dijadikan sebagai meja. Bagi bahagian kreatif, ia melibatkan kerjatangan kanak-kanak seperti lukisan yang digantung di papan kenyataan. Sudut Bermain pula merupakan bahan-bahan permainan yang disusun di atas kotak. Antaranya ialah jig-saw puzzle, kawada set, anak patong dan berbagai lagi.

Di bahagian sudut sains dan muzik pula terdapat banyak gambarajah seperti ayam, gambar manusia yang menunjukkan anggota tubuh badan, gambar pokok tebu, gambar burung juga gambar buah-buahan yang menunjukkan bagaimana ia 'tersebar' dan membiak. Di atas kotak yang dijadikan sebagai meja, digunakan untuk membuat satu 'mini-zoo' yang mempunyai binatang-binatang seperti harimau, giraffa dan sebagainya. 'Mini-Zoo' ini juga dilengkapi dengan 'land-scape' yang dibuat daripada tanah liat, ia mempunyai sungai serta beberapa batang pokok. Di sebelah 'Mini-Zoo' ini ialah Sudut Muzik. Terdapat beberapa alat-alat muzik antaranya tamboren dan gendang.

Meja bongkah mempunyai berbagai-bagai bentuk saiz dan warna bongkah. Papan hijau digunakan ketika mengajar dan bermain. Di bawah daripada papan hijaunya ini terdapat banyak carta-carta yang digunting mengikut bentuk itik, buah pear, serta mengikut corak 'domino'. Di atas kad-kad ini dituliskan angka-angka 1 hingga 10 di atas kad berbentuk itik dan abjad di atas kad berbentuk buah pear.

Almari yang terdapat di dalam kelas digunakan bagi menyimpan alat-alat tulis seperti pensil warna, krayon juga buku-buku latihan kanak-kanak ini.

Seperti Tabika B, Tabika C juga mengajar kanak-kanak ini untuk menanggalkan kasut sebelum masuk ke kelas. Mereka dikehendaki meletakkan kasut di tempat yang telah disediakan di luar kelas.

Semasa waktu makan, mereka akan duduk di dalam satu bulatan yang besar. Sebelum daripada itu mereka diajarkan supaya membasuh tangan dan duduk dengan cara yang sopan.

Ringkasnya, persekitaran fizikal sekolah Tabika adalah tidak menggalakkan kepada keselamatan kanak-kanak. Walau bagaimanapun gurunya cuba menyesuaikan waktu aktiviti luar supaya ianya tidak terlalu panjang dan membahagikan mereka (kanak-kanak) kepada kumpulan-kumpulan yang lebih kecil. Permainan luar juga dilakukan supaya tidak memerlukan kepada pergerakan yang terlalu banyak.

Secara perbandingan antara ketiga-tiga Tabika, persekitaran fizikal kawasan Tabika A lebih menjamin kepada keselamatan dan kesempurnaan permainan kanak-kanak. Ini memandangkan ia juga mempunyai peralatan-peralatan permainan yang menggalakkan kepada perkembangan koordinasi anggota badan dan mewujudkan 'kecekapan' pada pertumbuhan otot-otot kanak-kanak. Ini berbeza dengan Tabika B dan Tabika C. Walaupun diadakan juga senaman-senaman yang diubahsuaikan dengan keadaan tetapi ia tidak membantu memperkembangkan penggunaan otot-otot yang sepenuhnya lantaran itu ia boleh mengakibatkan kepada kekurangan dari segi koordinasi pancaindera kanak-kanak.

4.4 Persekutaran Suasana Emosi Tabika

Suasana emosi yang bersahaja (relax) dan tidak mewujudkan keadaan-keadaan yang boleh membawa kepada ketegangan adalah perlu bagi pembelajaran kanak-kanak.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh mana-mana Tabika sekalipun selalunya bertujuan untuk membentuk dan menerapkan nilai-nilai yang baik pada pandangan masyarakat ke atas kanak-kanak ini.

Suasana emosi yang baik selalunya mewujudkan nilai-nilai antaranya melakukan kerja dengan sendiri, bermain dengan rakan-rakan, berkongsi alat-alat permainan, menghargai barang di persekitaran tanpa mengira barang itu kepunyaannya atau tidak dan belajar melalui kesilapan. Pembelajaran seperti ini dapat diperolehi melalui berbagai cara seperti menyanyi, bercerita, bermain alat muzik juga melalui pantun.

a) Tabika A

Suasana emosi kelas yang menggembirakan akan menentukan sama ada kanak-kanak itu akan beroleh pembelajaran yang 'sempurna' pada hari tersebut ataupun tidak.

Di Tabika A, kebolehan kanak-kanak ini untuk bermain dengan rakan sebaya bergantung kepada 'gang'. Walaupun mereka boleh berkongsi alat-alat permainan tetapi jika seorang lagi kanak-kanak yang bukan daripada 'gang' maka kemungkinan besar ia tidak akan dapat bermain bersama-sama. Misalnya, sekumpulan kanak-kanak perempuan dari bangsa yang sama bermain dengan anak-anak patong,

alat-alat 'dapur' serta alat-alat 'solek', tetapi seorang kanak-kanak perempuan lain dari bangsa berlainan ingin turut sama, maka ia tidak akan dihiraukan dan dibiarkan sahaja walaupun ia 'merayu' untuk dibenarkan bermain bersama.

Dari segi alat-alat tulis seperti pensil warna, setiap seorang kanak-kanak ini mempunyai set masing-masing. Maka jika seorang daripada mereka di meja yang sama tidak mempunyai warna yang dikehendakinya, ia tidak atau sukar untuk mendapatkannya daripada rakan semeja kecuali jika ada 'gang' di meja tersebut.

Pada waktu membaca, di mana kanak-kanak ini diberikan buku-buku bergambar untuk di 'baca', kadang-kadang akan mengakibatkan kepada pertengkaran. Ini kerana masing-masing mahu membaca buku yang sama. Penulis pernah mengalami keadaan ini dan mendapati bahawa kanak-kanak ini enggan untuk bertolak ansur. Hinggakan ada yang mengadu bahawa rakan-rakannya tidak lagi mahu 'berkawan' dengannya.

Kanak-kanak ini tidak mempunyai banyak peluang untuk melakukan kerja-kerja dengan sendiri. Kebanyakan daripada kerja mereka adalah 'latihan berpandu' iaitu dengan mengikut kepada apa yang diajar oleh guru. Dalam waktu kerjatangan apa yang diberikan oleh guru itulah yang dilakukan. Kawasan ruang kosong yang terdapat di dalam kelas tidak digunakan untuk sebarang aktiviti yang ingin dilakukan oleh kanak-kanak.

Yang nyata kanak-kanak ini takut untuk melakukan kesilapan dan akan sentiasa cuba menghabiskan kerja secepat mungkin kerana siapa yang cepat siap kerja akan dipuji oleh guru. Kanak-kanak yang lambat menghabiskan kerja akan digesa oleh guru supaya cepat menghabiskan kerja sehingga kadang-kadang kerja yang dihasilkan adalah tidak sempurna. Maka kanak-kanak tidak akan dapat belajar dengan 'sempurna' jika guru sentiasa mengerah dan dalam suasana yang seperti ini tidak mustahil ada di antara kanak-kanak ini yang tidak berani dengan guru sendiri.

Kanak-kanak di Tabika A tidak mempunyai alat-alat permainan seperti bongkah-bongkah atau alat-alat muzik. Menurut gurunya permainan seperti ini digunakan di peringkat nursery. Permainan mereka terhad kepada manik-manik, kawada set dan sebagainya. Ini bertentangan dengan apa yang dituliskan oleh guru bagi menyatakan jenis-jenis peralatan yang digunakan dalam aktiviti.

Maka kesimpulannya, ciri-ciri yang terdapat dalam ciri suasana emosi gagal diterapkan kepada kanak-kanak ini. Mungkin ada pendapat yang mengatakan perkara seperti ini sudah menjadi tabiat kanak-kanak. Tetapi ini satu pendapat yang tidak boleh dipandang ringan. Untuk membentuk kanak-kanak dengan sifat-sifat yang 'baik' adalah di peringkat umur pra-sekolah kerana mereka mudah menerima pembelajaran dan belum mengenal akan 'dunia luar'.

b) Tabika B

Di Tabika B terdapat berbagai sifat kanak-kanak, dari yang berkelakuan agresif hingga kepada yang pendiam. Ini tidak terdapat di Tabika A.

Bagi kanak-kanak ini mereka berpeluang untuk membuat kerja-kerja sendiri sewaktu Aktiviti Bebas. Pada masa ini kebanyakan daripada mereka akan berpecah kepada kumpulan masing-masing. Ada 4 kumpulan paling nyata iaitu kanak-kanak lelaki Melayu, kanak-kanak perempuan Melayu, kanak-kanak lelaki India dan kumpulan kanak-kanak Cina.

Mereka berupaya untuk bermain bersama-sama bahkan ada antara mereka yang berkebolehan untuk mengadakan permainan-permainan bercorak sosial. Maksudnya, kanak-kanak perempuan ini dapat mewujudkan satu kumpulan besar dan menjadi ketua dengan menggerakkan permainan mengikut kehendaknya. Seperti dalam permainan di mana ia menjadi 'guru' dan rakan-rakannya menjadi anak muridnya.

Tetapi selalunya permainan-permainan seperti ini menghadapi gangguan daripada sekumpulan pelajar lelaki. Tidak kira siapa sahaja, kumpulan ini akan merampas barang permainan seperti kawadaset atau patong-patong askar. Adakalanya mereka akan membalingkan barang permainan yang telah diambil ke arah rakan-rakan. Gangguan-gangguan seperti ini mengakibatkan perasaan marah di kalangan rakan-rakan yang lain tetapi selalunya mereka tidak berupaya untuk berbuat apa-apa kerana lagi ditegur dan dimarah akan menjadi lebih teruk

lagi perangai pelajar-pelajar ini.

Bagi kanak-kanak Cina mereka merupakan kumpulan yang paling pendiam sekali. Jarang sekali mereka turut bermain di dalam kumpulan-kumpulan lain. Kecuali kalau guru atau pembantu memujuk, barulah mereka akan ikut serta. Dari pemerhatian penulis, mereka akan hanya duduk dan melihat sahaja akan apa yang berlaku di persekitaran.

Alat-alat permainan digunakan sepenuhnya oleh kanak-kanak ini. Dalam penggunaan alat-alat permainan, mereka akan berkongsi seperti misalnya jika mereka bermain dengan anak patong. Maka akan terbentuk satu cerita di mana ada yang akan 'sibuk memasak di dapur', yang 'mengasuh anak' dan ada juga yang bermain piano. Tetapi apabila menggunakan alat-alat seperti kawada set, tidak wujud perkataan kongsi. Seperti yang dikatakan tadi, ada kanak-kanak yang akan merampas sahaja alat-alat tersebut ataupun jika kanak-kanak yang pada mulanya bermain telah jemu dan meninggalkan permainannya, maka ia akan diambil oleh kanak-kanak yang lain.

Dalam menjalankan Aktiviti Khas seperti mewarnakan gambar atau pra-huruf (tulisan) guru akan memberikan gred kepada kerja-kerja yang kemas dan 'cantik'. Ini merupakan satu galakkan kepada kanak-kanak di mana mereka akan begitu berhati-hati membuat kerja mereka. Kemusykilan yang timbul akan terus dirujuk kepada guru.

Ringkasnya di Tabika B nilai-nilai yang diharapkan daripada ciri suasana emosi tidak dapat dilihat wujud pada kesemua kanak-kanak ini. Sifat agresif setengah daripada kanak-kanak ini benar-benar menganggu perjalanan kelas dan juga suasana emosinya. Ini penulis akui kerana daripada pemerhatian didapati kanak-kanak lain mempunyai sikap pasif apabila berlaku 'gangguan' seperti ini dan tidak menunjukkan minat. Kelas tidak dapat berjalan dengan lancar apabila guru terpaksa berhenti seketika untuk menegur atau memarahi kanak-kanak tersebut.

c) Tabika C

Di Tabika ini suasana emosi bagi pembelajaran juga menjadi ciri penting dalam pembelajaran.

Bagi kanak-kanak di sini mereka juga berupaya untuk mewujudkan kumpulan-kumpulan permainan seperti di Tabika B. Bezanya di Tabika B punya satu kumpulan yang besar tetapi di Tabika ini ia merupakan kumpulan-kumpulan kecil antara 4 hingga 5 orang.

Kanak-kanak di Tabika C mempunyai banyak peluang untuk menjalankan kegiatan sendiri. Jika sekiranya mereka telah selesai dengan kerja yang diberikan, mereka akan terus pergi ke sudut-sudut tertentu dan mengambil permainan-permainan yang terdapat. Keadaan seperti ini tidak terdapat di Tabika A dan Tabika B. Di Tabika B selesai Aktiviti Khas sudah tiba masa untuk balik dan selalunya waktu yang diperuntukkan adalah cukup bagi mereka untuk menghabiskan kerja. Sementara di Tabika A, kanak-kanak yang habis kerja dengan cepat

akan pergi ke hadapan kelas dan bermain dengan guru sama ada menyanyi Nursery Rhymes atau mendengar cerita.

Permainan-permainan yang dimainkan oleh kanak-kanak Tabika C ini adalah pelbagai. Mereka berpeluang untuk melukis atau mengira di papan hitam, bermain dengan alat-alat genderang, jig-saw puzzle, lori-lori mainan yang kecil, bongkah-bongkah dan sebagainya. Jika mereka bermain dengan alat-alat muzik, mereka akan melakukan gerak-gerik mengikut irama muzik sambil menyanyi. Ini tidak terdapat di Tabika A ataupun Tabika B.

Paling ketara sekali, kanak-kanak di Tabika C merupakan yang paling berjaya diterapkan nilai-nilai di dalam ciri suasana emosi ini. Ini dibuktikan melalui pemerhatian penulis bagi ketiga-tiga Tabika.

Kanak-kanak di sini dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan tertentu di mana antara 9 hingga 10 orang berada dalam satu kumpulan. Tiap-tiap kumpulan mempunyai seorang ketua yang bertanggungjawab memastikan bahawa anggota kumpulannya tidak 'tersesat' ke kumpulan lain, juga dalam penggunaan alat-alat seperti pensil warna dan krayon. Satu kotak pensil warna atau krayon ini dikongsi oleh kesemua anggota kumpulan dan di dalam kumpulan ini wujud satu suasana 'harmoni' di mana mereka saling memberi pandangan tentang kerja rakan mereka dan mengenai penggunaan warna yang lebih bersesuaian dan seterusnya. Mereka akan menunggu hingga rakan mereka selesai menggunakan pensil warna yang dikehendaki. Ada

kalanya mereka akan membuat cerita-cerita daripada lukisan-lukisan yang sedang dibuat.

Hasil daripada perkongsian alat-alat tulis maka wujud sikap tanggungjawab terhadap barang-barang ini. Mereka akan cuba pastikan alat-alat tulis ini tidak hilang atau patah misalnya. Ini kerana kalau hilang atau patah, kesemua anggota kumpulan akan 'disoal' oleh guru.

Daripada kenyataan di atas, dapat dirumuskan bahawa Tabika C sedikit sebanyak telah berupaya menerapkan kesedaran kepada kanak-kanak terhadap tanggungjawab pada diri dan rakan-rakan sebaya. Yang perlu dipastikan ialah sama ada nilai-nilai ini dikekalkan selepas daripada waktu sekolah.

4.5 Persekutaran Hubungan Sosial Tabika

Tabika memberi peluang kepada kanak-kanak untuk berinteraksi dengan rakan sebaya dan orang-orang dewasa selain daripada anggota keluarganya. Antara nilai-nilai yang dapat diperolehi ialah kesedaran bahawa ia tidak 'istimewa' pada gurunya bahkan ia sama taraf dengan rakan-rakannya. Ia juga belajar untuk mempercayai orang lain dan merasa yakin dalam hubungannya dengan orang lain.

a) Tabika A

Di Tabika A, kanak-kanak ini mempunyai peluang yang lebih luas lagi untuk berinteraksi dengan orang luar. Oleh kerana di Tabika ini terdapat beberapa buah kelas, maka kanak-kanak di kelas K3 berpeluang mendapat kawan sepermainan yang sebaya daripada kelas-kelas lain. Ini terbukti ketika mereka bermain di padang permainan. Tetapi selalunya mereka tidak bercampur dengan kanak-kanak dari kelas nursery.

Selain daripada rakan sebaya, mereka juga berpeluang untuk berkenalan dengan guru-guru di Tabika A. Oleh kerana hampir kesemua kanak-kanak di kelas K3 pernah memasuki kelas nursery, maka mereka kenal akan guru-guru yang pernah mengajar mereka. Sering mereka memberikan ucapan 'Selamat Pagi' dan sebagainya kepada guru-guru ini. Kanak-kanak ini juga kenal akan Guru Besar mereka dan juga kerani di pejabat. Ini memandangkan kerani tersebut sentiasa berada di pejabat dari 8.30 pagi hingga kelas petang berakhir. Oleh itu mana-mana kanak-kanak dari kelas pagi yang pulang lewat akan duduk di dalam pejabat menunggu sesiapa yang sepatutnya membawanya pulang. Dari sini, wujud hubungan tidak langsung antara kerani ini dengan kanak-kanak di Tabika A.

Tidak setakat itu saja, ramai daripada kanak-kanak di kelas K3 dan kelas-kelas lain pulang dengan menaiki bas sekolah. Maka daripada sini mereka perlu mengenali pemandu bas dan juga bas sekolah yang datang mengambil mereka.

Maka daripada hubungan sosial seperti ini, mereka (kanak-kanak K3) belajar untuk mempercayai orang lain dan yakin bahawa orang-orang ini mempunyai tujuan yang baik.

Guru juga mempunyai peranan dalam menggalakkan kepada hubungan sosial antara kanak-kanak ini. Guru di kelas K3 cuba sedayanya untuk mengurangkan perasaan rendah diri antara kanak-kanak ini. Ia cuba berlaku adil dalam memberikan perhatian kepada kanak-kanak ini begitu juga ketika mengenakan dendaan. Wujudnya hubungan yang baik antara guru dan anak murid dilihat melalui tindaklaku seorang daripada kanak-kanak di kelas K3. Setiap pagi apabila tiba ke sekolah, orang pertama yang akan dicarinya ialah gurunya. Ia akan memberi hadiah-hadiah kepada gurunya seperti makanan misalnya 'Twisties' atau 'Zip'. Kadang-kadang ia memberi sebatang pensil atau getah pemadam. Walaupun telah berkali-kali diberitahu oleh gurunya, bahawa ia tidak perlu membawa hadiah tetapi sebagai kanak-kanak ia tidak faham akan tindakan gurunya. Oleh kerana itu ia masih terus juga membawa hadiah-hadiah ini walaupun bukannya setiap hari.

Hubungan dan pergaulan kanak-kanak ini antara sesama mereka memungkinkan mereka dapat mengenali antara satu sama lain dan belajar bersama-sama. Tidak ada antara mereka yang menjadi teacher's pet atau sebagainya. Walaupun ada berbagai kaum di dalam kelas ini, tetapi sukar untuk dilihat sama ada mereka sedar akan hakikat ini atau tidak. Mungkin sekali kerana latarbelakang juga pendidikan

awal di peringkat nursery banyak mempengaruhi sikap mereka.

b) Tabika B

Berbanding dengan Tabika A, kanak-kanak di Tabika B mengenali hanya rakan sebaya di dalam kelas mereka sahaja. Tetapi kemungkinan selepas waktu sekolah berlaku interaksi dengan kanak-kanak lain, tidak dapat dinafikan.

Bagi kanak-kanak ini mereka mengenali satu sama lain hanya setahun semasa di dalam kelas Tabika kecuali yang memasuki kelas pada umur 5 tahun. Dengan kumpulan inilah mereka bermain dan belajar, tidak ada percampuran dengan kelas-kelas Tabika lain di kawasan rumah pangsa tersebut walaupun dalam aktiviti-aktiviti luar kelas. Ini memandangkan tiadanya satu tempat yang bersesuaian bagi mengumpulkan kesemuanya sekali.

Interaksi dengan orang dewasa pada waktu sekolah adalah tiada sama sekali. Kanak-kanak ini hanya berjumpa dengan guru dan pembantu sahaja. Jika adapun pelawat-pelawat yang datang, sukar untuk mengetahui sama ada mereka diperkenalkan atau tidak. Dari pengalaman penulis, penulis tidak diperkenalkan kepada kelas sama ada sebagai pembantu guru ataupun sebagai pelawat. Ini berbeda dengan keadaan di Tabika A dan Tabika C. Wujudnya kekeliruan bagi kanak-kanak di kelas ini akan 'status' penulis di dalam kelas tersebut.

Jika keadaan seperti ini berlaku pada masa-masa yang lepas dan akan datang, maka guru tidak membantu kanak-kanak ini dalam meluaskan pengalaman bergaul dan tatatertib ketika adanya kehadiran orang luar. Keadaan ini membawa kepada sikap was-was dan tidak percaya pada kehadiran orang luar juga apakah sepatutnya tatatertib yang ditunjukkan ketika berjumpa dengan orang luar.

c) Tabika C

Bagi kanak-kanak di Tabika C, seperti juga di Tabika B, kemungkinan berlaku interaksi semasa di luar waktu sekolah tidak dinafikan. Dalam keadaan yang sama dengan Tabika B, kanak-kanak ini juga tidak mempunyai peluang yang banyak untuk berjumpa dengan orang luar kecuali penyelia Tabika C.

Kanak-kanak di kelas ini mengenali sesama sendiri semasa menghadiri kelas dan bagi yang berusia 4 tahun dan 5 tahun bererti mereka akan berada di dalam kelas tersebut lebih lama lagi. Hanya ada dua buah kelas sahaja di mana kanak-kanak antara kedua-dua kelas ini berpeluang untuk bermain bersama sebelum dan selepas waktu kelas. Begitu juga semasa waktu senaman, kedua-dua kelas ini akan bergabung mengakibatkan jalan yang kecil itu penuh sesak dengan kanak-kanak ini. Ada juga pada masa Aktiviti Bebas di dalam kelas, kelas yang dikaji mengadakan permainan menyanyi beramai-ramai, terdapat seorang dua kanak-kanak daripada kelas sebelah akan turut sama. Ini tidak mustahil untuk berlaku kerana kelas adalah bersebelahan dan sesiapa saja boleh keluar masuk dengan

mudah sahaja.

Kanak-kanak di Tabika C dilatih supaya berkelakuan 'baik' apabila ada pelawat. Ini terbukti dengan kehadiran penulis di sana di mana mereka diingatkan oleh guru supaya bertingkah laku sopan. Mungkin pada hari pertama itu, mereka begitu 'sedar' sekali akan kehadiran penulis tetapi selepas dari hari itu tidak lagi kerana penulis sama-sama ikut membantu di dalam aktiviti mereka.

Tetapi kemungkinan juga hubungan sosial kanak-kanak ini tidak seluas mana. Ini dilihat semasa kehadiran beberapa orang jururawat gigi dari Kementerian Kesihatan ke kelas ini. Oleh kerana kedatangan mereka terlewat seminggu, maka gurunya tidak yakin mereka akan datang untuk penggal kedua ini. Jadi kelas tidak bersedia untuk 'menerima kehadiran' mereka. Ini mewujudkan perasaan cemas dan ada seorang daripada kanak-kanak ini yang terus lari pulang ke rumah dan seorang lagi menyorok di bawah meja di dapur.

Maka hubungan sosial kanak-kanak ini sebenarnya adalah sama dengan di Tabika A. Tatatertib ketika berjumpa dengan orang luar, juga memperkenalkan seseorang luar kepada kelas dapat mewujudkan perasaan ingin tahu dan bukannya syak atau menjauhkan diri apabila disoal oleh orang luar. Ini menyekat perasaan ingin tahu dan terbawa ke peringkat lebih lanjut lagi.

4.6 (i) Pengalaman Kanak-kanak

Kanak-kanak perlu didedahkan kepada hubungan yang maujud untuk menjadi asas kepada pembelajaran mereka. Maka kerana itu pelajaran di dalam kelas sahaja tidak memadai.

a) Tabika A

Antara aktiviti luar di Tabika A ialah Nature Study dan Lawatan. Sejauh mana kerapnya Nature Study ini dilakukan, penulis kurang pasti. Yang penulis dapati, ianya banyak disisipkan ke dalam aktiviti-aktiviti dalam kelas seperti semasa pra-sains atau Reading yang mempunyai kaitan dengan Nature.

Daripada perbualan dengan guru, kanak-kanak ini pernah dibawa ke Taman Bunga. Tidak banyak yang dilakukan kecuali melihat bangunan Muzium, tasik dan kemudiannya mereka akan berehat sambil bermain.

c) Tabika E

Walaupun tidak banyak aktiviti semasa lawatan, tetapi apabila melihat Muzium dan mengetahui apakah fungsinya sudah memadai untuk mereka mempunyai satu tanggapan mengenai Muzium.

Pengalaman-pengalaman seperti ini membantu kanak-kanak meluaskan kefahamannya mengenai persekitarannya.

b) Tabika B

Walaupun Tabika B tidak melakukan lawatan ke tempat-tempat seperti Zoo dan sebagainya tetapi mereka mengadakan aktiviti luar yang bersangkutan dan mempunyai tujuan yang sama.

Mengikut daripada gurunya, apabila kelas menghadapi matapelajaran pra-sains, penerangan akan diberikan oleh guru mengenai matapelajaran tersebut misalnya mengenai pokok. Selepas itu kelas dipecahkan kepada dua kumpulan dan dibawa keluar daripada kelas secara bergilir untuk melihat pokok-pokok yang terdapat di persekitaran, jenis-jenisnya sama ada pokok bunga atau tidak dan sebagainya. Keesokan harinya, mereka akan membincangkan mengenai 'pokok' dan apa yang dilihat semasa aktiviti tersebut. Cara yang sama juga dilakukan apabila mengajar mengenai keselamatan misalnya cara melintas jalan, tugas polis trafik, bomba dan sebagainya.

Dengan cara ini kanak-kanak belajar lebih lagi daripada semasa di kelas kerana terdapat beberapa perkara yang sukar untuk diterangkan tetapi perlu kepada penyaksian sendiri.

c) Tabika C

Seperti juga kedua Tabika yang awal, Tabika C mengadakan lawatan ke luar seperti ke Lapangan Terbang Antarabangsa. Atas alasan yang sama dengan yang awal tadi kanak-kanak ini tidak sahaja dapat mengkonsepsikan Lapangan Terbang tetapi juga melihat sendiri kapal terbang mendarat dan terbang dan sebagainya. Semua ini merupakan pengalaman-pengalaman yang penting bagi meneguhkan tanggapan mengenai sesuatu konsep.

Paling menarik sekali ialah pengalaman kanak-kanak ini dengan jururawat gigi seperti yang telah disebutkan awal tadi. Kanak-kanak ini diberi penerangan mengenai cara-cara menggosok gigi dan waktu-waktu untuk menggosok gigi. Tidak setakat itu sahaja, mereka kemudiannya melakukan demonstrasi beramai-ramai bagaimana menggosok gigi selepas waktu rehat. Ini bererti selepas makan mereka menggosok gigi dan setiap seorang diberikan sebatang berus gigi. Selepas daripada hari itu, setiap kali selepas makan mereka akan terus mengambil berus gigi masing-masing untuk memberus gigi.

Ini merupakan satu contoh bagaimana perlunya pengalaman yang maujud untuk meneguhkan tanggapan kanak-kanak ini.

4.6 (ii) Perolehan Bahasa

a) Tabika A

Peluang untuk berinteraksi dengan orang luar memberi kesempatan bagi kanak-kanak ini untuk menguasai bahasa dengan cepat. Kanak-kanak di Tabika A setiap pagi berpeluang mendengar Guru Besarnya berucap, memberi kata-kata nasihat dalam bahasa Inggeris. (Kesemua kanak-kanak di sini berbahasa Inggeris.) Tetapi adakalanya apabila sesama kumpulan sendiri, mereka akan bercakap dalam bahasa Cina atau bahasa Malaysia dan sebagainya.

Memandangkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan, maka adalah ganjil sekolah ini tidak menekankan kepada bahasa tersebut. Mereka sukar untuk 'berfikir' di dalam bahasa Malaysia dan ini jelas semasa waktu belajar misalnya mereka tidak pasti sama ada 'Red' itu 'merah' atau tidak.

Minat kanak-kanak ini terhadap gambar tidak menggalakkan. Pengalaman penulis bersama mereka menunjukkan bahawa mereka tidak dapat 'berfikir' dengan gambar. Gambar tidak mempunyai erti bagi mereka walaupun gambar tersebut telah kerap dilihat dan ia adalah gambar seekor anjing dengan seorang budak lelaki. Begitu juga ketika perbualan pagi, guru akan menunjukkan gambar kereta bomba dan menerangkan fungsinya. Tetapi bila ditanya kembali mereka hanya memberikan 'pandangan yang kosong' sahaja.

Jelas kanak-kanak Tabika A tidak mendapat faedah daripada aktiviti-aktiviti yang dilakukan bagi meluaskan perolehan bahasa mereka.

b) Tabika B

Perolehan bahasa yang standard bagi kanak-kanak ini sukar dicapai kerana mereka banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur di luar daripada bilik darjah. Perbualan dengan guru merupakan satu cara bagi mereka untuk mendengar penggunaan bahasa yang standard.

Perbualan-perbualan yang menyentuh tentang hari-hari kebesaran di Malaysia, musim-musim tertentu seperti musim buah, musim hujan dan musim perkahwinan merupakan rangsangan kepada kanak-kanak untuk melihat gambar-gambar di dalam buku. Mereka boleh mengenali gambar yang terdapat di dalam buku tersebut. Pengalaman penulis menunjukkan bahawa dengan mengemukakan soalan-soalan berkaitan dengan gambar berkenaan menunjukkan sejauh mana kefahaman kanak-kanak ini mengenai gambar tersebut. Kadang-kadang terbawa kepada perkara-perkara lain seperti kampung, kereta dan sebagainya. Ini tidak didapati di kalangan kanak-kanak di Tabika A. Mereka begitu berat mulut untuk bercerita dan berkongsi idea dan pengalaman mereka.

c) Tabika C

Kanak-kanak di Tabika C mengalami keadaan yang sama dengan Tabika B. Mereka dipengaruhi oleh unsur-unsur luar, maka bahasa mereka lebih merupakan bahasa 'harian' dan tidaklah bahasa standard.

Tetapi kanak-kanak ini menunjukkan minat terhadap buku dan gambar-gambar kerana pembantu guru kerap menceritakan cerita-cerita daripada buku-buku ini. Pengalaman penulis juga menunjukkan bahawa tidak perlu dikemukakan soalan mengenai gambar-gambar kerana kanak-kanak ini begitu ghairah sekali untuk menceritakannya kepada penulis. Walaupun gambarnya sama tetapi cerita mereka berbeda-beda berdasarkan kepada apa yang ditanggapkan oleh mereka daripada gambar.

Daripada sini, perolehan bahasa terutama sekali perbendaharaan kata mereka dapat diperkembangkan lagi. Mereka berkebolehan untuk mengumpulkan maklumat dan kemudiannya menceritakan apa yang telah diperolehinya.

Kesimpulan

Maklumat-maklumat yang diberikan tadi apabila dibandingkan menunjukkan bahawa faktor persekitaran fizikal, emosi, hubungan sosial dan lain-lain lagi mempunyai kesan ke atas pembelajaran kanak-kanak.

Ciri-ciri ini sukar untuk dipisahkan kerana ia wujud kesan daripada keseluruhan faktor. Maka apabila persekitaran fizikal kelas yang lengkap dengan kawalan keselamatan serta peralatan untuk permainan, maka kanak-kanak dapat bermain bersama-sama. Daripada sini wujud, semangat untuk belajar dan bermain kerana telah mengenali rakan-rakan masing-masing. Ia juga amat membantu bagi melicinkan perjalanan kelas. Apabila sebahagian daripada tenaga kanak-kanak dilepaskan di padang permainan, pelajaran dapat diikuti dengan baik dan mereka lebih bersedia untuk belajar.

Kanak-kanak perlu diberi peluang yang lebih untuk melakukan aktiviti sendiri semasa di dalam kelas. Guru tidak perlu tetapkan apa yang harus dibuat oleh mereka kerana kehendak guru tidak sama dengan anak muridnya. Peluang untuk mengeluarkan ide melalui lukisan dan kerjatangan lain membantu menyuburkan lagi kreativiti kanak-kanak ini. Menyanyi solo tidak mencukupi untuk menggalakkan kepada sifat ini kerana senikata lagu yang dinyanyikan tidak difahami oleh kanak-kanak ini.

ia membataskan ide kanak-kanak.

5.1 ~~Perkembangan~~ Bagi kanak-kanak yang mendapat galakan dan rangsangan daripada persekitarannya, ia dapat mencipta senikata yang mudah dan biasa didengarinya seperti

'Selamat pagi sayang,
Kita pergi ke sekolah,
Belajar dan bermain,
Bersama guru dan kawan-kawan.'

Ini merupakan kata-kata yang sering diucapkan oleh ibubapa dan guru tetapi perkembangan ide ini tidak mendapat galakan sewajarnya kerana kekurangan-kekurangan yang wujud pada persekitaran Tabika dan kelas.

Bahagian 5.5 - ~~Amalan membaca dan tulis secara formal~~

Bahagian 5.6 - ~~Amalan membaca dan tulis guru~~

5.2 ~~Rangkaian Anggaran Pengajaran dan Pembelajaran Formal, Kekinian dan Objektif~~

Rangkaian anggaran pengajaran yang mudah. Rangkaian yang berlaku dalam kesanannya perlu bermaklumat dan sederhana kerana setiap perbuatan, tindakan dan percutian akan menjadilah suatu kenangan. Maka beranda pelajaran orang-orang anak-anak secara formal pada di sekolah atau pusat perpaduan asas sekolah mesti perlu untuk mendidik dan mereka kepada perkembangan yang selaras dengan yang mereka alami semasa tinggal bersama.

Rangkaian objektif yang dibincangkan adalah bah ini salah satu kurikulum, kawalan, proses dan refleksi dan guru.

BAB 5

PENDEKATAN: AMALAN MENGAJUH SECARA FORMAL TABIKA

5.1 Pengenalan Bab

Bab ini selanjutnya akan membincangkan pula pendekatan kedua dalam kajian ini iaitu aspek amalan mengasuh secara formal. Ini bererti penekanan diberikan kepada faktor sekolah dan guru.

Bahagian 5.2 - Ringkasan mengenai amalan mengasuh secara formal, ciri-ciri dan objektifnya.

Bahagian 5.3 - Amalan mengasuh melalui kurikulum.

Bahagian 5.4 - Amalan mengasuh melalui kawalan.

Bahagian 5.5 - Amalan mengasuh melalui proses sosialisasi.

Bahagian 5.6 - Amalan mengasuh oleh guru.

5.2 Ringkasan Amalan Mengasuh Secara Formal, Ciri-ciri dan Objektif

Mengasuh anak-anak bukan perkara yang mudah. Setiap yang terlibat dalam pengasuhan perlu berhati-hati dan sabar kerana setiap perbuatan, tingkah laku dan pertuturan akan menjadi ikutan kanak-kanak. Maka kerana itulah mengasuh anak-anak secara formal iaitu di sekolah atau pusat asuhan kanak-kanak misalnya perlu untuk mendedahkan mereka kepada persekitaran yang berlainan dengan yang terdapat di tempat tinggal mereka.

Antara ciri-ciri yang dibincangkan melalui bab ini ialah ciri kurikulum, kawalan, proses sosialisasi dan guru.

Objektif menggunakan amalan mengasuh:-

- i) Kanak-kanak ini datang daripada latarbelakang yang berbeza, tidak saja dari segi bangsa, agama tetapi juga dari segi tempat tinggal dan kedudukan status keluarga. Maka penulis hendak melihat sejauhmana perbedaan latarbelakang ini mempunyai kesan ke atas asuhan formal kanak-kanak.
- ii) Adakah kurikulum berjaya mengasuh kanak-kanak ini seperti yang diharapkan oleh pihak yang berkenaan.
- iii) Sejauhmana amalan asuhan formal ini membantu membentuk peribadi kanak-kanak.

5.3 Amalan Mengasuh Melalui Kurikulum

Untuk bahagian ini sahaja terdapat 7 pembahagian kecil. Bagi setiap bahagian kecil ini penulis akan berikan contoh-contoh supaya dapat dilihat sama ada apa yang diharapkan oleh kurikulum dapat dilihat di Tabika-tabika yang dikaji.

i) Pendidikan Agama/Perkembangan Moral

A) Pendidikan Agama Iaitu Agama Islam

Ianya bertujuan supaya kanak-kanak mengamalkan ajaran Islam sebagai cara hidup Islam.

a) Tabika A

Pendidikan agama Islam tidak diajarkan di Tabika ini, begitu juga mengenai agama-agama lain. Sebaliknya sebagai alternatif, perkembangan moral dijadikan sebagai matapelajaran yang diajar.

b) Tabika B

Walaupun tidak terdapat di dalam jadual mengenai pendidikan agama Islam tetapi kanak-kanak ini diajarkan juga tatatertib yang dituntut oleh Islam dalam perbuatan mereka. Pendidikan yang diberikan tidak dihadkan kepada pelajar-pelajar beragama Islam bahkan meliputi kesemua kanak-kanak di dalam kelas.

Kalau dilihat daripada kurikulum pendidikan Islam serta objektifnya, apa yang dilakukan di Tabika B hanya sedikit sahaja. Misalnya, pada waktu pagi semasa perbarisan dan waktu selepas sekolah semasa perbarisan, kanak-kanak ini akan beratur dan bersalaman dengan guru mereka. Ini merupakan satu tabiat yang baik.

Begitu juga sebelum makan, mereka akan membaca doa sambil menadah tangan. Pada kebiasaannya, guru akan membaca dan kemudian diikuti oleh anak muridnya. Tetapi kerana mereka telah lancar, adakalanya mereka sahaja yang membaca doa tersebut. Bahkan kadang-kadang seorang

kanak-kanak bukan Islam akan dengan lantangnya membaca doa tersebut terdahulu daripada orang lain.

Selain daripada itu, tidak terdapat sebarang kegiatan lain bagi mengukuhkan lagi kefahaman kanak-kanak ini mengenai ajaran Islam.

c) Tabika C

Satu ciri yang membezakan Tabika ini daripada yang dua lagi tadi ialah kesemua kanak-kanaknya beragama Islam. Maka pendidikan Islam menjadi penekanan di dalam aktiviti seperti menyanyi, menulis juga ketika melakukan kerja-kerja yang dibuat.

Penerapan pendidikan Islam dilakukan melalui perbualan. Misalnya mengenai kebesaran Allah sebagai pencipta alam semesta, bagaimana bertingkahlaku ketika di rumah atau di mana sahaja seperti bersalaman dengan orang-orang yang ditemui tidak kira tua atau muda dan juga melafazkan perkataan-perkataan Allah dan seterusnya.

Menyanyi merupakan aktiviti yang paling digemari oleh kanak-kanak ini. Boleh dikatakan selesai sahaja kerja mereka, ada sahaja kanak-kanak yang akan mengambil alat-alat muzik dan bernyanyi. Nyanyian mereka tidak sahaja setakat untuk berhibur tetapi juga mempunyai unsur-unsur keagamaan. Misalnya, pada kebiasaan lirik lagu

'Tanya Sama Kawan?' adalah seperti:-

'Tanya sama pokok
Apa sebab goyang
Nanti jawab pokok
Angin yang goncang'.

Tetapi ianya telah ditukarkan untuk disesuaikan dengan objektif pendidikan Islam. Maka didapati liriknya berubah kepada:-

'Tanya sama kawan
Siapa jadikan bulan
Nanti jawab kawan
Tuhan jadikan'.

Selalunya selepas menyanyi rangkap seperti ini, gurunya akan bertanya soalan seperti 'siapa jadikan bulan atau matahari atau bumi?' dan seterusnya. Oleh itu dari sini kesedaran bahawa Allah merupakan pencipta dan pengatur alam semesta diterapkan ke dalam jiwa kanak-kanak ini.

Pada waktu pagi semasa perbarisan, kanak-kanak ini akan memberi salam serta ucapan selamat pagi kepada guru, pembantu guru dan juga rakan-rakan mereka secara beramai-ramai. Begitu juga semasa balik di mana mereka akan bersalaman sambil mencium tangan guru dan pembantu.

Semasa waktu malam, mereka juga akan membaca doa di mana gurunya akan memanggil seorang kanak-kanak untuk membaca. Yang lain akan mengikut dengan tertib. Ini berbeza dengan Tabika B dan doa yang dibaca adalah di

dalam bahasa Arab. Di Tabika C ianya didahului oleh surah Al-Fatihah. Selepas selesai doa mereka akan mempersilakan guru, pembantu serta rakan-rakan yang lain untuk sama-sama makan.

B) Perkembangan Moral

Ia perlu kerana kanak-kanak sentiasa terdedah kepada unsur-unsur luaran dari persekitarannya. Ia perlu dididik supaya kanak-kanak dapat mengenal baik dan buruk sesuatu tindakan dan kesan daripada perbuatannya.

a) Tabika A

Perkembangan moral seperti dinyatakan awal tadi dijadikan matapelajaran yang diajarkan di Tabika ini. Setiap pagi diadakan Moral Studies dan pada hari Jumaat dikhaskan satu waktu untuk Hygiene/Ethics.

Selalunya guru akan mengadakan perbualan-perbualan seperti mementingkan kebersihan. Gurunya akan menceritakan bagaimana kebersihan fizikal boleh membantu seseorang untuk mencapai kebersihan mental dengan memberi contoh-contoh. Penerangan yang diberikan adalah mudah di mana ia menggalakkan mereka untuk membuang sampah di tempat yang disediakan, sentiasa kemas dan bersih dari segi pakaian, sentiasa membasuh tangan sebelum dan selepas makan dan seterusnya. Daripada sini, seseorang itu

tidak akan mendapat penyakit dan ia sentiasa sihat dan dapat belajar dengan tenang.

Gurunya juga memberi penerangan mengenai belas kasihan pada orang-orang tua dan sebagainya. Semua ini hanya dapat dituturkan dan mungkin juga dapat dilakukan di peringkat sekolah. Tetapi yang penting ialah di tahap the feeling level seperti mengikut pendapat Huey.

Tahap the feeling level ini tidak dapat diajarkan tetapi ia datang dengan sendiri melalui 'tekanan' (pressures) dalam bentuk perbualan dan perbuatan yang diharapkan. Misalnya, selepas waktu senaman, kanak-kanak ini akan pergi untuk rehat. Oleh kerana semasa senaman mereka membuka kasut dan setokin mengikut arahan guru, maka ada di antara mereka yang tidak tahu atau lambat memasangnya. Penulis hanya memerhatikan sahaja sekumpulan tiga orang kanak-kanak lelaki yang 'membantu' rakan mereka memakai kasut. Masing-masing tidak tahu bagaimana hendak mengikat tali kasut, tetapi mereka mengikatnya juga mengikut cara mereka. Sedangkan guru dan rakan-rakan yang lain telah beredar dari padang.

Sikap seperti ini tidak boleh 'diajarkan'.

Walaupun melalui perbualan ia dapat diceritakan tetapi ia tidak boleh dipaksa ke atas sesiapa juga. Ia perlu 'datang' atas rasa timbang rasa dan simpati terhadap orang lain.

Selain daripada itu, gurunya juga menekankan bahawa manusia mestilah bersedia untuk memaafkan orang lain.

Sebagai kanak-kanak terutama sekali lelaki, perkelahian dan perselisihan adalah perkara biasa. Apabila ini diketahui oleh guru, ia akan memanggil kanak-kanak yang terlibat dan taakul dengan mereka. Hinggakan satu pihak akan bersedia memaafkan dan berjabat tangan dengan pihak yang satu lagi.

Kanak-kanak ini juga diajar akan tatatertib ketika berjumpa dengan orang luar atau guru dan rakan-rakan.

Bagi kanak-kanak perempuan mereka dikehendaki 'curtsy' dan kanak-kanak lelaki tunduk (bow) sambil memberi ucapan selamat pagi dan sebagainya.

Penekanan-penekanan seperti ini perlu bagi membiasakan kanak-kanak dengan tabiat yang baik serta mewujudkan persefahaman untuk mereka belajar dan bermain bersama-sama.

b) Tabika B

Perkembangan moral seperti juga pendidikan Islam dilakukan secara perbualan. Namun begitu oleh kerana pendidikan Islam merangkumi juga moral maka ia tidak diberikan penekanan yang lebih.

Gurunya selalu mengingatkan mereka mengenai kebersihan fizikal dan sentiasa mengingatkan mereka supaya pakaian seragam dipakai dengan kemas, kuku dipotong pendek, membuang sampah di tempat yang disediakan.

Gurunya juga menggalakkan kepada perkembangan sikap bersih dari segi mental seperti menunggu giliran. Ini dilakukannya setiap hari ketika hendak mengambil makanan dan minuman, ketika ke tandas dan sebagainya. Kanak-kanak ini akan beratur dan gurunya akan memanggil nama-nama mereka. Yang lain akan menunggu giliran nama mereka dipanggil. Jika ini tidak dilakukan, maka kesemua mereka akan pergi sekaligus sama ada ke tandas atau mengambil makanan dan minuman.

Kanak-kanak ini mempunyai sifat suka menolong kawan-kawan. Daripada pengalaman penulis, didapati mereka akan membantu mengasah pensil kawan mereka, menolong memadamkan kerjanya yang tersalah buat dan sebagainya.

Takagi berkenan dengan yang seorang lagi "Allah turut"

ini buang dalam perkembangan kognitif dan juga

Sifat-sifat yang ingin ditonjolkan oleh perkembangan moral dan pendidikan Islam mengarah kepada matlamat hidup yang berdisiplin dan harmoni. Pembelajaran di kelas tidak mencukupi jika 'perasaan' itu sendiri tidak ada kerana belajar tetapi tidak dapat memasukkan pembelajaran ke jiwa kanak-kanak tidak ada faedahnya.

c) Tabika C

Oleh kerana penekanannya kepada pendidikan Islam maka perkembangan moral tidak begitu ditekankan.

Melalui perbualan dengan kelas guru menekankan mengenai kebersihan fizikal dan mental, mempunyai perasaan timbang rasa dan sebagainya.

Di dalam kelas ini terdapat dua orang kanak-kanak yang berusia 4 tahun. Seorang daripada mereka tidak banyak bercakap seperti yang seorang lagi. Sifat mereka begitu berbeza sekali. Kesan kehadiran kanak-kanak yang pendiam ini di dalam kelas ialah hampir setiap kanak-kanak perempuan begitu bersedia sekali dan mengambil berat akan dirinya. Mereka menggelarnya 'Adik Suraya'.

Dalam setiap aktiviti, mereka melibatkannya dan ada sahaja antara mereka yang akan membantunya dengan memberikan pensil warna yang digunakan atau mengajarnya.

Tetapi berbeda dengan yang seorang lagi 'Adik Suraya' ini lambat dalam perkembangan kognitif dan juga

perkembangan otot-ototnya. Ia masih tidak mampu lagi untuk memegang pensil. Tetapi setiap pagi, ia adalah antara yang awal sekali tiba di sekolah.

Sifat berbudi seperti ini boleh digalakkan tetapi tidak boleh dipaksa. Ini kerana kanak-kanak perlu memahami bahawa keikhlasan itu lebih penting daripada segalanya kerana jika pertolongan diberikan hanya untuk mendapatkan pujian maka gagallah objektif perkembangan moral dan pendidikan Islam.

ii) Perkembangan Pendidikan Ketatanegaraan

Pendidikan ini bertujuan memberi pendidikan asas yang sesuai kepada pembentukan peribadi dan perwatakan yang sempurna.

a) Tabika A

Aktiviti di Tabika ini banyak yang mengaruh kepada pendidikan ketatanegaraan. Kecuali nyanyian Negara Ku pada pagi hari Isnin, tidak terdapat aktiviti lain yang menggalakkan ke arah mencintai tanahair. Bendera Malaysia dinaikkan semasa menyanyikan lagu Kebangsaan selepas itu ia diturunkan semula.

Tidak terdapat aktiviti seperti mewarnakan bendera Malaysia, mengumpul atau menampal gambar-gambar Raja ataupun Perdana Menteri bahkan tidak ada topik di dalam perbualan pagi yang menyentuh tentang berbagai-bagai hari perayaan di Malaysia. Perkara-perkara seperti ini taken for granted

akan diketahui sendiri oleh kanak-kanak.

Hanya yang ada ialah perbualan mengenai peraturan jalanraya dan sikap bertanggungjawab seperti tidak membuang sampah merata-rata dan sebagainya. Di kalangan kanak-kanak lelaki di Tabika ini mereka bercampur sesama mereka ketika bermain iaitu di dalam gang masing-masing. Tetapi sikap bercampur ini tidak terdapat pada kanak-kanak perempuan yang berkelompok mengikut bangsa sendiri.

Walaupun apabila di sekolah nanti, pendidikan ketatanegaraan bukan matapelajaran peperiksaan namun begitu ia penting bagi melahirkan kanak-kanak yang tahu wujudnya berbagai bangsa di negara ini. Mereka perlu merasa bangga kerana negara mereka kaya dengan berbagai budaya. Kesan pendidikan ini adalah dalam jangka panjang kerana itu ia perlu dimulakan dari masa mereka di Tabika lagi.

b) Tabika B

Aktiviti di Tabika ini yang dilakukan oleh gurunya bagi menimbulkan kesedaran mengenai negara dan berbagai kaum di Malaysia ialah melalui perbualan.

Perbualan pagi digunakan oleh gurunya untuk menceritakan mengenai perayaan-perayaan yang disambut. Misalnya jika telah hampir kepada Hari Raya Puasa maka gurunya akan menceritakan perkara-perkara yang berkaitan dengan perayaan tersebut. Begitu juga jika hampir tiba pada masa cuti, maka gurunya

akan bercerita mengenai kegiatan yang dilakukan semasa cuti sama ada pergi berkelah atau menolong ibubapa di rumah. Maka kefahaman kanak-kanak ini akan diperteguhkan lagi apabila tiba hari-hari yang berkenaan dan merasai bagaimana ianya disambut. Dengan cara ini mereka tidak hanya mengikut meraikan sesuatu hari kebesaran tanpa mengetahui tujuannya.

Setiap hari selepas kelas, kanak-kanak ini akan berbaris dan menyanyikan lagu kebangsaan. Walaupun tiada bendera yang dinaikkan tetapi poster bendera Malaysia yang terdapat pada papan kenyataan memadai untuk mereka mengenali bendera negara ini. Begitu juga kanak-kanak ini kenal akan wajah dan nama Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kesan daripada poster-poster yang dipinkan. Sedikit sebanyak ini mewujudkan kesedaran ada pemimpin di negara ini.

Selain daripada itu, perbualan yang menyentuh mengenai sikap mematuhi peraturan selalu diadakan. Ianya dilakukan oleh gurunya semasa berbaris di waktu rehat seperti jangan membuang sampah di tempat makan, atau pada waktu pagi di mana perbincangan berkisar sekitar keselamatan jalanraya, kesalahan membuang sampah merata-rata dan seterusnya.

c) Tabika C

Seperti juga di kedua buah Tabika yang telah dibincangkan, aktiviti di Tabika ini juga mengarah kepada kesedaran ketatanegaraan.

Setiap pagi dinyanyikan lagu Negara Ku di mana seorang ketua akan dilantik untuk memastikan setiap kanak-kanak ini telah bersedia. Secara tidak langsung, ini bertujuan supaya kanak-kanak ini mempunyai sifat kepimpinan juga patuh kepada arahan pemimpin. Ketua ini akan memberikan arahan-arahan seperti 'Kelas Sedia' dan 'Kelas Senang Diri' beberapa kali sebelum memulakan menyanyi 'Negara Ku'. Pada waktu kelas berakhir, perkara yang sama juga dilakukan di mana mereka akan mengangkat tangan sambil melafazkan ikrar Rukun Negara. Ini diikuti dengan doa dan ucapan 'Selamat Pulang' kepada guru, pembantu dan rakan-rakan.

Semasa aktiviti menyanyi, Tabika C lebih banyak menekankan lagu-lagu bersifat cintakan tanahair seperti lagu 'Warisan'.

Semasa perbualan, gurunya menerangkan mengenai peraturan-peraturan di jalanraya, menunggu giliran juga mengenai kesalahan membuang sampah. Ia menggalakkan mereka untuk melawat antara sesama sendiri. Ini mudah dilakukan kerana kanak-kanak ini tinggal berdekatan. Gurunya juga melakukan lawatan ke rumah-rumah kanak-kanak ini misalnya jika ibu

seorang daripada mereka baru bersalin, ia akan pergi menziarah.

Ini sebagai menauladani akan apa yang diajarkan di kelas supaya kanak-kanak tahu bahawa lawatan seumpama ini mempunyai tujuan sosial yang baik.

iii) Perkembangan Fizikal

Perkembangan fizikal mempunyai hubungan rapat dengan lain-lain aspek perkembangan kanak-kanak. Ia dikaitkan dengan perkembangan psikomotor kasar dan halus, perkembangan kesihatan dan perkembangan keselamatan.

a) Tabika A

Perkembangan kesihatan dan keselamatan telah ada dibincangkan di bahagian-bahagian lain. Memandangkan ia sama dari segi aktiviti yang terlibat, penulis merasakan ia tidak perlu diulang lagi.

Perkembangan psikomotor kasar dan halus ini melibatkan kepada permainan kanak-kanak terutamanya di padang permainan. Terdapatnya alat-alat permainan seperti jungkang-jungkit, palang-palang besi berbentuk roket dan berbagai lagi. Ini semua menggalakkan kepada membina koordinasi mata-tangan-kaki. Juga ia memerlukan kepada pemikiran di mana kanak-kanak perlu berfikir seperti di mana harus diletakkan kaki dan membuat jangkaan seperti adakah selamat jika ia melompat dari palang besi sebelah kiri ke kanan. Ada juga yang bermain kejar-mengejar dan ini membantu kepada membina otot-otot kaki.

Semasa senaman, kanak-kanak ini telah mengadakan latihan untuk sukan tahunan. Kelas K3 memilih acara What is the Time Mr. Wolf? Maka mereka dikehendaki memakai pakaian (costume) serigala. Memakai pakaian ini perlu kepada ide yang jelas tentang bagaimana hendak memakainya. Ia perlu kepada koordinasi mata-tangan-kaki kalau tidak sukar untuk menggenakan pakaian ini.

Oleh itu, permainan-permainan kanak-kanak perlulah membantu kepada pembentukan otot-otot yang cekap dan kuat.

b) Tabika B

Perkembangan kesihatan dan keselamatan telah ada dibincangkan di bahagian-bahagian lain. Memandangkan ia sama dari segi aktiviti yang terlibat, penulis merasakan ia tidak perlu diulang lagi.

Aktiviti di Tabika B yang menggalakkan kepada perkembangan psikomotor ialah semasa Aktiviti Bebas dan Senaman.

Senaman tidak banyak dapat membantu kepada perkembangan ini kerana ketiadaan tempat. Maka senaman yang dilakukan terpaksa dibataskan kepada yang tidak melibatkan pergerakan-pergerakan yang banyak. Antara yang dibuat ialah 'Menjunjung buku'. Ini memerlukan kepada kemahiran otot-otot anggota badan mengimbang supaya buku tidak jatuh dari atas kepala.

Semasa Aktiviti Bebas, kanak-kanak melakukan aktiviti sendiri. Ada yang bermain dengan kawada set yang memerlukan kepada koordinasi mata-tangan, menyanyi dalam kumpulan yang memerlukan kepada penggunaan deria seperti telinga untuk mendengar lirik supaya disesuaikan dengan pergerakan anggota badan. Tetapi ada juga di kalangan kanak-kanak lelaki yang berlari-lari di dalam kelas dari satu penjuru ke penjuru lain sambil cuba membuat gerakan-gerakan 'gymnastic' yang dilihatnya di televisyen. Walaupun ini semua perlu kepada perkembangan fizikal kanak-kanak tetapi ruang tidak mengizinkannya kerana kerap kali ia menganggu permainan kanak-kanak lain.

c) Tabika C

Perkembangan kesihatan dan keselamatan telah ada dibincangkan di bahagian-bahagian lain. Memandangkan ia sama dari segi aktiviti yang terlibat, penulis merasakan ia tidak perlu diulang lagi.

Seperti Tabika B ketiadaan padang permainan merupakan kekurangan yang amat dirasai oleh sebuah Tabika.

Di dalam kelas, koordinasi anggota badan dengan irama dilakukan semasa aktiviti menyanyi.

Waktu senaman, pembinaan otot-otot kaki serta koordinasi mata-kaki dilakukan melalui permainan dribbling the ball. Selain daripada itu gerakan anggota badan mengikuti rentak tamboren juga menjadi satu daripada aktiviti yang kerap dilakukan. Misalnya, apabila tamboren dibunyikan dengan perlahan, kanak-kanak akan berjalan dengan perlahan sehingga ianya beransur-ansur dilanjutkan maka tempo kanak-kanak ini juga berubah mengikut rentaknya. Apabila tamboren diberhentikan, kanak-kanak ini dikehendaki duduk bercangkung dan bila wisel dibunyikan mereka akan melompat setinggi yang terdaya.

Untuk menggalakkan kepada perkembangan psikomotor halus dan kasar dengan sepenuhnya, perlu kepada kawasan lapang yang berhampiran di luar kelas. Ini membolehkan berbagai-bagai aktiviti dijalankan. Ketiadaan tempat yang bersesuaian menghalang kepada perkembangan sepenuhnya. Kerana itu reflexes akan menjadi lembap dan tindakan selanjutnya akan datang dengan lambat.

iv) Perkembangan Sosio Psikologi

Kanak-kanak perlu tahu adanya batasan dalam hidup seperti wujudnya undang-undang. Maka dalam proses penyesuaian dengan persekitaran ia alami berbagai emosi. Bimbingan perlu supaya ia tahu perlakuannya mempunyai kesan pada persekitarannya.

a) Tabika A

Kegiatan di dalam aktiviti selalunya memberi perhatian kepada perasaan tanggungjawab, bekerjasama serta menghormati tidak kira sama ada kepada ibubapa, guru atau orang luar.

Perbualan yang diadakan menerangkan kepada kanak-kanak bahawa sifat menghormati orang-orang yang lebih tua juga rakan-rakan adalah terpuji. Gurunya sering mengingatkan mereka untuk memberi ucapan-ucapan yang bersesuaian jika bertemu dengan Guru Besar atau guru-guru yang lain.

Kanak-kanak ini tidak dibezakan antara satu sama lain supaya mereka sedar bahawa tidak ada sesiapa pun yang lebih istimewa dari yang lain. Setiap daripada mereka mesti mematuhi peraturan-peraturan seperti menjaga kebersihan kelas, kantin serta sekolah. Setiap seorang diberi peluang untuk menyanyi atau bercerita di hadapan kelas dan sebagainya.

b) Tabika B

Penerangan mengenai sikap tanggungjawab, mempercayai orang lain dan sebagainya adalah supaya kanak-kanak ini mempunyai keyakinan pada diri sendiri serta mempunyai sifat-sifat yang membentuk disiplin dirinya.

Keyakinan diri diteguhkan dengan peluang untuk bercerita atau menyanyi di hadapan kelas ataupun mengetuai kelas dalam mengangkat ikrar Rukun Negara. Menggalakkan kanak-kanak ini supaya menghabiskan kerja dengan cermat bukanlah mudah sebab ada saja yang 'tidak mahu duduk diam'. Oleh itu guru memberikan gred kepada kerja-kerja mereka. Sekurang-kurangnya ini memberi rangsangan kepada mereka untuk mendapatkan 'A'. Perasaan iri hati tidak terdapat apabila rakan yang lain mendapat 'A'. Sebaliknya mereka akan melihat kerja mereka dan bandingkan dengan rakan mereka sambil mencari kesilapan.

c) Tabika C

Aktiviti di Tabika C juga cuba untuk membentuk sifat-sifat berdisiplin. Ini dicapai melalui aktiviti berdiri tegak ketika menyanyi lagu kebangsaan, mengangkat tangan untuk membaca ikrar Rukun Negara juga mematuhi arahan-arahan daripada ketua ketika berbaris. Mematuhi undang-undang sentiasa ditekankan.

Kesemua aktiviti cuba membentuk sifat-sifat yang positif seperti konsep kendiri yang positif juga sikap terhadap pembelajaran, terhadap masyarakat dan seterusnya.

v) Perkembangan Kognitif

Sifat ingin tahu merupakan penggerak penting dalam perkembangan kognitif. Antara objektifnya ialah supaya ia mengetahui persekitaran fizikal, menyedari dan memperolehi konsep pra-nombor dan mengenal nombor 1 hingga 10.

a) Tabika A

Pengetahuan mengenai persekitaran fizikal dalam penggunaan pancaindera kanak-kanak dilakukan melalui perbualan. Guru akan menceritakan mengenai tujuan papan-papan kenyataan, gambar-gambar yang terdapat di persekitaran kelas juga melalui aktiviti melukis. Mereka akan dapati bagaimana 'rupa' warna-warna yang digunakan, jika ditambah banyak air apa yang terjadi dan sebagainya.

Bagi kanak-kanak di Tabika ini, mereka telah mengenal angka-angka dari 1 hingga 10. Antara aktiviti mereka ialah kerja berpandu di mana kanak-kanak ini akan mengikut bintik-bintik yang terdapat pada buku latihan mereka. Pada akhirnya akan terjelma angka seperti 3. Di atas angka 3 ialah gambar 3 ekor rama-rama maka mereka dikehendaki mewarnakan gambar-gambar ini dan menghabiskan menulis angka 3.

Aktiviti mereka tidak banyak memperkenalkan nombor-nombor ini tetapi lebih menekankan kepada menulis angka dengan betul dan mengkonsepsikan bilangan angka tersebut.

b) Tabika B

Aktiviti mengenai persekitaran fizikal banyak dilaku secara lisan.

Kanak-kanak di Tabika B baru mengenal angka satu hingga

10. Carta pra-huruf di belakang kelas digunakan untuk

menunjukkan nilai serta bentuk nombor-nombor tersebut.

Kerja-kerja mereka merupakan kerja berpandu seperti di Tabika

A.

Pengalaman penulis menunjukkan bahawa kanak-kanak ini tidak begitu pasti akan nilai serta bentuk angka. Jika ditanya mengikut urutan, ada yang dapat menjawab dengan mudah (berpandukan carta). Jika dilakukan secara random iaitu memilih satu angka dalam urutan, maka mereka lambat untuk 'menangkap' bilangan angka tersebut.

c) Tabika C

Persekitaran fizikal diterangkan semasa perbualan pagi.

Mengenai konsep pra-huruf tidak kesemua kanak-kanak ini faham akan kehendak guru. Ini kerana mereka masih lagi tidak pasti mengenai nilai angka-angka juga bentuknya. Jika diberi angka 1 hingga 5 masih mudah bagi mereka tetapi dari 6 ke atas maka mereka sudah 'hilang'. Kecuali untuk 6 orang kanak-kanak yang lain masih lemah dalam memahami konsep pra-huruf ini. Keadaan ini menjadi bertambah teruk lagi

apabila guru memberikan kira-kira menggunakan angka-angka yang besar seperti $20 + 14 = \underline{\hspace{2cm}}$. Gurunya terlalu cepat untuk setengah daripada kanak-kanak ini menangkap pelajaran yang diajarkan.

vi) Perkembangan Bahasa

Bahasa penting bagi membolehkan kanak-kanak ini menyampaikan ide atau pengalamannya. Antara kemahiran yang merangkumi dalam perkembangan bahasa ialah mendengar, melihat, membaca dan menulis.

a) Tabika A

Aktiviti yang terlibat adalah seperti perbualan, menyanyi, membaca buku-buku cerita dan mendengar cerita, bermain dengan plastisin dan seterusnya.

Semasa aktiviti menyanyi misalnya lagu 'Old McDonald' mereka akan membuat bunyi-bunyi binatang yang disebut. Ini membolehkan mereka mengecam dan membezakan bunyi-bunyian. Semasa mendengar cerita, gurunya akan membuat berbagai-bagai tingkah laku mengikut kepada perjalanan dan kehendak cerita.

Kemahiran pra-tulis diperolehi melalui kerja berpandu seperti yang dibuat dengan pra-nombor. Misalnya huruf C akan diikuti dengan gambar cawan. Kanak-kanak ini akan mengikut bintik-bintik yang membentuk huruf C. Setelah sebaris begitu, mereka dikehendaki membuatnya tanpa panduan. Untuk mendapatkan kemahiran menulis pergerakan jari dilakukan dengan bermain plastisin.

Guru juga menggunakan beberapa kaedah lagi untuk menambahkan perbendaharaan kata kanak-kanak ini. Misalnya ia akan mencantumkan sukukata-sukukata seperti:-

ca + wan = cawan

Banyak lagi perkataan-perkataan yang digunakan di mana ianya berkaitan dengan matapelajaran pra-tulis. Kesan daripada kaedah ini, maka didapati seorang daripada kanak-kanak di Tabika ini amat gemar mengeja perkataan-perkataan yang bertulis di carta-carta. Kadang-kadang di atas meja guru terdapat carta, ia akan berdiri di sebelah meja sambil mengeja mengikut sukukata-sukukata. Jika ada pelajar lain bersamanya, ia akan mengajar bagaimana untuk mengeja perkataan-perkataan yang terdapat pada carta tersebut.

b) Tabika B

Aktiviti di Tabika B selain daripada menyanyi dan perbualan pagi ialah pra-tulis. Tidak banyak aktiviti mengeja atau bermain dengan menggunakan kaedah sukukata tadi. Ini disebabkan kanak-kanak di Tabika B masih lagi mempelajari mengenal abjad A hingga Z. Selepas mempelajari akan huruf I misalnya ini diikuti dengan latihan berpandu menulis huruf I. Pertambahan pada perbendaharaan kata hanya melalui perbualan dan aktiviti menyanyi.

c) Tabika C

Aktiviti melibatkan perbualan, nyanyian, pra-tulis serta kerjatangan. Kanak-kanak di Tabika ini boleh mengecam huruf-huruf abjad tetapi tidak pandai untuk menggunakan di dalam perkataan. Misalnya untuk mengeja 'Isnin' mereka tahu abjad-abjad yang terdapat tetapi tidak tahu untuk mengejanya. Kadang-kadang abjad-abjad ini ditulis terbalik misalnya, huruf 'S' ditulis sebagai 'Z'.

Selain daripada itu semasa matapelajaran pra-sains, gurunya mengambil kesempatan mengajar mengeja nama burung serta bahagian-bahagian yang terdapat pada burung. Mereka juga diajar mengenai penggunaan huruf besar seperti pada Nama Khas misalnya 'hari Isnin'.

Perbendaharaan kata kanak-kanak ditambahkan melalui perbualan dengan guru atau sewaktu bercerita juga semasa menyanyi.

vii) Perkembangan Estetika Dan Daya Kreatif

Kanak-kanak adalah kreatif maka bimbingan dan didikan yang sesuai akan menyuburkan sifat semulajadi ini.

a) Tabika A

Bagi kanak-kanak di Tabika ini selain daripada aktiviti menyanyi di kelas mereka juga mempunyai kelas 'Muzik' di mana seorang guru muzik akan memainkan piano dan kanak-kanak ini menyanyi mengikut iringan piano. Sambil menyanyi mereka akan melakukan pergerakan-pergerakan yang sesuai mengikut kehendak lirik.

Selain daripada itu mereka juga diberikan alat-alat permainan seperti plastisin untuk dibentuk sesuka hati mereka, bermain dengan alat-alat permainan seperti chequers, kawada set dan sebagainya. Daripada kawada set mereka akan membuat 'senapang' atau 'kapal-kapal terbang Star Wars'. Mengikut gurunya, untuk Hand Work mereka akan membuat paper cuttings dan juga lukisan.

b) Tabika B

Selain daripada aktiviti menyanyi tidak terdapat aktiviti lain bagi mengembangkan lagi daya kreatif kanak-kanak ini. Pada waktu Aktiviti Bebas, menyanyi dalam kumpulan dan membuat pergerakan yang bersesuaian ada dilakukan.

c) Tabika C

Kanak-kanak di Tabika ini amat gemar bermain dengan alat-alat muzik di Sudut Muzik. Mereka akan bernyanyi dan menggayakan gerakan yang sama mengikut iringan tamboren.

Selain daripada itu, mereka selalu membuat kerjatangan seperti melukis dengan krayon dan juga menggunakan pensil warna.

Secara perbandingan antara ketiga-tiga Tabika, didapati bahawa penekanan kepada bahagian-bahagian di dalam kurikulum terhad oleh kerana kekurangan bahan. Mungkin satu aspek daripada kurikulum dapat dilakukan di salah sebuah Tabika tapi tidak di dua buah lagi. Maka faktor utama yang perlu dalam pendidikan di Tabika ialah kemudahan fizikal yang lengkap dengan peralatan-peralatannya.

5.4 Amalan Mengasuh Melalui Kawalan

a) Tabika A

Walaupun dari kurikulum telah disentuh segala aspek mengenai hubungan baik, tingkahlaku yang sopan, tetapi kanak-kanak ini masih perlu kepada kawalan.

Di Tabika ini, gurunya menggunakan beberapa cara sama ada ia memukul kanak-kanak dengan pembaris yang berukuran enam inci atau mengertak akan menulis nama mereka di atas kertas dan diberikan kepada Guru Besar. Cara yang pertama tidak memberikan sebarang kesan ke atas kanak-kanak ini. Cara yang kedua, gurunya memperolehi sedikit kejayaan. Ini kerana akan kedengaran suara seorang kanak-kanak yang mengadu bahawa rakan di sebelahnya menganggu dan sebagainya.

b) Tabika B

Di Tabika ini gurunya tidak memukul anak muridnya. Untuk kanak-kanak berbangsa Melayu, gurunya memanggil nama dan merenung ke arahnya jika ia melakukan kesalahan. Ini sudah mencukupi untuknya tidak berbuat lagi kesalahan. Berlainan dengan kanak-kanak India. Gurunya terpaksa memegang mereka atau menyuruh mereka berdiri di sebelahnya semasa ia mengajar. Adakalanya ini berjaya, adakalanya juga mereka akan lari dari situ dan duduk dengan rakan-rakan mereka.

Pada waktu makan dan belajar, gurunya mesti mengatur dan mengubah tempat duduk mereka, jika tidak, tidak seorang pun akan dapat makan atau belajar. Apabila mereka duduk berjauhan, mereka tidak lagi bangun dari tempat tersebut, sebaliknya dapat menghabiskan makanan mereka.

c) Tabika C

Di Tabika ini kawalan paling minima sekali. Walaupun ada kesilapan dan kesalahan yang dibuat, gurunya akan hanya menegur sahaja. Ini sudah cukup untuk 'memalukan' kanak-kanak tersebut dan ia tidak lagi akan meneruskan apa yang dibuatnya yang menyebabkan guru menegurnya.

5.5 Amalan Mengasuh Melalui Proses Sosialisasi

a) Tabika A

Daripada perbincangan di bahagian awal telah ditunjukkan bagaimana kanak-kanak ini berinteraksi dengan rakan-rakan, guru-guru dan orang-orang dewasa yang terdapat di persekitaran mereka. Dengan rakannya, ia berkongsi permainan kerana sama-sama memerlukannya, bercerita tentang keluarganya dan mengetahui bahawa ia mempunyai kawan yang 'memahami' dirinya.

b) Tabika B

Proses sosialisasi terhad kepada rakan-rakan di dalam kelas dan guru. Walaupun kanak-kanak ini bermain bersama-sama tetapi apabila mereka diganggu oleh 'gang' yang lain mereka tidak lagi berminat untuk bermain sebaliknya berpecah kepada kumpulan-kumpulan yang lebih kecil.

c) Tabika C

Kanak-kanak di Tabika ini diberi peluang untuk memimpin kelas semasa perbarisan dan di akhir kelas. Mereka belajar untuk memberi perintah dan mematuhi peraturan. Mereka juga berpeluang berinteraksi dengan orang luar seperti penyelia Tabika C dan jururawat daripada Kementerian Kesihatan. Lain daripada itu, kanak-kanak ini hanya berinteraksi sesama mereka.

5.6 Amalan Mengasuh Oleh Guru

a) Tabika A

Gurunya cuba sedayanya untuk memberikan pengajaran yang berkesan kepada anak muridnya. Tetapi pada masa-masa tertentu seperti semasa mengajar, ia terpaksa meninggikan suaranya. Ini kerana kelas-kelas di dalam Dewan bising dan anak muridnya tidak dapat mendengar dengan jelas apa yang diperkatakan. Ini menyebabkan kanak-kanak ini menjadi restless dan tidak memberikan perhatian kepada guru.

Apabila keadaan seperti ini berlaku, pembantu guru akan menyuruh mereka supaya mendengar apa yang diajarkan oleh guru. Adakah ia akan memukul kanak-kanak tersebut. Begitu juga dengan gurunya. Apabila ditegur kanak-kanak ini masih berdegil, ia akan memukul mereka. Ada masa-masa tertentu ia mengugut untuk memberikan nama mereka kepada Guru Besar atau memberitahu ibubapa mereka.

Penulis telah bertanya kepada guru kerana ia mengambil tindakan begitu? Ia mengatakan bahawa itu sahajaalah caranya untuk mengawal kanak-kanak ini. Tetapi penulis berpendapat cara ini tidak mendatangkan kesan kepada kanak-kanak ini. Mereka tidak takut kepada ugutan-ugutan yang dibuat dan tidak merasa apa-apa pun akan pukulan daripada guru dan pembantu.

Gurunya menggalakkan kanak-kanak ini membuat kerja mereka dengan kemas tetapi adakalanya galakkan ini mengakibatkan kanak-kanak ini menghabiskan kerja mereka dengan cepat tanpa mengira hasil yang diperolehi. Kanak-kanak yang lambat membuat kerja digesa supaya segera menghabiskan kerja mereka. Gurunya akan berkata mereka terlalu lambat menghabiskan kerja dan sentiasa yang akhir sekali untuk selesai. Gesaan seperti ini tidak mendatangkan faedah kerana kadang-kadang kerja dibuat separuh jalan sementara yang disiapkan dengan cepat adalah jauh daripada memuaskan.

Sikap fleksibel guru penting tetapi pada guru di kelas K3 Tabika A, sukar untuk mengatakan ia bersikap fleksibel. Misalnya, semasa aktiviti kerjatangan, kanak-kanak ini telah jemu bermain dengan plastisin tetapi ia enggan menukarkannya kepada yang lain. Akibatnya kanak-kanak ini tidak mahu bermain langsung dan hanya duduk memerhatikan rakannya. Pada minggu tersebut sahaja, sudah 3 kali mereka bermain dengan plastisin.

Pada waktu yang lain ialah semasa latihan untuk Sukan. Kanak-kanak ini diajar bagaimana untuk memakai costume serigala. Tetapi setiap individu punya cara yang tersendiri. Maka apabila kanak-kanak ini memakai costume ini mengikut cara mereka sendiri pembantunya akan marah dan menyuruh mereka menanggalkan semula costume tersebut dan mengikut cara yang diajarkan. Daripada pemerhatian penulis, cara guru bagi kanak-kanak ini lebih sukar dan mengambil masa yang lebih lama daripada cara mereka sendiri.

Ringkasnya, guru di kelas K3 ini cuba untuk memenuhi tugasnya sebagai guru dan memberikan perhatian yang sama kepada semua anak muridnya. Tetapi cara ia mengajar dan melaksanakan kawalan ke atas kanak-kanak masih boleh dipersoalkan lagi.

b) Tabika B

Guru di Tabika B menghadapi masalah yang berbeza daripada guru di Tabika A. Kanak-kanak di Tabika A telah lebih daripada dua tahun berada di sana sedangkan di Tabika B mereka berada di tahun pertama Tabika. Sifat kanak-kanak ini berbagai memandangkan latarbelakang yang berbeza.

Pada awal tahun semasa Tabika dibuka untuk pengajian, gurunya terpaksa mengajar dari atas lagi mengenai tatatertib di kelas, semasa perbarisan, penggunaan tandas dan sebagainya. Disiplin perlu semasa di sekolah kerana tidak seperti di rumah, kanak-kanak ini tidak boleh melakukan apa sahaja mengikut kehendak hatinya. Gurunya perlu kepada kesabaran dan mesti sentiasa tenang untuk mengawal kanak-kanak ini.

Seperti yang dikatakan, di Tabika ini ada kumpulan pelajar yang bersifat agresif. Merekalah paling sukar hendak diajar. Gurunya terpaksa memanggil mereka kehadapan kelas dan pisahkan tempat duduk mereka kerana jika dibiarkan mereka duduk berkelompok maka tiada siapa pun yang akan dapat belajar atau makan semasa waktu rehat. Tetapi mereka tidak membantah apabila ditukarkan tempat duduk mereka. Jika ada yang terus menganggu, gurunya akan memanggil kehadapan dan

memegang bahunya. Ia akan berdiri di situ sehingga gurunya menyuruh ia duduk.

Semasa mengajar atau menegur anak muridnya guru tidak pernah meninggikan suaranya. Ia akan menegur dengan baik dan kemudian menyuruh kanak-kanak itu bermain ataupun membuat kerjanya. Gurunya mempunyai sifat-sifat 'keibuan' terhadap anak muridnya dan ini ditonjolkan semasa ia mengajar. Ia bermain bersama-sama dengan anak muridnya, mengajar memegang pensil dengan betul dan menegur dengan menggunakan perkataan yang baik dan sesuai untuk kanak-kanak mendengar dan memahaminya.

Maka kerana itu guru dikatakan amat berpengaruh dalam kehidupan kanak-kanak di luar daripada rumah. Ini menjadi satu kenyataan benar kerana di Tabika B terdapat seorang kanak-kanak perempuan yang begitu terpengaruh sekali dengan cara guru ini mengendalikan kelas. Misalnya semasa Aktiviti Bebas ia akan mengumpulkan rakan-rakannya dan mereka akan bermain 'sekolah'. Ia akan menjadi guru kepada anak muridnya. Setiap gerak-gerinya adalah pelakuan yang dilakukan oleh guru semasa mengajar. Jika ada kanak-kanak lelaki yang menganggu perjalanan 'kelasnya' ia akan menegurnya seperti yang dilakukan oleh gurunya. Ia juga akan pisahkan tempat duduk beberapa orang kanak-kanak ini supaya 'kelas' berjalan lancar.

Maka guru di Tabika B ini mempunyai sifat penyabar dan tenang menghadapi kelas. Tingkah laku guru ini menjadi contoh kepada kanak-kanak ini bahawa tingkah laku yang baik amat digalakkan dan tidak ada siapa pun yang suka kepada orang yang 'jahat'.

c) Tabika C

Di Tabika ini gurunya tidak menghadapi banyak masalah. Adanya disiplin di kalangan anak murid memudahkannya mengajar mereka.

Gurunya tidak pernah meninggikan suara semasa menegur atau mengajar. Jika kanak-kanak ini perlu ditegur, ia akan menegur tetapi adakalanya tegurannya serius dan membuatkan kanak-kanak ini merasa malu.

Gurunya turut sama dalam aktiviti kelas. Ia akan sama-sama melakukan senaman-senaman yang dibuat, sama-sama bermain sewaktu aktiviti bebas dan bersama-sama membantu anak muridnya semasa kerjatangan. Misalnya, ia akan duduk di atas lantai bersama dengan sekumpulan kanak-kanak dan memerhatikan serta membantu dalam kerja mereka. Begitu juga dilakukan dengan kumpulan lain. Dengan cara ini ia meneguhkan lagi hubungan antaranya dengan kanak-kanak di dalam kelassnya. Anak muridnya akan sering menjemputnya datang ke rumah dan memberikan alamat mereka. Keadaan seperti ini selalu berlaku semasa kanak-kanak membuat kerjatangan seperti melukis. Ia akan bertanya khabar ibubapa mereka dan dari situ mereka akan menjemputnya. Jelasnya, ia telah mendapat kepercayaan daripada anak muridnya.

Kepercayaan daripada anak murid akan membolehkannya membantu mereka untuk belajar memahami diri sendiri, rakan-rakan dan terhadap pelajarannya.

Kesimpulan

Kesimpulannya, mengasuh kanak-kanak bukan perkara yang mudah. Latarbelakang yang berbeza memberikan sifat-sifat yang berbeza. Juga kedudukan keluarga dan bagaimana mereka mendidik anak-anak membentuk sifat kanak-kanak ini. Di antara ketiga-tiga Tabika perbezaan ini dapat dilihat dimana di Tabika A, kanak-kanak ini tidak bersikap agresif, mereka mempunyai pandangan hidup berlainan. Permainan mereka di rumah seperti video games dan kerana itu semasa di kelas permainan mereka juga melibatkan membuat roket-roket 'Star Wars' dan kapalterbang misalnya.

Tetapi di Tabika B, kanak-kanaknya bersifat melampau. Permainan mereka lebih merupakan hasil daripada interaksi dengan persekitaran mereka. Mereka menjadi polis trafik, pemandu bas, menjadi guru dan juga membuat benda-benda seperti kerusi pelamin daripada kawada set.

Di Tabika C, permainan mereka lebih tertumpu kepada peralatan yang terdapat di dalam kelas. Mereka bermain dengan alat-alat muzik, bermain mengira di papan hijau dan bermain dengan jigsaw puzzle misalnya.

Maka amalan mengasuh yang berbeza antara guru-guru akan membentuk sifat yang berbeza terhadap kanak-kanak, walaupun kesemuanya mempunyai tujuan yang baik.

Kawalan oleh guru untuk mengasuh kanak-kanak janganlah keterlaluan. Ugutan yang berterusan tetapi tidak diikuti dengan pelaksanaannya mengakibatkan kanak-kanak ini tidak merasa gentar. Akibatnya mereka tidak percaya kepada guru dan perasaan hormat akan berkurangan.

Jika mendidik anak-anak, seseorang itu perlu menitikberatkan perasaan bahawa diri anak itu juga dihormati olehnya. Apabila ada kesedaran ini perasaan hormat dari anak itu dengan sendirinya akan wujud. Mengajar kanak-kanak kecil memang sukar. Ada kalanya untuk memberikan kefahaman mengenai sesuatu, ianya perlu dimulakan oleh orang yang dewasa dan dalam keadaan ini orang itu adalah gurunya.

Menurut sebuah laporan yang diterbitkan pada tahun 1973, sekolah-sekolah di bawah pentadbiran kerajaan, iaitu 2,385 buah dengan 41,395 kanak-kanak dan sekitar 120,555 orang guru dan kakitangan bertugas di bawah pentadbiran kerajaan, rata-raya 5,340 orang.

Sejarah bersempena abad ini menunjukkan bahawa sekolah-sekolah penjajahan Inggeris yang banyak membentuk masyarakat kepada kanak-kanak-keluarga kaum Melayu. Namun begitu, sejak perlancarannya diperkenan pelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah seperti Universiti Malaya, ahli akademik yang berpangkuhan ini punya tuntutan bagi pelajaran Bahasa Melayu. Ahli akademik yang berpangkuhan ini punya tuntutan bagi pelajaran Bahasa Melayu.

Pengiktirauan mengikut kawasan dan maklumat permenkot dan kota-kota yang masih aktif yang dilulusi, diambil bantuan bantuan teknikal yang kompleks, adalah untuk peningkatan perniambangan pendidikan. Juga ia merupakan kantin untuk kawasan-kawasan ini gunakan semasa waktu sejam dan waktu tan-

BAB 6

PENUTUP

6.1 Kesimpulan

Daripada masalah dan tumpuan kajian, amalan mengasuh secara formal dan faktor persekitaran formal diberikan tumpuan untuk melihat kesannya ke atas pembelajaran dan pengajaran di tiga buah kelas Tabika yang dikaji.

Penjelasan mengenai kedua aspek tadi telah memberikan beberapa ciri tertentu yang dijadikan sebagai bahan perbincangan dalam penulisan kajian ini.

Menjelang tahun 1981, jumlah bilangan pra-sekolah yang dianjurkan oleh institusi kerajaan, separuh kerajaan, persendirian ialah 2,896 buah dengan bilangan kanak-kanak seramai 170,955 orang. Sementara jumlah bilangan guru-guru yang terlibat ialah 5,340 orang.

Sejarah bermulanya Tabika dikesan dari awal 1950an, akibat daripada penjajahan Inggeris. Oleh kerana ia banyak memberikan manfaat kepada kanak-kanak serta ibubapa secara tidak langsung, maka perkembangannya diberikan perhatian khusus oleh pihak-pihak berkenaan seperti Kementerian Pelajaran Malaysia. Ini terutamanya selepas daripada keluarnya Lapuran Kajian Keciciran 1973.

Penjelasan mengenai kedudukan dan keadaan persekitaran ketigatiga buah Tabika yang dikaji, didapati bahawa hanya sebuah sahaja yang mempunyai padang serta padang permainannya sendiri. Juga ia mempunyai kantin untuk kanak-kanak ini gunakan semasa waktu rehat dan sekitar

kawasannya berpagar supaya kanak-kanak tidak akan bermain di atas jalanraya. Kemudahan ini tidak diperolehi oleh dua buah tabika iaitu Tabika B dan Tabika C. Mereka terpaksa menyesuaikan aktiviti mengikut kepada keadaan fizikal kelas serta persekitaran sekolah. Kesannya pembelajaran dan penggunaan sepenuhnya anggota-anggota tubuh badan tidak dapat berlaku dan dilakukan.

Tanggungjawab mengasuh kanak-kanak diserahkan sepenuhnya kepada guru. Pembantu hanya menyediakan makanan dan minuman serta mengemasukan kelas untuk keselesaan belajar. Apabila guru tidak dapat hadir ke kelas sama ada kerana sakit atau bersalin maka tanggungjawab menguruskan kelas terserah kepada pembantu. Tidak semua pembantu guru berupaya untuk mengambil alih tanggungjawab ini. Misalnya di Tabika B, pembantu guru tidak mempunyai hubungan yang mesra dengan kanak-kanak di kelas tersebut. Ia tidak dapat mengawal kelas apatah lagi menggandalikan kelas. Begitu juga di Tabika A. Kecuali di Tabika C pembantunya mampu meluangkan masanya untuk bermesra dan bersama-sama membantu kanak-kanak ini dalam aktiviti mereka. Kesimpulannya, kelas akan tergendala dan kanak-kanak tidak akan mendapat perhatian sewajarnya.

Guru-guru mempunyai fahaman yang sama mengenai kepentingan pertumbuhan kanak-kanak. Mereka bersetuju bahawa ia dapat membantu mereka untuk memahami personaliti dan psikologi kanak-kanak. Faktor bermain juga dikatakan memberi kepuasan dan kefahaman kepada kanak-kanak mengenai sesuatu benda yang diajarkan.

Guru-guru di ketiga-tiga buah Tabika ini mempunyai penekanan yang berbeza-beza. Tabika A dan Tabika C memberatkan kepada pra-hisab dan pra-tulis sebagai dua matapelajaran penting semasa di sekolah rendah nanti. Kerana itu mereka lebih banyak memberikan kira-kira (hisab) kepada kanak-kanak ini. Misalnya di Tabika C telah menggunakan angka-angka yang besar seperti $34 + 20$ dan sebagainya. Tetapi di Tabika B ia memberatkan kepada pencapaian kanak-kanak di peringkat pra-sekolah sahaja. Syllabus adalah yang paling asas sekali sebagai pendedahan awal kanak-kanak kepada angka dan abjad.

Pada pandangan penulis, kebolehan kanak-kanak untuk menerima pelajaran adalah berbeza. Ada kanak-kanak yang cepat menangkap apa yang diajarkan dan ada yang tidak. Adalah menjadi tanggungjawab guru untuk mengenali anak muridnya dari segi kebolehan mereka supaya dapat diberikan perhatian yang sewajarnya. Adalah tidak wajar memarahi seorang kanak-kanak kerana tidak dapat menjawab soalan $3 + 7$ walaupun ia satu yang amat mudah. Ini bererti bahawa ia tidak faham akan konsep campur juga masih menghadapi masalah menanggap angka 3 dan 7. Guru tidak boleh meletakkan nilainya sebagai seorang dewasa yang sudah faham akan perkara-perkara asas ini dan mengharap anak muridnya juga sudah faham.

Perbincangan bab 4 dengan pendekatan faktor persekitaran didapati kesemua ciri-ciri yang terlibat adalah berkatian antara satu sama lain. Aspek fizikal sekolah sepatutnya membolehkan kanak-kanak bermain dengan selamat di persekitarannya. Ketiadaan padang atau padang permainan mengakibatkan perjalanan kelas boleh terganggu. Kanak-kanak dikatakan mempunyai tenaga yang berlebihan maka adalah wajar bagi

mereka untuk 'melepaskan' sebahagian daripada tenaga ini dengan bermain di padang atau padang permainan.

Ia amat membantu dalam perkembangan otot-otot anggota badan serta meneguhkan lagi koordinasi anggota badan dengan pancaindera. Ia membolehkan kanak-kanak menggunakan akalnya untuk berfikir akan permainan-permainan yang baru. Bagi kanak-kanak yang tidak berpeluang berbuat demikian, terpaksa diadakan waktu khas untuk kegiatan Aktiviti Bebas.

Aktiviti kanak-kanak sama ada bebas atau tidak sepatutnya dapat mendatangkan manfaat kepada mereka walaupun ini tidak disedari. Tetapi jika permainan terpaksa dibataskan kepada ruang yang terhad dan menghalang kepada penggunaan kesemua anggota badan dan tenaga yang ada ia akan menjadi destructive. Melepaskan 'kekecewaan' dengan menganggu kanak-kanak yang lain memberi mereka kepuasan yang tidak terhingga. Jika kesakitan orang lain menjadi hiburan kepada mereka maka perhatian dan tindakan daripada guru amatlah perlu. Jika sifat ini dibiarkan maka ia akan menjadi satu daripada sifat yang akan memusnahkan masa depan kanak-kanak itu sendiri.

Gangguan seperti ini tidak menggalakkan kepada suasana emosi bagi membolehkan kanak-kanak untuk hidup bersama dan belajar bersama.

Suasana emosi yang bersahaja dan tenang, serta kebolehan guru mengawal dan menggandalikan kelas membolehkan anak muridnya belajar bersama tanpa mengira 'gang' atau jantina. Ia dapat mewujudkan perasaan hormat kepada rakan-rakan. Jika gangguan seperti yang dinyatakan dibiarkan, ini menimbulkan perasaan marah tetapi ianya dipendamkan

sahaja. Lama-kelamaan ini boleh menjadikan seseorang itu pemarah, tidak rasional dan tidak mempercayai orang lain. Sifat-sifat seperti ini bertentangan dengan hasrat dan aspirasi Tabika yang dilandaskan kepada Rukun Negara.

Kanak-kanak sepatutnya bebas untuk bermain dengan apa sahaja yang ia kehendaki. Pada tahap pra-sekolah, jadual waktu perlu diubahsuai mengikut keperluan dan keadaan pada masa tersebut. Guru tidak boleh mengatakan mereka tidak boleh bermain dengan yang lain daripada apa yang diberikannya. Ini mengakibatkan kanak-kanak enggan untuk melakukan apa yang disuruh oleh guru dan menganggu rakan-rakannya. Memang panduan daripada guru adalah perlu kerana itu di sini penyusunan kelas amat penting. Pembahagian kelas kepada sudut-sudut tertentu membolehkan perjalanan kelas berlaku dengan licin dan lancar.

Permainan kanak-kanak tidak boleh dihadkan kepada bongkah-bongkah atau kawada set sahaja tetapi sepatutnya mereka mesti bebas untuk melukis dengan 'water colour' dan juga membaca. Maka jika kelas mempunyai sudut-sudut seperti sudut melukis, membaca, menulis, bermain dan sebagainya, maka kanak-kanak ini dapat terus pergi ke sudut-sudut yang dikehendakinya dan bermain di sana. Pada masa yang sama, guru boleh melihat serta memberi ide kepada mereka mengenai beberapa perkara yang berkaitan dengan permainan mereka.

Setakat yang diperhatikan oleh penulis, kelas-kelas Tabika yang dikaji kanak-kanak tidak pernah melukis semasa Aktiviti Bebas. Ini hanya dilakukan semasa aktiviti khas sahaja. Sepatutnya perjalanan kelas pra-sekolah tidak terlalu 'ketat' seperti di sekolah-sekolah yang mempunyai masa-masa tertentu untuk aktiviti tertentu. Ini bertentangan dengan konsep belajar sambil bermain di peringkat pra-sekolah di mana kanak-kanak tidak dikehendaki mengikuti jadual waktu yang ketat. Mereka perlu bebas melakukan sesuatu tanpa paksaan supaya tidak merasa bosan.

Kurikulum pra-sekolah yang dibincangkan di bab 5 merangkumi semua aspek yang difikirkan mendatangkan faedah bagi pertumbuhan kanak-kanak. Jika setiap bahagian di dalam kurikulum dititikberatkan, mengasuh kanak-kanak secara kawalan, proses sosialisasi serta peranan guru menjadi sebahagian daripada keseluruhan pendidikan kanak-kanak.

Daripada perbincangan mengenai kurikulum didapati bahawa apa yang terdapat di Tabika adalah sama sekali jauh ketinggalan daripada kehendak kurikulum. Keadaan ini diakibatkan oleh kekurangan-kekurangan yang terdapat pada Tabika berkenaan. Misalnya, perkembangan psikomotor kasar dan halus. Selain daripada berfungsi untuk mengembangkan koordinasi anggota, otot serta deria kanak-kanak, aspek ini juga membolehkan kanak-kanak berinteraksi dengan kanak-kanak lain yang bukan daripada kelasnya. Dibandingkan kanak-kanak di Tabika A dengan Tabika B dan C didapati bahawa kanak-kanak Tabika A lebih bersedia untuk menghadapi kelas kerana telah puas bermain di padang permainan. Kanak-kanak Tabika B tidak berpeluang berbuat demikian mengakibatkan semasa kelas berlangsung

berlaku gangguan-gangguan yang menghalang kepada suasana pembelajaran yang relax dan merangsangkan. Ia juga meninggalkan kesan kepada kanak-kanak lain di mana mereka menjadi jemu dengan keadaan-keadaan seperti ini.

Contoh lain ialah mengenai penguasaan nombor 1 hingga 10. Di peringkat pra-sekolah, memadai untuk memahami yang asas sahaja iaitu angka 1 hingga 10. Sedangkan di Tabika A di mana kanak-kanaknya telah dua tahun berada di sana masih lagi berada di tahap ini tetapi di Tabika C keadaannya sama sekali berbeza. Kanak-kanak seolah-olah dipaksa untuk menghafal angka-angka yang lebih besar daripada itu. Walaupun iaanya diajar secara berperingkat-peringkat tetapi jelas sekali pengajaran guru tidak mendatangkan hasil. Kanak-kanak tidak faham dan tidak dapat mengkonsepsikan nilai serta urutan kedudukan angka-angka ini. Tindakan guru juga tidak membantu kanak-kanak kerana ia akan memarahi mereka dan bagi seorang kanak-kanak yang berjiwa sensitif, ini amat memalukan mereka tambahan pula dengan kehadiran penulis di situ. Guru tidak berusaha untuk memastikan bahawa kanak-kanak ini faham akan apa yang diajarkan sebaliknya membiarkan sahaja mereka. Apabila penulis cuba membantu kanak-kanak ini semasa melakukan kerja mereka, penulis dapati amat sukar sekali membuatkan mereka tidak merasa malu dan dapat menerima pertolongan orang lain. Setiap kali dihampiri mereka akan menundukkan kepala sehingga sukar untuk melihat apa yang dibuat oleh mereka.

Sifat seperti ini adalah bertentangan sama sekali dengan tujuan sebenarnya Tabika. Jika pada peringkat ini mereka telah merasa rendah diri dan malu untuk menerima pertolongan daripada orang luar apatah lagi apabila mereka telah dewasa sifat ini akan hanya membantu kepada 'memusnahkan' masa depan mereka dan daripada itu penulis mempersoalkan. Adakah Tabika bertujuan untuk menghasilkan kanak-kanak yang hanya tahu menghafal sahaja tetapi tidak dapat mengerti maksud yang tersirat seperti yang dikatakan oleh Huey peringkat the feeling level.

Paksaan tidak boleh digunakan untuk mendidik anak-anak. Begitu juga kadang-kadang pertaakulan tidak memberikan hasil yang diharapkan. Apabila keadaan seperti ini berlaku, guru perlu menjadi contoh bagi membetulkan kesilapan-kesilapan yang dibuat. Memang sewajarnya setiap tuturkata dan perbuatan guru menjadi tauladan kepada anak muridnya. Jika guru sentiasa memarahi anak murid dengan sindiran, ini mengajar mereka untuk berlaku tidak sopan dan menggunakan kata-kata yang tidak sopan juga. Dengan sendirinya, pendidikan pra-sekolah ini gagal untuk melahirkan masyarakat berhemah tinggi dan berdisiplin.

Dalam keadaan seperti ini, apabila diteliti semula kesan pembelajaran di Tabika, kurikulum tidak boleh disalahkan. Yang patut dipersoalkan ialah apakah sebenarnya tujuan institusi kerajaan, separa kerajaan serta awam dalam pendidikan Tabika? Pada awal kajian, didapati tujuan setiap satu institusi adalah begitu murni sekali tetapi perlaksanaannya jauh daripada memuaskan. Tujuan yang baik tanpa pelaksanaan

yang dapat memberikan hasil yang baik adalah merugikan tidak sahaja dari segi kewangan tetapi juga masa dan tenaga.

6.2 Cadangan

Apabila sesebuah Tabika hendak diadakan, beberapa perkara yang melibatkan persekitarannya perlu dititikberatkan. Sebolehnya sebuah padang bagi kanak-kanak ini bermain tanpa gangguan daripada orang-orang luar dan terletak berhampiran. Ini penting supaya mereka dapat belajar dan bermain dengan lebih selamat dan gembira daripada bermain di atas jalanraya ataupun diganggu oleh orang-orang luar sehingga mereka tidak mahu bermain dengan rakan-rakan sekelas mereka. Cara yang paling berkesan sekali ialah kawasan persekitaran Tabika hendaklah dipagari supaya mereka tidak dapat keluar daripada kawasan sekolah.

Buku-buku bacaan di Sudut Membaca diperbanyakkan lagi dan juga mempunyai gambar-gambar yang jelas dan menarik. Buku-buku tidak semestinya dibeli. Ini terpulang atas initiatif guru untuk mengutip gambar-gambar pemandangan, gambar-gambar burung dan sebagainya serta ditampalkan dan diikat menjadi buku-buku dan dituliskan nama gambar-gambar tersebut.

Bagi Tabika B dan C, oleh kerana mempunyai peruntukan yang terhad, maka adalah satu perkara yang baik jika kerjasama ibubapa diperolehi. Entinya, ibu-ibu boleh digalakkan untuk membuat alat-alat permainan seperti anak patong daripada bahan-bahan terbuang atau yang tidak diperlukan lagi. Mereka boleh juga membuat bunga-bunga daripada akhbar-akhbar dan berbagai lagi. Jika boleh, ibubapa digalakkan juga untuk sekali sekala menyediakan makanan seperti nasi lemak untuk waktu

rehat kanak-kanak ini. Secara tidak langsung wang yuran yang dibayar dapat dijimatkan bagi membeli barang-barang yang lebih baik untuk kelas.

Pembantu guru sepatutnya diberikan peluang untuk sama-sama membantu mendidik anak-anak ini. Menghadkan tugas mereka kepada mengemas dan menyediakan makanan tidak akan membantu mereka apabila guru tidak dapat hadir ke kelas. Pembantu mempunyai banyak masa terluang. Ini adalah daripada pemerhatian penulis di tempat-tempat kajian. Seeloknya masa itu digunakan untuk bermain bersama kanak-kanak, bercerita atau membantu mereka dengan kerja yang diberikan. Tidak sahaja mereka mendapat kepercayaan daripada kanak-kanak ini tetapi hubungan yang baik akan wujud dan membolehkan mereka mengendalikan kelas dengan yakin apabila ketiadaan guru.

Mencampurkan di dalam satu kelas kanak-kanak daripada berbagai peringkat umur tidak boleh digalakkan. Ini disebabkan oleh kerana jadual waktu yang tersusun begitu rupa bagi memenuhi kehendak kurikulum dan institusi berkenaan menghalang kanak-kanak ini daripada memperolehi pertumbuhan yang sepatutnya sejahtera dengan peringkat umur mereka. Juga ia akan membosankan kanak-kanak yang masih muda (4 tahun) apabila guru mengajar dan mereka tidak memahami apa yang diajarkan. Jika setiap tahun mereka berada di kelas yang sama persekitarannya seperti di dalam kes Tabika C, ini boleh mengakibatkan mereka menjadi jemu. Buku-buku yang 'dibaca' sama sahaja, kerja-kerja yang diberikan tidak berubah dan seterusnya. Perhatian guru tidak dapat diceraikan kepada dua, satu untuk yang berumur 6 tahun dan satu lagi untuk yang berumur 4 tahun.

Sedangkan dengan yang berumur 6 tahun sahaja sudah wujud masalah bagaimana keadaan dengan kanak-kanak yang berumur 4 tahun.

Oleh itu penulis mencadangkan supaya kanak-kanak ini diasingkan daripada kelas 6 tahun. Mereka diberikan barang-barang permainan serta alat-alat untuk melukis dan sebagainya tetapi mereka berada di bawah pengawasan pembantu guru. Pada masa pembantu perlu menjalankan kerjanya guru boleh mengawas akan kumpulan kanak-kanak ini. Untuk membolehkan terlaksananya keadaan seperti ini penyusunan jadual waktu amat penting supaya waktu pembantu selesai dengan kerja dapur dapat ditetapkan. Juga ia tidak bercanggah dengan waktu guru sedang mengajar supaya ia juga dapat mengawas kanak-kanak ini.

Cadangan ini didasarkan daripada perbualan dengan guru yang mengatakan untuk mengadakan satu kelas khas bagi kanak-kanak berumur 4 tahun adalah tidak mungkin atas sebab-sebab tertentu.

Dengan itu penulis berharap bahawa kesimpulan dan cadangan yang dikemukakan dapat sedikit sebanyak membantu dalam memperbaiki lagi suasana pembelajaran di Tabika.

BIBLIOGRAPHY

Buku Rujukan

1. Bettelheim, R and Takanishi R : Early Schooling in Asia, New York-McGraw-Hill 1976.
2. Cass, J.E. : The Role of the Teacher in the Nursery School Pengamor Press Oxford 1975.
3. Cawangan Pendidikan : Kurikulum Pra-Sekolah Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Perdana Menteri.
4. Cawangan Pendidikan : Rancangan Tabika Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Perdana Menteri 1979.
5. Danoff, J : and Breitbart, O : Open for Children, For those interested in Early Childhood Education, McGraw-Hill Book Co., New York 1977.
6. Erikson, E : Childhood and Society, Norton New York 1963.
7. Foster, J.C. and Headley, N.E. : Education in the Kindergarten (revised edition), American Book Co., New York 1966.
8. Hippie, M.L. : Early Childhood Education : Problems and Methods, Goodyear Publishing Co., California 1975.
9. Huey, J.F. : The Kindergarten Programme, Nursery Kindergarten Education edited by Jerome E. Leavitt, McGraw-Hill Book Co. Inc., 1958.
10. Jabatan Percetakan Negara : Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, Kuala Lumpur 1976.
11. Ling, Chu Poh dan Tan, L.K. : Siri Kanak-kanak Darjah Awal. Projek I Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia 1975.
12. Mussen. Conger. Kagan. : Child and Development, Harper and Row Publishers 1968 and 1979.
13. Pusat Perkembangan Kurikulum : Laporan Kajian Keciciran, Kementerian Pelajaran Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1973.

14. Read : The Nursery School, A Human Relationships Laboratory (5th edition) W.B. Saunders Co., Philadelphia 1971.
15. Sellitz, C : Research Methods in Social Relation, Revised One Volume Edition, New York 1959.
16. Spodek, B : Constructing a Model for a Teacher Program in Early Childhood Education in Little and Bingham (ed), Emerging Strategies in Early Childhood Education, MSS Information Corporation, New York 1973.
17. Watts, D.G. : Environmental Studies, Routledge and Kegan Paul, New York. Humanities Press 1969.

Seminar dan Bengkel

1. Abdul Halim Ahmad; Pre-School Children's Centre. A Community Development Programme of the Ministry of National and Rural Development, Malaysia dalam Bengkel Kebangsaan pertama Pendidikan Pra-Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia dan UNICEF, Kuala Lumpur, 7 hingga 9 Disember 1981.
2. Atan bin Long; Pre-School Curriculum and Its Implication for Early Childhood Education dalam Seminar Pendidikan Kanak-kanak Awal anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia dan Yayasan Bernad Van Leer Foundation, 10 hingga 15 September 1973.
3. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Laporan Situasi Mengenai Pendidikan Pra-Sekolah di Bengkel Kebangsaan Pertama Pendidikan Pra-Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur Disember 1981.
4. Grant, Dr. B : Early Childhood Education - Case study: Caribbean, kertaskerja disampaikan di Seminar Pendidikan Kanak-kanak Awal, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 10 hingga 15 September 1973.
5. Hajjah Habsah bte. Abdul Rauf, Penglibatan Masyarakat dalam Pendidikan kanak-kanak dalam Seminar Penglibatan Masyarakat dalam Pendidikan Kanak-kanak anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, 11 hingga 13 Disember 1979.

6. Mohd. Sheriff Mohd. Kassim, Cross Sectional Planning for Integrated Socio-Economic Development with Special Stress on children and Youth, kertas kerja disampaikan di National Seminar on Planning for Children and Youth in National Development, Prime Minister Department, September
7. Pusat Perkembangan Kurikulum, Pendidikan Pra-Sekolah di Malaysia. Beberapa isu dan masalah dalam Seminar Pendidikan Pra-Sekolah Sempena Hari Kanak-kanak Antarabangsa anjuran Persatuan Tadika Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia 1979.
8. Projek Pendidikan Imbuhan, Penglibatan Komuniti dalam Kesempurnaan Pendidikan Kanak-kanak. Satu Pendekatan dalam Laporan Seminar Penglibatan Masyarakat Dalam Pendidikan Kanak-kanak, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, 11 hingga 13 Disember 1979.

Jurnal, Majalah dan Thesis

1. Abraham, S.J. : The Influence of Pre-School Education on School Attainment and Adjustment: A Study of Children in Selected Primary School in Kuala Lumpur, M.Ed. Thesis Faculty of Education Universiti Malaya 1978.
2. Bandura, A dan Hutson, A : Identification as a Process of Incidental Learning, Journal of Abnormal Social Psychology volume 63 no. 3, March 1963.
3. Fatimah Hamid Don : Pre-School Education - A Case Study of Mohd. Sukheri Hanafi. Observations and Recommendations, Masalah Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur Volume 5 April 1975.
4. Hasnah bte. Udin : Satu kajian mengenai program latihan Guru-guru Pra-Sekolah Anjuran Persatuan Tadika Malaysia. M. Thesis Faculty of Education Universiti Malaya 1982.
5. Misdrel, W. and Grusee, J. : Determinants of The Rehearsal and Transmission of Neutral and Adversive Behaviours, Journal of Personality and Social Psychology, volume 3 no. 1 1966.
6. Noriah Shaharuddin, Kajian Mengenai Penghargaan Ijabah daripada Program Pra-Sekolah kertas projek untuk Ijabah Bachelor Sains Universiti Pertanian Malaysia 1981.